Jilid II
Bil. 4

Hari Khamis
10hb April, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

Senate

PARLIMEN KELIMA

Fifth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 417]

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat [Ruangan 461]

Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong [Ruangan 462]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEDUA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATO' HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).

„ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).

„ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).

„ Jeneral TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).

„ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).

„ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).

„ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).

„ DATO' HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).

„ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).

„ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).

„ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).

„ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).

„ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).

„ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).

„ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).

„ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).

„ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).

„ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).

„ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).

„ DATO' HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).

„ TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).

„ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).

„ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).

„ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).

„ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).

„ TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).

„ TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).

„ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).

„ TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).

„ TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).

„ DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).

„ TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).

„ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).

„ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).

„ TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).

„ DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik).

„ TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).

„ DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).

„ TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).

„ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).

„ DATO' HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).

„ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).

„ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).

„ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).

„ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).

„ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).

„ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).

„ TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

" DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik).

" DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

" TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

" PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

" DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., S.B., S.T.J., Datuk Kaya Pati (Dilantik).

" TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).

" TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).

" TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N. (Sabah).

" PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.
Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.
Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.
Penolong Penyunting: P. B. Menon.
Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.
Louis Yeoh Sim Ngoh.
Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.
Suhor bin Husin.
Amran bin Ahmad.
Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.
Margaret Chye Kim Lian.
Puan Ng Chong Kin.
Puan Kong Yooi Thong.
Juliah binti Awam.
Supiah binti Dewak.
Ismail bin Hassan.
Shamsiah binti Mohd. Yusof.
Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 10hb April, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

DOA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

SUBSIDI KEPADA PENANAM PADI

1. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada beliau akan menimbang memberi subsidi yang lebih kepada penanam-penanam padi kita di seluruh negara kerana barang-barang makanan, pakaian, pembinaan telah naik berganda-ganda.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memberi berbagai-bagai jenis subsidi termasuk subsidi baja kepada petani-petani bagi membantu mereka mengurangkan beban kos pengeluaran yang meningkat dari masa ke semasa. Bantuan-bantuan ini penting kerana pada keseluruhannya, luas kawasan yang dimiliki ataupun yang dibangunkan oleh petani-petani adalah kecil dan perlu dibantu untuk memberi pulangan yang memuaskan. Subsidi juga merupakan insentif untuk menggalakkan petani-petani menanam satu-satu jenis tanaman penting bagi keperluan negara.

Oleh yang demikian, Kerajaan akan sentiasa menimbangkan pemberian subsidi ini dari masa ke semasa mengikut keadaan supaya dapat membantu petani-petani dalam pengeluaran hasil-hasil pertanian terutama sekali tanaman padi yang merupakan makanan utama negara. Berdasarkan kepada keadaan dan suasana, Kerajaan akan menimbangkan kadar yang berpatutan yang perlu diberi kepada penanam-penanam padi. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, bahawa pada masa dahulu, Kerajaan memberi subsidi baja urea mengikut kadar yang berlainan daripada kadar yang digunakan dalam Rancangan Subsidi Baja Padi yang bermula dalam tahun 1979 yang lalu. Melalui skim subsidi baja padi ini tiap-tiap penanam padi menerima bantuan baja bernilai $60 seekar bagi kawasan tanah yang tidak melebihi 6 ekar. Ini jelas menunjukkan bahawa Kerajaan meneliti keadaan ekonomi petani-petani supaya kadar bantuan yang tertentu dan berpatutan dapat diberi kepada mereka.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memang berterima kasih kepada Kerajaan di atas pemberian subsidi ini tetapi subsidi itu pada hari ini tidak mencukupi oleh kerana dasar Kerajaan adalah hendak membasmi kemiskinan di dalam negeri ini maka pendapatan petani kalau dicampurkan subsidi dan juga lain-lain sama ada wang ataupun kupon, pendapatannya satu ekar satu tahun lebih jauh lagi daripada getah ataupun kelapa sawit. Begitu juga kalau dibandingkan dengan pendapatan orang-orang yang bekerja di kilang-kilang. Jadi dengan sebab itu kita hendak mengimbangkan pendapatan orang-orang di kampung dengan pendapatan orang-orang di bandar dan orang-orang yang mempunyai kebun getah dan kelapa sawit, adakah Kerajaan akan menambahkan lagi subsidi ini dengan berpatutan oleh kerana perkara ini adalah penting, pendapatan petani-petani kita pada hari ini adalah tidak mencukupi maka ini akan dituntut dan terus dituntut oleh petani-petani.

Selain daripada itu, subsidi baja yang diberi oleh Kerajaan itu juga jikalau boleh ditambah lagi oleh kerana tidak mencukupi untuk petani-petani. Bolehkah atau tidak difikirkan?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang mengambil berat tentang masalah yang dihadapi oleh petani-petani dan saya akui bahawa Kementerian Pertanian memang menyedari hakikat bahawa petani-petani terutama sekali penanam-penanam padi adalah golongan yang mempunyai pendapatan yang rendah jika dibandingkan dengan setengah-setengah pekerja dalam sektor pertanian yang lain. Dengan sebab itu Kementerian saya sentiasa meneliti bukan sahaja boleh mengimbangkan kadar bantuan ini bertambah dari semasa ke semasa bahkan telahpun mengamalkannya. Dari setahun ke setahun memang dikaji mengikut keadaan dan bantuan-bantuan subsidi atas jenis-jenis tanaman-tanaman tertentu sentiasa dinaikkan daripada semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masalah membasmi kemiskinan dan meninggikan taraf hidup petani-petani memerlukan perancangan yang menyeluruh dan teliti dan ianya tentu tidak dapat diselesaikan hanya dengan cara subsidi semata-mata kerana ianya meliputi berbagai-bagai aspek. Maka dalam jawapan saya semasa menggulung perbahasan Titah Ucapan Di Raja, akan saya bentangkan rancangan-rancangan yang sedang dan akan dilaksanakan oleh Kementerian saya dengan cara yang lebih halus lagi.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Skim pemberian baja dan subsidi ini adakah dengan desakan atau perundingan daripada petani-petani kita atau hanya dibelaskasihan oleh Kerajaan sahaja? Yang kedua, bolehkah atau tidak Kerajaan menentukan bahawa subsidi ini akan diteruskan selama-lamanya? Yang ketiga, bolehkah atau tidak ditambah sistem kupon daripada $2 itu kepada $5 atas kehendak petani-petani?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang pertama, Kementerian saya sebelum memutuskan sesuatu dasar atau polisi memang sentiasa mengambil perhatian berat di atas pandangan-pandangan yang diberi oleh petani-petani sendiri melalui saluran-saluran yang wujud di antara Kementerian saya dengan petani-petani iaitu melalui badan-badan koperasi peladang, unit-unit tani dan termasuk juga pandangan-pandangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sama ada di dalam Dewan ini dan juga di dalam Dewan Rakyat.

Bagi menjawab soalan yang kedua, sama ada subsidi baja padi itu boleh diteruskan atau tidak, sukalah saya menyatakan subsidi baja padi ini bermula pada tahun 1979 yang lalu dan ianya diteruskan juga bagi tahun 1980 ini setelah Dewan yang mulia ini telah meluluskan peruntukan $100 juta bagi tahun ini, dan insya Allah akan diteruskan pada tahun-tahun yang akan datang sekiranya ia benar-benar memberi faedah dan manfaat kepada petani-petani.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, saya barangkali akan panjangkan kepada Kementerian Perusahaan Awam kerana sistem kupon ini adalah di bawah urusan LPN yang di bawah Kementerian Perusahaan Awam.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pemberian subsidi ini tidak habis-habis kerana kalau kita kekalkan apa subsidipun tahun demi tahun memang tidak cukup. Jadi, saya suka bertanya sama ada Kementerian ada cadangan alternative atau cadangan lain bagi mengatasi masalah penanam padi ini, umpamanya, mengurangkan angka penanam padi dan bagi mereka yang menanam padi itu mereka mempunyai kawasan yang luas supaya holding mereka itu ekonomik adakah rancangan yang sedemikian bagi masa panjang?

Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu menambahkan pendapatan petani-petani dan meninggikan taraf hidup mereka selain daripada rancangan subsidi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu, memang ada cara-cara lain yang difikirkan, diamalkan dan akan terus diamalkan oleh Kementerian saya, termasuklah di dalam usaha-usaha memperbagaikan sumber pendapatan seseorang petani atau satu-satu keluarga tani iaitu selain daripada petani-petani yang bertanam padi itu dapat pendapatan mereka daripada hasil padi, mereka juga digalakkan mendapat pendapatan dari sumber-sumber pendapatan yang lain, daripada aktiviti-aktiviti pertanian yang lain. Umpamanya, dari segi penternakan memang

digalakkan, dari segi perternakan ikan air tawar dan juga dari segi perusahaan kejenteraan ladang kerana kita sedang berusaha supaya petani-petani bukan sahaja menanam padi, mereka juga menjadi pengurus kepada perusahaan kejenteraan ladang yang mana boleh memberi pendapatan tambahan kepada satu-satu keluarga petani. Begitu juga di dalam usaha memajukan perusahaan ladang dan bendang juga sedang difikirkan dan sedang dicuba umpamanya dengan mengadakan ladang-ladang dan bendang-bendang perusahaan secara berkelompok supaya diperluaskan satu-satu bendang padi itu dan dapat diusahakan dengan cara yang lebih ekonomik tetapi cara ini masih lagi di dalam peringkat percubaan.

ISTERI BUKAN WARGANEGARA MALAYSIA

2. Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan di dalam menimbangkan kebenaran masuk kepada isteri-isteri rakyat Malaysia yang bukan warganegara, adakah Kementerian ini sedar ada rakyat Malaysia yang membuat iklan di dalam akhbar-akhbar harian luar negeri yang mempelawa bakal-bakal isteri dan menjamin bakal-bakal isteri tersebut mendapat kerakyatan Malaysia sekiranya bakal-bakal isteri tersebut bersetuju dengan bayaran yang tertentu.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar adanya warganegara Malaysia yang membuat iklan dalam akhbar-akhbar mempelawa bakal-bakal isteri dan menjamin bahawa bakal-bakal isteri itu akan dapat kerakyatan Malaysia. Kerajaan adalah memandang berat terhadap amalan yang demikian. Ini adalah salah satu amalan-amalan yang boleh dianggap sebagai menyalahgunakan beberapa kemudahan yang diberi kepada isteri-isteri asing di bawah Undang-undang Imigeresen dan Kewarganegaraan. Saya berharaplah supaya Ahli Yang Berhormat itu dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain jika ada perkara-perkara yang seumpama itu diketahui sudi mengemukakan maklumat-maklumat yang lanjut mengenai hal ini bagi kajian Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tepat, kerana tidak tepat itu beliau tidak mengatakan ini benar berlaku atau tidak benar berlaku. Saya suka bertanya perkara-perkara yang di luar negeri membuat satu pencabulan yang memalukan negara dengan kata-kata: bakal-bakal isteri tersebut dapat kerakyatan Malaysia sekiranya bakal isteri tersebut bersetuju dengan bayaran yang tertentu. Kalaulah benar perkara yang semacam ini ada berlaku, saya rasa bukan sahaja Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu siapa, tetapi adalah kewajipan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri mengikuti ini sungguh-sungguh sehingga kita dapat menangkap pengkhianat negara sebab memalukan negara kita di luar negeri. Sebab itu saya rasa adalah tanggungjawab Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri mengikuti ini sehingga berjaya melaksanakan . . . .

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalan tambahan.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan saya panjang sedikit kalau tidak panjang tidak faham.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh!

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Baiklah saya sambung. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri bercadang akan mengikuti dan menangkap sampai dapat perkara yang berlaku yang amat memalukan kepada negeri dan Kerajaan kita ini.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kementerian memang sedar di atas amalan-amalan tersebut dan juga akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mencegahnya menurut undang-undang. Pihak kita tidaklah dapat menghalang kenyataan ataupun iklan-iklan yang dikeluarkan di dalam akhbar-akhbar sama ada dalam negeri lebih-lebih di luar negeri dengan kebebasan yang diberi kepada akhbar untuk menulis mengeluarkan pendapat ataupun kehendak masing-masing selagi tidak bercanggah dan melanggar perintah undang-undang.

Walau bagaimanapun, sekiranya ada bukti yang terang yang menyalahi undang-undang, maka bolehlah pihak Kementerian/Jabatan berkenaan mengambil langkah-langkah.

PENCEROBOHAN TENTERA VIETNAM DI KEPULAUAN AMBOYNA CAY

3. Datuk Phua Cheng Leong minta Menteri Luar Negeri menyatakan tindakan yang beliau akan ambil mengenai pencerubuhan Pulau Amboyna di perairan Malaysia Timor oleh Vietnam sejak tahun 1977 itu.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia menyedari akan hakikat adanya tentera Vietnam di kepulauan Amboyna Cay. Tetapi, kita tidak mempunyai sebarang tujuan untuk menggunakan kekerasan supaya Vietnam mengundurkan tenteranya dari situ. Y.A.B. Perdana Menteri sendiri semasa lawatan Perdana Menteri Vietnam Encik Pham Van Dong ke Malaysia dalam bulan Oktober, 1978, telah membangkitkan perkara ini. Ahli Yang Berhormat juga mungkin maklum, pada 21hb Disember, 1979, Malaysia telah menerbitkan Peta Baru, menggariskan kawasan perairan dan pelantar benuanya termasuk Amboyna Cay. Adalah disedari bahawa terdapat tuntutan yang bercanggah mengenai Amboyna Cay dengan Vietnam. Dalam hal ini, kedua belah pihak telah bersetuju supaya sebarang perselisihan hendaklah diselesaikan melalui perundingan.

Datuk Dr Wee Khoon Hock: Soalan tambahan. Sama ada adanya tentera Vietnam di Pulau Amboyna itu akan mengancam keselamatan Malaysia Timur, khasnya negeri Sabah?

Kedua, adakah kemungkinan infiltrasi ahli komunis Vietnam dari pulau itu ke negeri Sabah dan Sarawak untuk menjalankan aktiviti-aktiviti subversif?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, jawapan kedua-dua soalan ini, pihak kita Malaysia akan mengawasi seberapa yang boleh agar keselamatan, kedaulatan negara kita, keutuhan wilayah kita tidak terjejas. Maka dengan asas itulah saya suka mengatakan kepada Dewan yang mulia ini dan begitu juga kepada Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock di atas dasar itu kita seberapa yang boleh akan mengatasi semua perkara-perkara, bukan sahaja daripada kedudukan Amboyna Cay ini bahkan dari segi apa sekalipun yang ada akan mengakibat terjejasnya, terancamnya keselamatan negara kita, kedaulatan negara kita dan keutuhan wilayah negara kita.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebelum daripada Vietnam mendaratkan askarnya ke pulau ini adakah telah lebih awal dia memberitahu kita?

Kedua, Menteri Luar Vietnam akan datang ke Malaysia tak berapa lama lagi. Adakah salah satu topicnya akan membincangkan perkara pulau yang hak kita dia duduk tanpa izin itu?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengatakan di dalam perjumpaan lawatan saya yang pertama ke Hanoi, masalah pelantaran benua ini dan juga perairan kita jikalau ada satu-satu perkara yang berselisihan adalah perlu diselesaikan secara aman dan kemungkinan perkara ini juga akan dibawa di dalam perbincangan kerana ini adalah bersabit dengan bilateral.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah kepulauan Amboyna Cay ini masuk dalam kawasan kita pada masa penjajahan dahulu?

Kedua, tidakkah ini satu perlanggaran Vietnam itu masuk ke dalam sovereignty negeri kita dan tidakkah itu melanggar peraturan dunia international.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, di dalam peta baru kita, kita mendesakkan yang mana kawasan-kawasan yang menunjukkan dalam Peta Baru ini hak kita, itulah desakan kita perkara ini adalah salah satu daripada perkara-perkara yang masih dirundingkan dalam Law of the Sea Conference yang telahpun mula beberapa tahun yang lepas yang mungkin akan mengambil masa beberapa tahun akan datang lagi seperti economic zone, pelantaran benua dan juga perairan, Archipelagic Concept dan termasuklah kedudukan straits.

Saya suka menjelaskan lagi Peta Baru ini menunjukkan kawasan-kawasan yang kita claim, yang kita mendesak hak kita. Jikalau ada terbangkitnya sesuatu perkara yang didesakkan oleh negara-negara lain, bagi pihak Malaysia saya suka mengatakan Malaysia sedia berunding secara aman, secara perundingan, secara negotiation.

Saya suka mengatakan ada juga negara-negara lain telahpun membuat memorandum untuk mengatakan perkara ini perlu di rundingkan.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Saya sedar Yang Berhormat Mulia Tengku berangkat ke Hanoi, Vietnam awal tahun ini dan Peta Baru kita dikeluarkan dalam 1-2 bulan ini, pencerobohan ini berlaku tahun 1977. Saya suka mendapat tahu daripada Yang Berhormat Mulia Tengku apakah tindakan telah dibuat? Saya ketahui pada tahun 1977 Vietnam telah menceroboh pulau kita dan apa jawapan Vietnam kepada kita. Tentang pemergian Tengku ke Hanoi itu sudah maklum, itu dalam tahun 80an, peta inipun baru keluar, lebih kurang sebulan atau dua bulan dahulu. Jadi yang patek mohon Tengku apakah yang akan kita buat dahulu sebab ini berlaku 3-4 tahun dahulu, kita diam sahaja ataupun dengan ada peta ini saya gunakan, begitukah?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak menjelaskan satu persatu barangkali mengambil masa di atas banyak kawasan-kawasan yang mana boleh dikatakan pertikaian di antara kawasan-kawasan ini ada, bukan sahaja di kawasan-kawasan kita bahkan semua dunia pun ada. Tindakan-tindakan bila kita mengawasi keadaan ini kita telahpun membuat tindakan-tindakan seperti mencari jalan, cara mana, di manakah tempatnya dan sudahpun kita buatkan dengan kerjasama beberapa Kementerian-kementerian. Salah satu itulah yang mana lepas perbincangan dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan kita mengeluarkan Peta Baru, kalau tak salah saya baru-baru ini pada bulan Disember, 1979. Tindakan-tindakan itu saya rasa kita telah mengambil cara mana kita hendak mengatasi kedudukan ini. Dengan kita membuatkan Peta Baru inilah saya rasa cara yang baik, cara yang sesuai bahkan saya suka mengatakan juga negara-negara lain pun ada juga membuat sepertimana yang kita buat ini untuk kita mencari jalan penyelesaian supaya rundingan itu terus diadakan.

ASEAN-EEC—KERJASAMA DALAM PERDAGANGAN

4. Tuan M. Mahalingam minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan hasil perundingan yang berlangsung baru-baru ini antara EEC dan ASEAN berhubung dengan rundingan kerjasama dalam bidang perdagangan dan sama ada beliau berpuashati bahawa dengan rundingan ini Malaysia akan dapat perseimbangan dagangan yang memuaskan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, Mesyuarat Kedua Menteri-menteri ASEAN dan EEC yang diadakan pada 7hb hingga 8hb Mac, 1980 baru-baru ini ialah bertujuan untuk mengkaji dan menilai kemajuan yang telah dicapai mengenai kerjasama ASEAN-EEC sejak mesyuarat pertama mereka yang diadakan di Brussels pada bulan November 1978 dahulu. Kemuncak kepada mesyuarat yang diadakan di Kuala Lumpur itu ialah majlis menandatangani Perjanjian Kerjasama ASEAN-EEC.

Perjanjian ini adalah dianggap penting kerana dengan adanya perjanjian ini negara-negara ASEAN akan mendapat layanan istimewa (Most Favoured Nation Treatment) dalam bidang perdagangan dengan EEC. Perjanjian Kerjasama ini juga mengandungi bidang-bidang kerjasama yang lain seperti kerjasama pembangunan, kebudayaan dan ekonomi.

Adalah diharapkan dengan adanya Perjanjian Kerjasama ini barang-barang buatan dari negara-negara ASEAN terutama sekali Malaysia akan dapat masuk ke pasaran EEC dengan lebih mudah lagi tanpa sekatan-sekatan tarif dan bukan tarif. Sejak tahun 1973 lebihan dagangan antara Malaysia dan EEC telah menguntungkan pihak Malaysia. Misalnya, pada tahun 1973 lebihan dagangan ialah 347.4 juta ringgit dan pada tahun 1978 ianya meningkat kepada 642.9 juta ringgit. Oleh yang demikian, dijangkakan bahawa dengan adanya Perjanjian Kerjasama yang ditandatangani baru-baru ini ianya akan

dapat mengekalkan dan meningkat lagi lebihan dagangan Malaysia dengan EEC pada masa-masa yang akan datang.

PENGANGGURAN—BILANGAN

5. Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan bilangan pengangguran di negara ini dalam tahun 1979 dan tahun 1980 dan sama ada Rancangan Malaysia Ketiga ini akan dapat mengurangkan jumlah penganggur.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Datuk K. Pathmanaban): Tuan Yang di-Pertua, kadar pengangguran di negara kita pada tahun 1980 adalah dianggarkan sebanyak 6.1% dan ini adalah berkurangan daripada kadar pengangguran pada tahun 1978 iaitu sebanyak 6.2% dan peratus pengangguran pada permulaan Rancangan Malaysia Ketiga adalah sebanyak 7%. Kerajaan memanglah sedar bahawa masalah pengangguran ialah satu masalah yang perlu diberi perhatian yang berat dan berterusan. Kerajaan juga adalah berazam mengatasi masalah pengangguran ini dan adalah dijangka dalam rancangan jangka panjang yang berakhir dalam tahun 1990 masalah ini mungkin akan dapat diatasi di satu tahap yang boleh dianggap sebagai full employment atau kegunaan tenaga kita yang penuh akan tercapai.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Betul atau tidak iaitu pada hari ini terdapat juga kekurangan tenaga buruh-buruh di estet-estet yang tidak dapat tenaga tersebut. Betul atau tidak buruh yang menganggur ini kalau betul-betul memang tidak ada yang menganggur di negeri kita, oleh kerana di estet-estet banyak yang meminta kaum buruh untuk bekerja?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, keadaan itu adalah benar sebab di sesuatu tempat terdapat kekurangan pekerjaan tetapi pada amnya adalah terdapat bahawa lebih kurang 6% itu adalah menganggur. Sebab-sebab timbulnya keadaan ini ialah kekurangan mobility di kalangan pekerja-pekerja atau dalam pasaran-pasaran buruh yang tertentu ataupun pekerja-pekerja yang berkenaan tidak sanggup atau enggan untuk mengambil peluang-peluang yang ada di ladang-ladang ataupun sektor-sektor yang lain.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya agak kurang jelas berkenaan dengan 6.1%. Soalan yang asal ialah berapakah jumlah bilangan penganggur? Yang kedua, angka pengangguran yang diberi ini adakah daripada jumlah semua penganggur ataupun penganggur-penganggur yang berdaftar sahaja?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, angka yang saya beri tadi adalah penganggur-penganggur yang dianggap sebagai benar dan bukan daripada pendaftaran di Pejabat Pekerjaan di bawah Kementerian saya sahaja. Jumlah sebenarnya yang menganggur pada tahun 1980 adalah dianggap sebagai 315,000 orang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Setelah kita mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, walaupun kadar ini menurun tetapi adakah langkah dan ikhtiar Kementerian ini supaya membuat satu perhubungan atau membuat kajian sebab di mana kawasan-kawasan ramai kekurangan tenaga buruh tetapi mereka tidak tahu di mana tempat hendak pergi. Dalam masalah menampung hal ini apa langkah yang dibuat oleh Kementerian Buruh untuk mengatasi perkara tersebut supaya dengan keadaan ini kadar pengangguran itu akan berkurangan lagi?

Datuk K. Pathmanaban: Tuan Yang di-Pertua, jawapan yang dikehendaki untuk soalan tambahan Yang Berhormat itu adalah panjang.Tetapi secara ringkas saya bolehlah mengatakan bahawa di mana-mana tempat terdapat kekurangan pekerja, maklumat itu adalah diberi kepada Pejabat-pejabat Pekerjaan di seluruh negara dan majikan-majikan juga mengambil beberapa tindakan yang perlu untuk pergi ke tempat-tempat di mana terdapat pekerja-pekerja yang tidak mempunyai pekerjaan. Dengan segala tindakan ini kita dapatlah lebih kurang memenuhi kehendak-kehendak pekerja-pekerja di satu-satu tempat. Tambahan kepada itu kita ada, antara lain rancangan latihan, rancangan

pelajaran, rancangan untuk memberi penerangan yang benar dalam suratkhabar dan lain-lain untuk mengatasi masalah ini.

TALIAN TELEFON—BILANGAN

6. Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan telefon di Kuala Lumpur dan di seluruh negara.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa setakat ini terdapat sebanyak 76,077 talian terus telefon serta 139,497 alat telefon iaitu termasuk sambungan-sambungan di Kuala Lumpur. Dan bagi seluruh negara pula termasuk Sabah dan Sarawak setakat ini terdapat 334,537 talian terus serta 520,744 alat telefon.

SUBSIDI HARGA MINYAK

7. Tuan Yap Peng minta Menteri Kewangan menyatakan memandangkan kepada kenaikan harga minyak mentah di seluruh dunia sekarang sama ada Kerajaan akan memberi subsidi supaya harga minyak tidak akan begitu mahal di negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang lepas Kerajaan memang telah memberikan subsidi ke atas minyak disel dan minyak tanah yang dijual di negara ini untuk membantu kumpulan rakyat yang berpendapatan rendah, para nelayan, pengusaha-pengusaha kenderaan awam serta juga subsidi di dalam perbekalan elektrik. Walau bagaimanapun Kerajaan tidaklah berupaya untuk terus mengongkong kenaikan harga bahan-bahan tersebut oleh kerana bahan-bahan itu terpaksa diimport. Di samping itu sekiranya harga minyak yang dijual di negara ini terlalu rendah jika dibandingkan dengan harga di negara-negara jiran yang berdekatan dengan kita, ini akan menggalakkan penyeludupan bahan-bahan tersebut dan di samping itu pihak pembekal minyak akan juga enggan untuk memberi bekalan yang cukup bagi keperluan di dalam negara ini oleh kerana harga di negara-negara lain adalah lebih tinggi. Rakyat mestilah sedar tentang kenaikan harga minyak di seluruh dunia dan mestilah belajar untuk hidup dengan keadaan ini serta bersedia menerima hakikat ini.

LEBUHRAYA TOL BUKIT KAYU HITAM-JOHOR BAHRU

8. Tuan Alexander Y. L. Lee minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan kemajuan yang telah diperolehi di dalam rancangan pembinaan jalan tol utara-selatan dan bilakah rancangan ini akan dilaksanakan.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukacita diberitahu bahawa kajian kemungkinan dan rekabentuk kejuruteraan bagi projek Lebuhraya Tol dari bandar Bukit Kayu Hitam di utara ke selatan hingga ke Johor Bharu sedang dilaksanakan oleh Firma-firma jurutera perunding.

Bagi cadangan Lebuhraya bahagian Changkat Jering-Ipoh-Bidor, pelan-pelan kejuruteraan telahpun siap dan dokumen tawaran bagi projek tersebut sedang diteliti dan diperkemaskan. Notis pra-kelayakan bagi kontraktor-kontraktor (Notice of prequalification of Contractors) akan diedarkan tidak lama lagi dan tawaran akan dipelawa berikutnya. Kerja-kerja pembinaan akan bermula pada awal tahun 1981 dan dijangka memakan masa selama tiga tahun. Demikian juga dengan projek Lebuhraya Jitra-Bukit Kayu Hitam yang mana pelan-pelan rekabentuk kejuruteraan telahpun siap. Notis pra-kelayakan (pre-qualification) bagi kontraktor-kontraktor telahpun diedarkan dan tawaran akan bermula pada awal tahun 1981. Pembinaan lain-lain bahagian Lebuhraya tersebut akan dimulakan sebaik-baik sahaja kerja-kerja kajian kemungkinan rekabentuk siap nanti.

Adalah dijangka keseluruhan projek Lebuhraya ini akan siap pada akhir tahun 1984.

Tuan M. Mahalingam: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan menerangkan keadaan projek

jalan Alor Star-Cangkat Jering dan Cangkat Jering-Kuala Lumpur berapa jauh jalan ini dan bila akan dimulakan dan bila siap projek tersebut?

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya katakan tadi projek ini akan siap pada tahun 1984. Untuk memberi satu penjelasan kepada Ahli Yang Berhormat itu yang pertamanya Alor Star-Cangkat Jering jauhnya 127 buah, kajian kemungkinan bagi projek di atas telahpun tamat, kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan sedang di peringkat terakhir, draft iaitu final report dijangka akan siap sedikit masa lagi.

Yang keduanya, Cangkat Jering-Ipoh dan Bidor iaitu sejauh 62.9 batu. Kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan telahpun siap dan dokumen tawaran baginya sedang diteliti dan diperkemaskan. Notis berkelayakan akan diedarkan tidak lama lagi dan tawaran akan diperlawa selepas itu, pembinaan dijangka bermula pada awal tahun 1981.

Yang ketiga, Bidor-Tanjung Malim 37.5 batu, projek ini sedang di dalam rancangan.

Yang keempat, Tanjung Malim-Kuala Lumpur iaitu 41.94 batu. Kajian kemungkinan telahpun bermula pada penghujung tahun 1978. Ini akan diikuti oleh kerja-kerja rekabentuk kejuruteraan dan aliran alignment lebuhraya masih belum ditetapkan lagi.

Akhir sekali, Tuan Yang di-Pertua, jumlah projek saya harap kita boleh siapkan pada tahun 1984.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Tidak bolehkah Yang Berhormat Menteri daripada menjawab dengan panjang-panjang memberikan alasan bagi melaksanakan rancangan ini, hanya mengatakan bahawa perlaksanaan ini dapat disempurna dan dapat dijalankan menunggu kelulusan Rang Undang-undang Lembaga lebuhraya yang hendak dibahaskan ini, dengan ini dapat satu jaminan, dapat wang dikutip balik.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini projek-projek ini semua masuk dalam Lembaga Lebuhraya apabila kita dapat kelulusan daripada Dewan Negara. Sekarang ini masih dalam kajian dan kita akan jalankan projek ini atas nama JKR iaitu Bahagian Penyelidikan dan Rekabentuk dari Kementerian saya yang sedang menjalankan projek sehingga kita dapat luluskan Rang Undang-undang Lembaga Lebuhraya ini.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Yang ahkir sekali.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Yang akhir sekali untuk soalan ini. Saya hendak tanya sedikit mengapa jalan di Perak sahaja, adakah kerana Yang Berhormat datang daripada Sungai Siput? Itu sahaja.

Dato S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat itu projek-projek jalan di Raub, Pahangpun sedang dalam kajian sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah.

(*Soalan No. 9 Y.B. Tuan S. I. Rajah tidak hadir*)

DEMONSTRASI PETANI-PETANI KEDAH

10. Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(*a*) sebab-sebab petani-petani di Alor Star, Kedah berkumpul beramai-ramai baru-baru ini; dan

(*b*) langkah Kerajaan akan ambil untuk mengelakkan kejadian demonstrasi itu daripada berulang lagi.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, petani-petani telah berkumpul beramai-ramai di Alor Star pada 23hb Januari 1980 bukanlah untuk menunjuk perasaan atau berdemonstrasi, tetapi berkumpul kerana adanya khabar-khabar angin mengenai pengumuman kenaikan harga padi yang kononnya akan diumumkan pada hari tersebut. Yang benar-benar berdemonstrasi dan menghasut orang lain untuk bersama-sama ialah anasir-anasir apa yang dikatakan Pertubuhan Angkatan Sabilullah yang tidak bertanggung-jawab itu. Penglibatan mereka ini adalah nyata dan telah diumumkan oleh dua orang pemimpin Pertubuhan berkenaan.

Kerajaan adalah sentiasa berwaspada di atas hasrat dan keperluan rakyat jelata, alat-alat jentera pentadbir Kerajaan adalah mencukupi untuk mengelakkan sebarang demonstrasi secara haram.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan berfikir sekiranya tidak ada dicampurtangan oleh parti politik parti pembangkang atau anasir-anasir jahat tunjuk perasaan itu tidak akan berlaku?

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tuan Yang di-Pertua, benar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tunjuk perasaan itu tidak akan berlaku kalau tidak ada campurtangan daripada apa yang dikatakan anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar kerana ketiadaan puas hati tentang harga-harga yang diberikan oleh pihak Kerajaan itu.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, tidak berapa kedengaran.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh ulang?

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussein: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas jawapan Yang Berhormat Menteri itu, tetapi saya suka buat soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar kerana ketiadaan puas hati tentang harga-harga yang diberikan oleh Kerajaan terhadap penanam-penanam padi itu.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Seperti yang saya katakan tadi, Tuan Yang di-Pertua, demonstrasi ini tidak bersangkut paut dengan petani-petani yang tulin.

Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Kerajaan menimbangkan supaya harga padi di Kedah sama dengan harga padi yang dibayar oleh Lembaga Padi Sabah iaitu $30 sepikul, tidak kira gred.

Dato' Abdul Manan bin Othman: Tidak, buat sementara waktu, Tuan Yang di-Pertua.

UNIT PENCEGAH PENYELUDUPAN

11. Puan Zawiah binti Abdullah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(*a*) kejayaan-kejayaan yang telah dicapai oleh Unit Pencegah Penyeludupan untuk mengawal penyeludupan-penyeludupan di sempadan Malaysia/Thailand dalam tahun 1979; dan

(*b*) sama ada unit ini akan dibesarkan lagi dan dilengkapkan dengan perkhidmatan helikopter.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat kejayaan-kejayaan yang dicapai oleh Unit Pencegah Penyeludupan dalam tahun 1979 adalah seperti berikut iaitu:

Pertama merampas barang-barang yang cuba diseludupi yang bernilai sebanyak $430,553. Selain daripada itu, menangkap seramai 500 orang yang terlibat dalam penyeludupan dan melanggar Undang-undang Imigeresen dan juga dapat menahan sebanyak 101 buah kenderaan yang terlibat dalam penyeludupan.

Kedua, dengan usaha ini telahpun dapat menambahkan jumlah hasil cukai yang dipungut di tempat keluar-masuk di sempadan, misalnya, dalam tahun 1979 cukai yang dipungut adalah berjumlah $10 juta jika dibandingkan dengan $2.7 juta bagi tahun 1976 iaitu sebelum Unit itu ditubuhkan.

Berhubung dengan soalan (*b*) sukalah saya maklumkan bahawa Unit itu telahpun diperbesarkan, misalnya, dalam tahun 1978 anggota-anggota Unit ini berjumlah sebanyak 800 orang tetapi dalam tahun 1980 ini jumlah anggotanya telahpun meningkat kepada 1,081 orang dan juga Unit ini telah diberi alat-alat kelengkapan moden dalam menjalankan tugas-tugasnya. Tetapi setakat masa ini belumlah ada cadangkan untuk melengkapkan Unit ini dengan perkhidmatan helikopter.

PRINSIP RUKUNEGARA

12. Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan sebab-sebabnya prinsip-prinsip Rukunegara tidak disiarkan melalui RTM untuk diserapkan kepada rakyat jelata khasnya kaum muda-mudi dan murid-murid sekolah.

Timbalan Menteri Penerangan (Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, prinsip-prinsip Rukunegara telah disibarkan pada awal dahulu semasa prinsip ini diumumkan oleh Kerajaan. Sekarang ini walaupun tidak disibarkan secara langsung, namun semangat Rukunegara ada terkandung dalam rancangan-rancangan yang diterbitkan oleh RTM juga oleh jabatan-jabatan yang di bawah Kementerian ini.

Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah: Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah tidak berfaedah siaran patut diulangi sekurang-kurangnya sebulan sekali atas prinsip Rukunegara supaya seluruh rakyat faham benar-benar akan tujuan tersebut.

Dr Ling Liong Sik: Tuan Yang di-Pertua, barangkali kemungkinannya ada berfaedah tetapi melalui beberapa cara dan jalan-jalan, prinsip-prinsip Rukunegara ini telah disibarkan sama ada melalui matapelajaran Tata Rakyat di dalam sekolah-sekolah atau di dalam Jabatan Penerangan melalui Kursus Sivik, Perhimpunan Sivik dan lain-lain dan juga saya percaya dalam tiap-tiap exercise book yang dibeli oleh murid-murid ada dicetak prinsip-prinsip Rukunegara.

PENCEROBOHAN RUSSIA KE ATAS AFGHANISTAN

13. Dato Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pencerobohan Russia di Afghanistan menyentuh kesetabilan politik ASEAN dan sama ada Malaysia telah merujukkan perkara ini dengan anggota-anggota ASEAN yang lain atau membincangkan perkara itu dengan negara-negara Islam sahaja.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, soal pencerobohan Soviet Union ke atas negara Afghanistan telah dibincangkan secara "informal" oleh Menteri-menteri Luar Negeri ASEAN. Mereka sama-sama berpendapat bahawa memang ada pertalian antara masalah Kampuchea dan Afghanistan, iaitu kedua-dua negara itu adalah mangsa campurtangan kuasa asing ke atas kedaulatan dan kemerdekaan mereka. Perkara ini juga telah dibincangkan semasa persidangan ASEAN-EEC yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini dan Menteri-menteri Luar Negeri negara-negara EEC bersependapat dengan pendirian ASEAN ini. Mereka bersetuju bahawa tentera-tentera asing perlu diundurkan dari kedua-dua negara Kumpuchea dan Afghanistan untuk membolehkan rakyat mereka menentukan nasib dan masa depan masing-masing dengan sendiri tanpa campurtangan dan pengaruh negara-negara asing.

Tuan Haji Khalid bin Haji Abdullah: Soalan tambahan saya ialah pada akhir-akhir ini nampaknya kebanyakan negara-negara Islam telah diceroboh sama ada secara langsung atau tidak langsung. Bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Luar Negeri adakah sesuatu perundingan ataupun sesuatu cara yang positif yang dapat persetujuan negara-negara Islam untuk mencegah supaya pencerobohan yang seumpama ini tidak akan berlaku pada masa akan datang?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, di dalam persidangan tergempar di Islamabad baru-baru ini perkara ini telah dibincangkan. Adalah menjadi prinsip antarabangsa dan juga tercatit dan terkandung di dalam Tata Piagam Bangsa-bangsa Bersatu iaitu kedaulatan dan kemerdekaan sesuatu negara mesti dihormati oleh semua negara-negara yang ada di dalam dunia. Maka di atas prinsip inilah satu perbincangan telahpun dibuat, kalau tidak salah saya satu resolusi (keputusan) telahpun diambil agar sepertimana yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi iaitu telah menyatakan jikalau sesuatu negara Islam diserang ataupun diceroboh oleh satu negara yang lain maka disifatkan pencerobohan ini adalah pencerobohan kepada semua negara-negara Islam yang ada di dalam dunia. Ini adalah satu perkara yang menyekat supaya pada masa akan datang perkara pencerobohan ini tidak berlaku dan di sini ada satu perkara penting demi menjaga keselamatan tiap-tiap satu negara sama juga menjaga keselamatan dunia dan juga kestabilan dan keamanan dunia seluruhnya.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berhubung dengan sikap kita di Afghanistan itu, saya ingin membuat soalan tambahan

iaitu adakah sikap Kerajaan Malaysia bagi tindakan yang kedua mengikuti setengah-setengah negara Islam iaitu mereka menghantar angkatan sukarela membantu gurila-gurila Islam yang hendak menghalau askar-askar Russia yang menceroboh di Afghanistan?

Yang kedua, bolehkah Kerajaan ini membenarkan sekiranya ada pertubuhan sukarela daripada rakyat negeri ini hendak sama-sama berjuang dengan gerila di Afghanistan itu, dapatkah dibenarkan?

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Kalau diizinkan saya menjawab soalan yang kedua dahulu iaitu jikalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat di sini bersedia menjadi sukarela, saya rasa bolehlah kita berikan sokongan. (*Ketawa*)

Bersabit dengan soalan yang pertama tadi, Tuan Yang di-Pertua, kita suka kalau mengikut dasar kita khususnya Malaysia, mencari jalan menyelesaikan masalah Afghanistan sama juga seperti Kampuchea secara perundingan dan secara aman dan damai. Itulah muslihat dan tujuan kita yang asal dan yang utama.

Di dalam perbincangan kita di Islamabad kita mestilah berunding agar perkara keamanan dan kestabilan ini dapat kembali balik kepada Afghanistan. Yang penting adalah hak-hak asasi orang Afghanistan, sama juga hak-hak asasi orang Kampuchea, penentuan mereka itu mestilah diberikan kepada orang tempatan. Kalau di Afghanistan penentuan itu diberikan kepada orang Afghanistan, kalau di Kampuchea penentuan hidup mereka pada masa akan datang hendaklah diberikan kepada Kampuchea.

PERMOHONAN TUKAR SYARAT/ PECAH SEMPADAN

14. Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan mengapakah Kerajaan mengambil masa yang sebegitu lama untuk meluluskan pecahan geran dan tukar syarat dan adakah perkara ini boleh dipercepatkan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bagi pihak Yang Berhormat Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah.

Kerajaan adalah sedar bahawa setengah-setengah permohonan tukar syarat dan pecah sempadan mengambil masa yang begitu lama untuk diluluskan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri kerana prosesnya terpaksa menempuhi beberapa tindakan-tindakan yang melibatkan beberapa Jabatan-jabatan Kerajaan yang berkaitan seperti Pihak Yang Berkuasa Tempatan, Jabatan Perancang, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Parit dan Taliair dan Jabatan Penilaian tetapi berpendapat bahawa tempoh proses tersebut boleh dipendekkan. Dengan kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri usaha untuk memendekkan tempoh tersebut sedang dijalankan dengan:

(i) menambahkan bilangan pegawai-pegawai tanah di mana didapati berkurangan;

(ii) memberi latihan kepada pegawai-pegawai tanah yang berkenaan untuk menambah kecekapan mereka;

(iii) mengadakan "Buku Panduan Bekerja" dalam segala aspek pentadbiran tanah bagi panduan pegawai-pegawai tanah.

Kementerian ini diberitahu bahawa beberapa buah Kerajaan Negeri sekarang sedar di atas kelewatan memproses permohonan menukar syarat dan masalah ini sedang diatasi dengan memperkemaskan lagi perhubungan antara jabatan-jabatan yang berkenaan supaya keputusan Kerajaan Negeri dapat dicapai dengan seberapa segera.

Kementerian ini juga akan mengadakan mesyuarat dengan Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tanah Negeri-negeri tidak lama lagi untuk mencari jalan bagaimana permohonan untuk mengubah syarat dapat diselesaikan dalam masa enam bulan.

KAUM WANITA DALAM PASUKAN POLIS

15. Tuan Joseph Unting anak Umang minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan kaum wanita yang sudah menyertai pasukan Polis pada masa sekarang.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan kaum wanita yang sudah menyertai pasukan Polis di-Raja Malaysia pada masa ini adalah sebanyak 1,365 orang.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dalam bilangan yang seumpama ini dapatkah Yang Berhormat Menteri berkenaan memberitahu Dewan ini mana lebih cergas, mana lebih berdisiplin antara polis lelaki dengan polis wanita ketika menjalankan tugasnya.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, ini terpulang kepada tugas masing-masing. Polis lelaki kecergasan mereka adalah terhadap jenis tugas yang dijalankan oleh mereka itu dan begitu juga polis wanita ini ketegasan mereka adalah kepada jenis yang ditugaskan kepada mereka itu menjalankan. Walau bagaimanapun, kecekapan mereka pada keseluruhannya adalah sama kerana gaji pun sama. (*Ketawa*)

Tuan Joseph Unting anak Umang: Saya hendak bertanya kepada Timbalan Menteri yang berkenaan dalam 1,365 orang kaum wanita yang telah menyertai pasukan polis berapa bilangan wanita yang sudah diberi peluang sebagai Superintendent ataupun Acting Commissioner. Berapakah bilangan yang tersebut.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sukalah saya terangkan iaitu di antara polis-polis wanita yang mempunyai pangkat adalah seperti berikut:

Penguasa Polis	1
Timbalan Penguasa Polis	1
Penolong Penguasa Polis	17
Inspector	149
Sub-Inspector	1
Sargeant-major	3
Sargeant	54
Corporal	81
Polis biasa (constable) ...	1,058

Tuan Joseph Unting anak Umang: Soalan tambahan. Adakah Kementerian berkenaan ataupun Kerajaan kita bercadang supaya taraf kaum wanita disamakan dengan kaum lelaki dinaikkan pangkat kepada Inspector General atau Commissioner.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini tiada halangan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, dalam jawapan Yang Berhormat Menteri baru sekejap ini mengatakan bahawa kecekapan di antara polis wanita dan polis lelaki ada perbezaan dalam tugas masing-masing. Jadi bolehkah Yang Berhormat Menteri menerangkan sama ada Kementerian bercadang untuk menyamakan uniform polis wanita dengan lelaki supaya kecergasannya boleh jadi sama dalam kegiatan-kegiatan masing-masing.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, memang boleh ada cadangan pihak Kerajaan untuk menyamakan uniform. Sebagaimana polis lelaki sekarang ini memakai uniform seluar panjang selain daripada kemeja ataupun cap, maka polis wanita juga akan dilengkapkan dengan uniform yang sama iaitu seluar panjang. Usaha ini sedang dijalankan dan kita jangka sebelum akhir tahun ini, insya Allah, uniform ini akan dapat disediakan kepada pihak polis wanita.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 9 dan 16 hingga 40 adalah diberi di bawah ini).

TUNJUK PERASAAN PETANI KEDAH

9. Tuan S. I. Rajah minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tunjuk perasaan oleh petani-petani di Kedah baru-baru ini boleh berlaku lagi dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengatasi perkara ini dan sama ada benar bahawa mereka yang mengikut ajaran atau tauladan Ayatollah Khomeini telah terlibat di dalam tunjuk perasaan ini.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Muhammad Ghazali bin Shafie): Jawapan kepada soalan yang hampir sama telah saya jawab pada 8-4-1980 semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim. Dengan itu, saya tidak bercadang untuk membuat apa-apa tambahan.

TENTERA VIETNAM MENDARAT DI PULAU AMBOYNA

16. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada benar bahawa tentera Vietnam telah cuba mendarat di Pulau Amboyna di utara lautan Sabah, dan jika benar, nyatakan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk mempertahankan pulau ini.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithaudden Al-haj): Dalam perkara ini izinkan saya menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada jawapan yang telah diberi oleh saya kepada soalan yang serupa daripada Yang Berhormat Datuk Phua Cheng Leong di Dewan ini, hari ini.

SAHAM DAN PEKERJAAN DI KILANG OLEH BUMIPUTRA

17. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

(*a*) peratus saham-saham kewangan perindustrian di seluruh Malaysia yang dimiliki oleh Bumiputra;

(*b*) peratus dari jawatan-jawatan eksekutif di kilang-kilang yang dipegang oleh Bumiputra;

(*c*) peratus pekerjaan-pekerjaan mahir yang dipenuhi oleh Bumiputra;

(*d*) peratus dari pekerjaan-pekerjaan tidak mahir yang dipenuhi oleh Bumiputra; dan

(*e*) gaji minima yang dibayar kepada pekerja-pekerja tidak mahir di kilang-kilang tesebut.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Sehingga 31-12-1979 kedudukan Bumiputra di bidang saham-saham perindustrian dan pekerjaan di kilang-kilang adalah seperti berikut:

(*a*) Di segi pelaburan sebanyak 16.26% dari jumlah modal yang dibayar adalah dimiliki oleh Bumiputra.

(*b*) Sebanyak 17.40% dari jawatan-jawatan eksekutif adalah dipegang oleh Bumiputra.

(*c*) Sebanyak 50.82% dari pekerjaan-pekerjaan mahir dipenuhi oleh Bumiputra.

(*d*) Sebanyak 61.93% dari pekerjaan-pekerjaan tidak mahir dipenuhi oleh Bumiputra.

(*e*) Soalan ini terlalu umum sebab gaji dan lain-lain kemudahan pekerja-pekerja tidak mahir adalah berbeza di antara sesebuah kilang tetapi pada amnya, gaji sebagai "take home pay" yang dibayar ialah di antara $3.00 sehingga $5.50 sehari. Ini tidak masuk elaun hidup sebanyak $30.00 sebulan dan juga elaun kenderaan (transport) yang dibayar oleh setengah-setengah kilang kepada pekerja-pekerja mereka.

PEMAJU PERUMAHAN—LANGKAH MENCEGAH KEUNTUNGAN BERLEBIHAN

18. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perumahan dan Kerajaan menyatakan sama ada satu langkah positif dapat dilaksanakan untuk mencegah keuntungan berlebihan diperolehi oleh pemaju-pemaju perumahan memandangkan bahawa kenaikan harga rumah adalah disebabkan oleh pemaju-pemaju perumahan mencari keuntungan yang terlalu besar dan ini telah menjadikan perusahaan perumahan satu perniagaan yang amat menguntungkan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Sebagai menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu perkara utama yang perlu ditetapkan ialah apakah yang dimaksudkan dengan keuntungan berlebihan. Tidak dapat dinafikan tujuan utama satu-satu perniagaan ialah untuk mendapatkan keuntungan dan perkara-perkara ini bukan terhad kepada industri perumahan sahaja. Soal jumlah keuntungan adalah sulit untuk ditentukan dan dalam hal kemajuan perumahan faktor-faktor kos pada matlamatnya akan menentukan harga jualan untuk sesebuah rumah. Dengan meningkatnya kos-kos pembinaan seperti harga tanah, bahan-bahan binaan dan tenaga buruh sudah pastilah harga-harga jualan terpaksalah menjadi lebih tinggi daripada yang dialami pada masa-masa yang lepas. Berasaskan kepada keadaan yang saya sebutkan di atas tadi Kementerian saya tidak bercadang untuk mengenakan apa-apa kawalan ke atas soal harga selaras dengan dasar "free enterprise" yang diamalkan oleh Kerajaan pada masa ini

khasnya di dalam bidang perumahan. Tetapi di mana pemaju-pemaju perumahan swasta yang sememangnya mengambil peluang untuk membuat keuntungan yang berlipatganda hasil daripada tekanan permintaan daripada orang awam, saya memandang berat mengenai perbuatan ini dan dalam hal-hal yang begini Kementerian saya selalunya menasihatkan pemaju-pemaju ini supaya tidak mengenakan harga jualan yang terlalu tinggi.

DASAR EKONOMI BARU— HAKMILIK EKUITI BUMIPUTRA

19. Tuan Abdullah bin Salleh minta Perdana Menteri menyatakan langkah-langkah yang akan dipergiatkan lagi bagi membolehkan orang-orang Melayu mengumpulkan wang sebanyak $24,000 juta mengikut saranan Pengerusi Biro Ekonomi Bumiputra agar matlamat 30% ekonomi Bumiputra tercapai pada tahun 1990.

Menteri Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Sebagaimana Ahli Yang Berhormat itu sedia maklum, kejayaan Dasar Ekonomi Baru adalah besar bergantung kepada keupayaan masyarakat Bumiputra mencapai sekurang-kurangnya 30% iaitu $24,000 juta hakmilik ekuiti dalam sektor syarikat-syarikat berhad sehingga tahun 1990.

Dari kajian-kajian yang telah dibuat adalah didapati pada umumnya kaum Bumiputra tidak mempunyai simpanan yang telah sedia ada atau "ready saving" untuk tujuan pelaburan tetapi mereka ini mempunyai kemampuan untuk membayar secara beransur-ansur. Mereka juga masih baru dalam lapangan kewangan dan permodalan, khususnya dalam bidang sekuritis, menyebabkan mereka ini kekurangan pengetahuan dan keyakinan terhadap lapangan ini. Oleh kerana itu pada masa ini sebahagian besar daripada 30% matlamat yang diuntukkan itu perlulah diambilalih oleh agensi-agensi Kerajaan yang ditugaskan untuk memegangnya sebagai amanah bagi pihak kaum Bumiputra.

Setakat ini langkah-langkah yang telah diambil adalah seperti berikut:

(i) melalui pembelian saham-saham yang ditawarkan melalui Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk mempergiatkan orang-orang Melayu berkecimpong dalam industri. Semenjak tertubuhnya senarai pelabur-pelabur Bumiputra (individu dan syarikat) itu, sejumlah lebihkurang 12,000 individu dan lebihkurang 600 syarikat Bumiputra telah berdaftar. Tawaran saham dilakukan untuk mereka ini, dan inilah salah satu cara di mana Kerajaan dapat "mobilize fund" dari orang-orang Melayu;

(ii) Kerajaan juga telah menubuhkan Yayasan Perlaburan Bumiputra sejak tahun 1978 dengan peruntukan permulaan sebanyak $200 juta dan kemudiannya telah diberi peruntukan tambahan sebanyak $300 juta lagi. Tujuan utama menubuhkan Yayasan itu ialah untuk mempercepatkan lagi pelaburan Bumiputra dengan mengambil saham-saham yang dikhaskan oleh syarikat-syarikat kepada Bumiputra dengan memegangnya secara amanah. Ini akan menentukan bahawa saham-saham yang dikhaskan kepada Bumiputra akan dibeli dan kekal dalam milik Bumiputra.

Selain daripada itu, langkah-langkah yang sedang dan akan terus dipergiatkan lagi bagi maksud ini adalah seperti berikut:

(i) langkah yang utama ialah meningkatkan penyelarasan antara agensi-agensi Kerajaan yang terlibat dalam pengumpulan dan pengembelingan modal orang-orang Melayu. Tujuan penyelarasan ini ialah bagi memboleh dan mengiratkan penyatuan tenaga kerja (pooling of resources) untuk kepentingan bersama terutamanya bagi menguasai pengawalan dalam syarikat (controlling interest).

(ii) langkah yang kedua ialah memupukkan pengetahuan dan keyakinan orang-orang Melayu di dalam bidang pelaburan melalui proses penerangan yang menyeluruh seperti kegiatan-kegiatan kempen membeli saham-saham dan seterusnya.

(iii) langkah yang ketiga adalah meningkatkan lagi peranan dan usaha Kementerian/agensi yang terlibat dengan kerjasama pihak swasta di dalam membanyakkan peluang-peluang memiliki

saham/ekuiti bagi Bumiputra supaya satu-satu syarikat itu tidak lagi dipunyai oleh satu kaum tertentu sahaja.

(iv) langkah yang seterusnya adalah penglibatan Kerajaan secara langsung dengan menyediakan kemudahan kewangan tambahan kepada agensi-agensi yang terlibat untuk menjalankan sekim Tabung Pelaburan Bumiputra dalam masa 10 tahun ini.

(v) selain daripada itu usaha juga dipesatkan bagi menyedarkan kaum Bumiputra sendiri tentang peranan mereka yang penting dalam mencapai matlamat hakmilik ekuiti ini. Usaha Kerajaan sahaja dengan mengadakan berbagai kemudahan dan peluang yang perlu tidak cukup tanpa kemudahan tersebut diusahakan sendiri pula oleh kaum Bumiputra.

RADIO DAN TV MALAYSIA—IKLAN MINUMAN KERAS

20. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Penerangan menyatakan:

(*a*) sama ada Kerajaan bercadang mengharamkan terus iklan minuman keras dan barang-barang keperluan wanita dari siaran Radio dan TV; dan

(*b*) jumlah pendapatan dari iklan-iklan tersebut.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat):

(*a*) Radio dan TV Malaysia telah menghentikan pengiklanan minuman keras mulai 18-3-80 apabila syarat-syarat Kod Iklan baru mula dikuatkuasakan. Barang-barang keperluan wanita seperti tuala wanita, tidak diharamkan pengiklanannya tetapi masa iklan-iklan barangan ini ditanyangkan di TV telah diubah kepada selepas jam 10 malam.

(*b*) Jumlah pendapatan bagi iklan-iklan minuman keras untuk tahun 1979 ialah: $816,583. Jumlah pendapatan bagi iklan-iklan barangan keperluan wanita (tuala wanita) untuk tahun 1979: $217,937.

PESARA YANG MENETAP DI LUAR NEGERI—BAYARAN PENCEN

21. Puan Rahmah binti Othman minta Perdana Menteri menyatakan jumlah wang pencen yang dibayar oleh Kerajaan Malaysia tiap bulan kepada pesara-pesara yang menetap di luar negeri mengikut negara, seperti India, Sri Lanka, Great Britain, Singapura dan lain-lain.

Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Jumlah wang pencen yang dibayar oleh Kerajaan kepada pesara-pesara yang menetap di luar negeri setiap bulan adalah seperti berikut:

Negara	Bilangan Pesara	Jumlah Bayaran Sebulan $
(i) INDIA	2,890	268,359.07
(ii) SRI LANKA ...	1,889	208,574.41
(iii) CROWN AGENTS ...	267	47,067.96
(iv) PAKISTAN ...	436	19,267.93
(v) SINGAPURA ...	823	71,060.17
(vi) HONGKONG ...	16	9,634.81
(vii) BRUNEI ...	32	4,772.43
(viii) BURMA ...	1	23.03
(ix) KEDUTAAN ...	33	521.16
JUMLAH ...	6,387	629,280.97

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

22. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kebudayaan Nasional yang berteraskan kebudayaan penduduk di rantau ini, iaitu Melayu, tidak akan wujud oleh kerana ini tidak dapat diterima oleh rakyat-rakyat yang majuk yang mahu Malaysia mencipta kebudayaan berbilang kaum.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Abdul Samad bin Idris): Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah berasaskan hasrat rakyat Malaysia yang telah diputuskan dalam Kongres Kebudayaan Kebangsaan

yang telah diadakan dalam tahun 1971. Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah diterima oleh rakyat Malaysia adalah seperti berikut:

(i) Kebudayaan Kebangsaan Malaysia hendaklah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini.

(ii) Unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai dan wajar boleh diterima menjadi unsur-unsur Kebudayaan Kebangsaan.

(iii) Islam menjadi unsur penting dalam pembentukan Kebudayaan Kebangsaan.

Dasar ini telah dapat diterima oleh rakyat Malaysia yang terdiri dari berbagai asal keturunan yang mempunyai kesedaran dan kepercayaan iaitu Malaysia perlu mengujudkan keperibadiannya menerusi kebudayaan Kebangsaan.

LANDASAN LAPANGANTERBANG KOTA BHARU

23. Datuk Dr Wee Khoon Hock minta Menteri Pengangkutan menyatakan bilakah sambungan landasan dan bangunan persinggahan di Lapanganterbang Kota Bharu boleh disiapkan dan nyatakan sebab-sebab projek ini lewat diselanggarakan.

Menteri Pengangkutan (Dato Lee San Choon): Pada mulanya projek ini melibatkan pemanjangan landasan daripada 4,900 kaki kepada 7,200 kaki untuk pendaratan pesawat jet seperti B737 dan projek ini telah disiapkan pada tahun 1975. Berkaitan dengan pemanjangan landasan bagi jet ini, bangunan yang ada sekarang telah diperbaiki dan kerja-kerja ini telah siap. Di samping itu sebuah bangunan terminal baru sedang dibina untuk menampung keperluan terafik yang dijangka bertambah dengan adanya perkhidmatan jet. Pada masa ini kerja-kerja "piling" bagi bangunan terminal ini telah siap dan tawaran tender bagi pembiayaannya akan dibuat pada bulan ini dan pembinaan dijangka siap pada bulan April 1981.

Bagaimanapun persiapan projek ini telah lewat sedikit kerana keutamaan telah diberi untuk mengkaji semula "status" Lapanganterbang Kota Bharu. Keputusan telahpun dibuat untuk mengubahsuaikan projek ini kepada sebuah lapanganterbang yang boleh menerima pendaratan kapalterbang-kapalterbang yang lebih besar (wide-bodied) iaitu sesuai dengan tujuan untuk menjadikannya sebagai sebuah lapanganterbang antarabangsa. Pada masa ini pihak juruperunding sedang membuat kerja-kerja "design" dan adalah dijangka projek baru ini akan siap dalam tahun 1984.

LETRIK KE KAWASAN SETINGGAN

24. Tuan S. Subramaniam minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan jumlah peruntukan yang disediakan untuk membekalkan letrik ke kawasan-kawasan setinggan yang telah membuat permohonan dalam Wilayah Persekutuan dan jangka masa projek-projek ini dijangka siap.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato' Hussein Onn): Jumlah peruntukan yang disediakan untuk membekalkan letrik ke kawasan-kawasan setinggan yang telah membuat permohonan dalam Wilayah Persekutuan ialah $3.9 juta. Projek-projek tersebut akan dijalankan dalam tahun ini. Walau bagaimanapun, dari segi pelaksanaannya adalah bergantung kepada keupayaan pihak Lembaga Letrik Negara.

HARGA MINYAK

25. Tuan Michael Wong Kuan Lee minta Perdana Menteri menyatakan bahawa memandangkan kenaikan harga minyak yang diimport itu, sama ada tindakan-tindakan akan diambil untuk menapis minyak mentah kita agar rakyat kita tidak akan dijejaskan oleh inflasi yang disebabkan oleh harga tinggi minyak yang diimport itu.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Anggapan Ahli Yang Berhormat itu bahawa dengan menapis minyak tempatan dapat melindungkan kita dari harga pasaran dunia adalah kurang tepat. Penentuan harga minyak ini perlu mengambilkira berbagai-bagai faktor dan juga masalah-masalah dan implikasi yang mungkin timbul.

Walau bagaimanapun, tindakan-tindakan telahpun diambil oleh Petronas untuk memproses minyak mentah tempatan di kilang menapis minyak di Port Dickson dan juga di kilang-kilang menapis minyak di luar negeri. Usaha ini adalah selaras dengan tujuan Kerajaan untuk menampung kekurangan bekalan minyak di negara ini.

TUNJUK PERASAAN PELAJAR-PELAJAR

26. Tuan Ismail bin Hashim minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebabnya pelajar-pelajar dari Politeknik Engku Omar di Ipoh dan Sekolah Vokasional Kemunting di Taiping mengadakan tunjuk perasaan dan sebagainya.

Menteri Pelajaran (Dato Musa bin Hitam): Mengikut makluman yang terdapat setakat ini, tunjuk-tunjuk perasaan di Politeknik Ungku Omar, Ipoh dan Sekolah Menengah Vokasional Kemunting, Taiping adalah kerana pelajar-pelajar kurang puashati dengan mutu makanan, kawalan disiplin yang ketat, kelewatan pembayaran biasiswa, dan tidak ada surau di Politeknik.

PENCEMARAH UDARA DI KUALA LUMPUR—LANGKAH MENGATASI

27. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan:

(*a*) langkah-langkah yang lebih berkesan yang akan diambil untuk mengatasi masalah pencemaran udara di Kuala Lumpur selain daripada usaha menanam pokok-pokok dan menempatkan industri-industri berat di kawasan perindustrian di Petaling Jaya dan Sungai Way; dan

(*b*) kemajuan yang telah dicapai sejak terlaksananya penguatkuasaan Kualiti Alam Sekitar (Kebersihan Udara) 1978.

Menteri Sains, Teknologi Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Masalah-masalah pencemaran udara di Kuala Lumpur adalah disebabkan oleh:

(*a*) pencemaran udara kerana pelepasan dari kenderaan bermotor; dan

(*b*) pencemaran udara kerana pelepasan daripada punca-punca perindustrian seperti kilang-kilang papan dan kilang-kilang perusahaan kayu lainnya, kilang-kilang getah dan kilang-kilang besi.

Langkah-langkah telah diambil untuk mengatasi masalah pencemaran yang disebabkan oleh kenderaan bermotor. Dari itu, satu set peraturan-peraturan anti-pencemaran yang dikenali sebagai Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977 telah dikuatkuasakan semenjak 15hb Mac, 1978. Buat masa ini aktiviti-aktiviti penguatkuasaan sedang dipergiatkan di kawasan Kuala Lumpur. Peraturan-peraturan lainnya akan dilaksanakan jika ianya perlu.

Sebagai langkah jangka panjang, Dewan Bandaraya telah menubuhkan sebuah jabatan yang bertanggungjawab kepada pengurusan lalulintas. Kerja-kerja sedang dijalankan bagi pembinaan jalan-jalan bulatan dalam dan luar (inner and outer ring roads) seperti yang dicadangkan di bawah Rancangan Pembubaran Lalulintas (Traffic Dispersal Scheme). Langkah ini akan memberi hasil yang berkesan untuk mengurangkan kesesakan lalulintas dan pencemaran udara di Kuala Lumpur.

Bagi punca-punca perindustrian seperti kilang-kilang papan, kilang-kilang getah dan kilang-kilang besi, pelepasan dari punca-punca ini adalah di bawah kawalan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978.

Untuk menyelesaikan masalah jangka panjang, Dewan Bandaraya sedang mencari kawasan yang sesuai untuk menempatkan semula kilang-kilang yang menyebabkan pencemaran ke kawasan-kawasan perindustrian di luar dari Kuala Lumpur.

Untuk jawapan kepada (*b*), ianya tersangat awal untuk memberi satu penilaian yang tertentu tentang kesan terhadap Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978. Alasannya ialah kemudahan-kemudahan yang sedia ada pada masa Peraturan-peraturan ini diwartakan diberi tempoh dua tahun untuk mematuhi Peraturan-peraturan tersebut dengan sepenuhnya bermula dari 1hb Oktober, 1980.

BANJIR DI JAMBATAN MASJID UNIVERSITI

28. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi banjir bila hujan lebat di jambatan Masjid Universiti dan jambatan ke arah Angkasapuri.

Dato Hussein Onn: Banjir di jambatan Masjid Universiti berlaku disebabkan paras air yang naik di Sungei Anak Air Batu apabila hujan lebat. Walau bagaimanapun, pihak Jabatan Parit dan Taliair Wilayah Persekutuan telah membina sebuah "retention pond" di Ulu Sungei tersebut untuk mengelakkan dari berlakunya banjir. Adalah diharapkan banjir tidak akan berlaku lagi di jambatan Masjid Universiti dengan adanya "retention pond" tersebut.

Mengenai banjir di jambatan ke arah Angkasapuri, perkara ini tidak pernah berlaku. Mungkin Yang Berhormat maksudkan ialah banjir yang berlaku di Lebuhraya Persekutuan (Federal Highway) berdekatan dengan Kampung Kerinci. Banjir di kawasan tersebut berlaku disebabkan perbuatan nakal sekumpulan budak-budak yang sengaja menutup pengaliran air longkang Lebuhraya tersebut dengan batu-batu besar dan sampah-sampah sarap, apabila hujan. Tujuan mereka berbuat demikian adalah untuk mendapatkan wang dengan cara menolak kereta-kereta yang terhenti disebabkan banjir. Perkara ini telahpun dilaporkan kepada pihak polis dan Ketua-ketua Masyarakat yang berkenaan di kawasan tersebut untuk diambil tindakan.

BANTUAN KEPADA MUJAHIDIN ISLAM DI AFGHANISTAN

29. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Luar Negeri menyatakan apakah peranan dan rupa bantuan yang telah diberi oleh Kerajaan Malaysia:

(*a*) kepada pejuang-pejuang (Mujahidin) Islam Afghanistan untuk membebaskan Tanahair mereka daripada pencerobohan askar-askar Rusia itu; dan

(*b*) kepada pelarian-pelarian Afghanistan.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato Ahmad Rithauddeen Al-haj): Sebagaimana yang saya telah maklumkan kepada Dewan Rakyat pada 19-3-80 dan 20-3-80, segala rupa bantuan kepada rakyat Afghanistan yang mencari perlindungan di Pakistan akan disalurkan melalui Pertubuhan Persidangan Islam (PPI) sebagaimana yang dipersetujui oleh mesyuarat tergempar PPI di Islamabad baru-baru ini. Setiausaha Agong PPI telah diberi mandat untuk menghulurkan bantuan kepada mana-mana pihak-pihak yang berkenaan yang difikirkan oleh beliau dan Jawatankuasa Tiga negara, patut mendapat bantuan. Oleh yang demikian, soal sama ada negara kita akan memberi bantuan ataupun rupa bantuan kepada pihak Mujahidin Afghanistan tidak timbul. Pendirian yang diambil untuk menyalurkan bantuan melalui Pertubuhan Persidangan Islam dan tidak terus kepada rakyat Afghanistan di Pakistan adalah wajar kerana di kalangan mereka terdapat puak-puak dan tidak bersatu.

Saya telah maklumkan pada 19-3-80 bahawa Kerajaan Malaysia telah memutuskan supaya menyumbangkan sejumlah $150,000 untuk orang pelarian Afghanistan yang berlindung di wilayah Pakistan. Jumlah mereka itu dianggarkan seramai lebihkurang 650,000.

PELABUHAN KUANTAN—KERJA MEMBAIKI KEROSAKAN

30. Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam memberi pengakuan yang Pelabuhan Kuantan telah didapati rosak teruk dan sukar diperbaiki dan akan menelan belanja yang begitu banyak dan akan memakan masa yang lama.

Dato S. Samy Vellu: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar kerosakan sebenar Pelabuhan Kuantan hanyalah bernilai kira-kira $24 juta sahaja iaitu 10% daripada jumlah kos asal projek tersebut yang ditaksirkan sebanyak $246 juta. Oleh itu tidaklah benar bahawa Pelabuhan Kuantan telah rosak teruk sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat.

Bagaimanapun kerosakan-kerosakan tersebut boleh diperbaiki sungguhpun ianya sedikit sukar dan mungkin akan menelan belanja yang agak besar juga. Kerja-kerja membaiki kerosakan tersebut hanya akan dapat dimulakan sebaik sahaja laporan dikemukakan oleh Syarikat Sir Bruce White, Wolfe Barry & Partners iaitu sebuah firma perunding antarabangsa dari England yang ditugaskan untuk menyiasat tentang punca-punca kerosakan tersebut serta syor-syor membaikinya. Berapa lama kerja memperbaiki akan diambil belum boleh ditentukan setakat ini. Namun demikian beberapa kerja memperbaiki sementara yang difikirkan penting sedang dijalankan untuk mempastikan keselamatan "quay walls" untuk kargo am dan pelbagaiguna seperti menimbus pasir

di hadapan "quay walls" untuk menghentikan segala gerakan dan menyelamatkan keadaan bahaya di gedung-gedung pindahan.

EKSPOT PASIR KE LUAR NEGERI

31. Tuan Ibrahim bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengekspot pasir dari Malaysia ke negara-negara Arab untuk perusahaan pembinaan di sana; jika ya, bila dan jika tidak, mengapa.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ibrahim bin Abdullah, sukacita saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini iaitu buat masa sekarang, Kerajaan tidak bercadang untuk mengekspot atau membenarkan pengeksportan pasir dari Malaysia keluar negeri termasuk ke negara-negara Arab untuk perusahaan pembinaan di sana.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang berkenaan, Kerajaan telah mengenakan sekatan terhadap pengekspotan pasir dan batu-batu keluar negeri bertujuan untuk mempastikan yang perusahaan pembinaan di negara kita mendapat bekalan bahan-bahan tersebut secukupnya dan Kementerian saya akan mengkaji kedudukan perkara ini dari masa ke semasa.

PEMBENTUKAN MAJLIS KESELAMATAN NEGARA-NEGARA ISLAM

32. Dato Haji Ahmad bin Haji Ithnin minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang hendak mengsyorkan pembentukan Majlis Keselamatan Negara-negara Islam seperti Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu dan sama ada beliau bercadang hendak membawa soal keselamatan bagi negara-negara Islam di Persidangan Menteri Luar Negeri, Negara Islam di Pakistan yang akan datang ini.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj: Kerajaan tidak bercadang untuk mengsyorkan pembentukan satu Majlis Keselamatan Negara-negara Islam yang berasingan dengan Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu. Walaupun demikian, Pertubuhan Persidangan Islam (PPI) ada membincangkan perkara-perkara keselamatan yang melibatkan negara-negara Islam. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, pada akhir bulan Januari 1980, satu mesyuarat tergempar Pertubuhan Persidangan Islam telah berlangsung di Islamabad untuk membincang soal pencerobohan tentera dan campurtangan Soviet Union di Afghanistan. Masalah-masalah keselamatan negara-negara Islam khasnya dan seluruh umat Islam amnya adalah menjadi asas penubuhan Persidangan Islam. Misalnya masalah-masalah Palestin dan Baitul Muqaddis adalah soal pokok Pertubuhan Persidangan Islam kerana wujudnya Pertubuhan ini berpunca dari pencemaran ke atas Masjid Suci Al Aqsa pada tahun 1969.

MINYAK DISEL/TANAH OLEH PETRONAS

33. Datin Hajjah Maimon binti Haji Harun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kementerian ini bercadang untuk membenarkan wakil-wakil PETRONAS menjual minyak disel dan minyak tanah di Malaysia bagi mengatasi kesulitan rakyat mendapatkan bekalan minyak tersebut.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah menjadi dasar Kerajaan bahawa sekiranya berlaku kekurangan minyak disel atau minyak tanah, PETRONAS akan diminta untuk membuka stesyen sementara untuk menjual minyak tanah dan minyak disel. Dasar ini juga telah dilaksanakan mulai bulan Jun, 1979 dengan pembukaan stesyen sementara di beberapa tempat yang sekarang berjumlah dua puluh (20) stesyen.

HARGA BARANG-BARANG KEPERLUAN

34. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan harga barang-barang perlu dalam negara tidak dinaikkan dengan sewenang-wenangnya dan nyatakan tindakan yang diambil untuk mencegah inflasi.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Adalah menjadi dasar dan tanggungjawab Kerajaan membenteras sebarang kenaikan harga barang keperluan yang dilakukan

dengan sewenang-wenangnya oleh mana-mana pihak kerana amalan ini jika dibiarkan berleluasa tanpa sebarang kawalan akan mengakibatkan kesulitan kepada pengguna-pengguna yang pada akhirnya akan meninggikan peratusan inflasi. Di dalam konteks ini bukanlah bermakna bahawa Kerajaan tidak membenarkan sebarang kenaikan harga barang keperluan dan sebagaimana yang Ahli Yang Berhormat maklum kenaikan harga barang-barang perlu di negara memang berlaku. Umpamanya, baru-baru ini Kerajaan telah membenarkan kenaikan harga batang besi keluli, tepung gandum dan susu pekat. Sebaliknya Kementerian saya telah menolak sebarang permohonan kenaikkan harga yang mana Kementerian saya tidak puas hati dengan alasan-alasan yang diberi oleh pemohon-pemohon itu.

Di dalam menentukan dasar Kerajaan mengawal kenaikan harga barang-barang keperluan, Kerajaan sentiasa menimbangkan fakta bahawa harga barang-barang tersebut walaupun diberikan kelulusan untuk dinaikkan harganya, tetapi tahap harga barang-barang ini perlulah berada di atas paras yang berpatutan dan munasabah. Ini adalah semata-mata untuk menentukan bahawa pengguna-pengguna tidak merasai beban kenaikan harga yang berat dan pada masa yang sama kadar tekanan inflasi tidak memuncak tanpa kawalan. Di dalam membenarkan kenaikan harga barang-barang keperluan Kerajaan bukan hanya memberikan perhatian kepada kepentingan pengguna bahkan mempertimbangkan juga kepentingan pengeluar pengeluar dari segi pelaburan dan setelah mempertimbangkan kedua-dua fakta ini pada lumrahnya baharulah Kerajaan membenarkan harga sesuatu barangan.

Sebagai satu langkah untuk mengawal inflasi, Kerajaan juga telah mengadakan subsidi ke atas beberapa barang keperluan dan ini adalah bertujuan untuk menentukan bahawa harga barang-barang berkenaan tidak melambung naik ke tahap yang tidak boleh ditanggung oleh rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan menanggung perbelanjaan sebanyak $341 juta setahun bagi memberikan subsidi kepada penjualan minyak disel dan minyak tanah di negara ini. Jika subsidi ini tidak diujudkan, harga minyak disel dan minyak tanah di negara akan berada di satu tahap yang mungkin tidak dapat diterima oleh rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, di dalam mempraktikkan kawalan harga dalam sebuah negara yang mengamalkan dasar perdagangan bebas bukanlah satu perkara yang mudah. Malaysia, sebagaimana yang diketahui umum adalah berpegang teguh kepada dasar perdagangan bebas dan tidak boleh mengawal harga semua barang-barang dan di samping itu negara kita banyak bergantung kepada bahan-bahan mentah luar negeri untuk mengeluarkan setengah-setengah barang keperluan. Oleh hal yang demikian, setiap kenaikan harga di pasaran negara-negara pengeluar bahan-bahan mentah akan memberikan kesan terhadap harga barang-barang yang dikeluarkan di negara ini. Adalah wajar sekali ditegaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa beban untuk memerangi kenaikan harga dan mengawal inflasi berkehendakkan kerjasama yang erat dari orang ramai khususnya pengguna-pengguna di satu pihak yang lain. Pengguna-pengguna sepatutnya mengelakkan daripada membeli barang-barang yang tidak diperlukan dan dengan mengamalkan konsep ini adalah dipercayai negara boleh mengekalkan kadar inflasi di paras yang minima.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kadar inflasi bagi tahun 1979 di negara kita adalah kira-kira 5% sahaja. Ini adalah satu tahap yang amat baik jika dibandingkan dengan negara-negara lain. Seperti Argentina (120%), United Kingdom (25%), Korea Selatan (25%), Indonesia (22%), Filipina (18%), Thailand (15%) dan Hongkong (11%).

JEMAAH MENTERI—ROMBAKAN

35. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau bercadang merombak kebinetnya memandangkan kelembapan setengah-setengah Kementerian menjalankan tugasnya yang banyak merugikan wang negara seperti projek Pelabuhan Kuantan, projek kelolaan Badan-badan Berkanun dan lain-lain lagi.

Dato' Hussein Onn: Buat masa ini, saya tidak bercadang hendak merombak Jemaah Menteri yang ada sekarang.

Saya sedar bahawa ada beberapa projek di bawah pengawasan Kementerian-kementerian tertentu yang mengalami masalah-masalah yang tidak dapat dielakkan. Walau

bagaimanapun, tindakan-tindakan yang sewajarnya telah diambil untuk mengatasi masalah-masalah itu.

UDA—PROJEK PEMBANGUNAN TANAH BUMIPUTRA

36. Tuan Haji Ismail bin Hashim minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan setakat manakah pihak Kementerian melalui UDA telah memaju/membangun tanah-tanah Bumiputra dengan atas dasar usahasama dengan UDA terutamanya tanah-tanah Bumiputra dalam bandar-bandar.

Menteri Perusahaan Awam (Dato Abdul Manan bin Othman): Di antara tahun 1972-1979, UDA telah menjalankan sebanyak 20 projek atas dasar usahasama dengan Bumiputra. Projek-projek pembangunan dalam bentuk syarikat-syarikat usahasama dengan Bumiputra itu adalah terdiri daripada 10 skim perumahan mengandungi 7,126 unit, 6 projek kompleks perniagaan, 3 projek hotel dan 1 projek rumah pangsa/rumah kedai mengandungi 200 unit. Projek-projek ini kesemuanya adalah sebagai usaha pihak Kementerian melalui UDA untuk memaju/membangun tanah-tanah Bumiputra terutamanya di bandar-bandar.

UDA telah memberi sumbangan ekuiti sebanyak $9,772,677 iaitu 54.1% dan pinjaman kewangan berjumlah $40,635,360. UDA juga telah memberi kemudahan jaminan bank kepada syarikat usahasamanya.

FELDA—PENEROKA KAUM INDIA

37. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

(*a*) jumlah pemohon dari kaum India yang sedang menunggu untuk memasuki rancangan tanah FELDA, dan

(*b*) bila mereka akan diberi jawapan sama ada mereka terpilih atau tidak.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof):

(*a*) Pada 5hb April, 1980 terdapat seramai 1,159 orang calon kaum India yang masih menunggu dari jumlah 11,800 yang menunggu bagi semua kaum untuk ditempatkan di rancangan FELDA. Pecahan calon-calon kaum India mengikut Negeri adalah seperti berikut:

Negeri	*Bilangan*
Kedah	2
Perak	328
Selangor	64
Negeri Sembilan ...	300
Melaka	85
Johor	295
Pahang	69
Kelantan	16
Jumlah ...	1,159

(*b*) Calon-calon yang sedang menunggu itu telahpun diberitahu mengenai kedudukan permohonan mereka. Calon-calon akan dipanggil masuk ke rancangan mengikut penyediaan rumah-rumah peneroka di rancangan-rancangan FELDA di Negeri-negeri yang berkenaan, dan giliran berdasarkan kepada markah yang diperolehi semasa temuduga.

PROJEK GULA NEGERI SEMBILAN

38. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan:

(*a*) sebab-sebab kegagalan projek Gula Negeri Sembilan;

(*b*) jumlah kerugian sebenar akibat kegagalan projek tersebut;

(*c*) jumlah wang yang telah dibelanjakan keseluruhannya termasuk perbelanjaan pembukaan Ladang, Pembinaan Kilang, Pengurusan dan Kos Saraan (maintenance);

(*d*) jumlah wang yang digunakan untuk projek ini yang berupa sumbangan Kerajaan, Pinjaman (dalam dan luar negeri) dan sumbangan cara tanaman modal oleh syarikat usahasama dalam projek ini.

Dato Abdul Manan bin Othman:

(*a*) Kegagalan projek tersebut adalah disebabkan oleh tiga sebab utama iaitu:

(i) ketidak sesuaian tanah;

(ii) kegagalan jentera kilang;

(iii) kesalahan Pengurusan.

Umumnya, tanah di Air Hitam adalah jenis yang kurang baik berbanding dengan lain-lain kawasan di Malaysia Barat. Lantaran ketidak sesuaian tanah, daya pengeluaran tebu pun telah terjejas. Pengurusan telah dijalankan oleh Phaltan Sugar Works yang mana kepakarannya adalah terhad kepada pengeluaran kilang sahaja dan tidak mempunyai pengalaman yang luas dalam pengurusan ladang gula secara besar-besaran.

(*b*) Jumlah kerugian sebenar akibat kegagalan projek gula N.S. masih lagi dalam proses odit. Walau bagaimanapun, kerugian terkumpul setakat 31hb Oktober, 1979 ialah sebanyak $54,100,291.

(*c*) Jumlah wang yang dibelanjakan keseluruhannya setakat 31hb Oktober, 1979 ialah sebanyak $167,659,279.

(*d*) Jumlah wang yang digunakan untuk projek ini adalah datangnya daripada 4 punca iaitu:

(i) Sumbangan Kerajaan melalui PKNNS ...	M$11,710,000
(ii) Pinjaman Jangka Panjang—	
Dalam Negeri ...	34,000,000
Luar Negeri ...	15,048,024
(iii) Pinjaman jangka pendek—	
Overdraft ...	7,499,132
(iv) Tanaman Modal oleh Syarikat-syarikat Usahasama—	
PKNNS	23,000,000
The Phaltan Sugar Works Ltd. Bombay	4,000,000
MCIS	2,000,000
Telapak Holdings	500,000
	M$97,757,156

UNIVERSITI BARU—PENUBUHAN

39. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab-sebabnya Kerajaan enggan menimbangkan penubuhan sebuah lagi universiti di negara ini memandangkan terdapat kekurangan tempat di universiti-universiti yang sedia ada pada masa sekarang kerana pertambahan bilangan pelajar-pelajar dan juga memandangkan kenaikan yuran-yuran persekolahan yang terlalu tinggi di universiti-universiti seberang laut.

Dato' Musa bin Hitam: Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan sebuah lagi universiti di negara ini di sebabkan universiti-unversiti yang ada kini masih lagi dalam peringkat perkembangan dan pembangunannya. Antara tindakan yang akan diambil kearah itu ialah:

(i) Pembinaan kampus Cawangan yang baru di Bintulu, Sarawak bagi Universiti Pertanian Malaysia;

(ii) Pembinaan kampus Cawangan yang baru di Likas, Kota Kinabalu bagi Universiti Kebangsaan Malaysia;

(iii) Pemindahan Universiti Teknologi Malaysia ke kampus barunya di Sekudai, Johor bila kampusnya siap nanti;

(iv) Pembinaan kampus dan kemudahan-kemudahan baru untuk Pusat Pengajian Sains Perubatan di Kubang Kerian, Kelantan;

(v) Pembinaan "Kampus Akademik Islam Universiti Malaya" di Bachok, Kelantan.

(vi) Mengembang serta membesarkan kampus-kampus induk yang sedia ada.

Dengan adanya rancangan-rancangan seperti di atas bilangan pelajar untuk masuk ke universiti sudah tentu akan bertambah.

PROJEK PEMBINAAN LEBUHRAYA TIMUR BARAT

40. Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan:

(*a*) berapa banyak anggaran perbelanjaan asal untuk projek Pembinaan Lebuhraya Timur Barat;

(*b*) sehingga Mac 1980 berapa banyakkah telah dibelanjakan untuk projek Pembinaan Lebuhraya itu;

(*c*) tarikh projek ini dimulai pembinaannya dan tarikh jangka siapnya projek ini;

(*d*) jarak jauhnya pembinaan Lebuhraya ini mengikut batu dan kilometernya; dan

(*e*) jarak jauh perjalanan dari Kota Bharu ke Pulau Pinang, Kota Bharu ke Kuala Lumpur melalui Lebuhraya ini bila siap kelak.

Dato S. Samy Vellu: Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, soalan-soalan seperti ini telah berkali-kali di kemukakan di Persidangan Dewan yang mulia ini. Bagaimanapun saya akan cuba memberikan jawapan agar ianya tidak lagi menimbulkan kemuskilan kepada Yang Berhormat dan lain-lain Ahli Yang Berhormat di masa-masa akan datang.

(*a*) Jumlah anggaran perbelanjaan asal pembinaan Lebuhraya Timur Barat ialah sebanyak $85 juta.

(*b*) Sehingga Mac 1980 kira-kira $235 juta telah dibelanjakan untuk pembinaan Lebuhraya tersebut.

(*c*) Walaupun Kementerian saya diarah memulakan perlaksanaan projek tersebut lebih awal, namun kerja-kerja pembinaan sepenuhnya hanya dapat dimulakan pada tahun 1973. Projek tersebut dijangka siap pada akhir tahun 1981.

(*d*) Jarak Lebuhraya tersebut mengikut batu ialah 72 batu dan mengikut Kilometer ialah 115 kilometer;

(*e*) Setelah siap kelak jarak jauh perjalanan melalui Lebuhraya tersebut dari Kota Bharu ke Pulau Pinang ialah 239 batu dan dari Kota Bharu ke Kuala Lumpur ialah 364 batu.

USUL-USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Dato Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai mempertimbangkan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa walau apapun peruntukan Peraturan Mesyuarat 11 (1), Dewan ini tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga selesai mempertimbangkan Usul Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ada dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima" (9hb April 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, oleh sebab kita ada lebih kurang 9 orang lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin hendak berucap, jikalaulah seorang berucap 15 minit, jumlah masa ialah 135 minit atau 2 jam 15 minit. Kita ada 23 Kementerian dan Yang Berhormat Menteri hanya akan boleh menjawab lebih kurang pada pukul 6.00 petang. Jadi saya sekali lagi

merayu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang akan berucap supaya meringkaskan ucapannya. Walau bagaimanapun, tidak lebih dari 15 minit seseorang.

Ahli-ahli Yang Berhormat diminta bekerjasama atas masalah kekurangan masa ini. Jemput Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah.

3.38 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia ini kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kalau sekiranya terlebih beberapa minit itu supaya janganlah diberi amaran dan saya sedia mematuhi waktu yang ditentukan tetapi kemungkinan lebih sedikit.

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan turut sama membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di waktu pembukaan Parlimen baru-baru ini. Dengan pembukaan, kata baru masuk ke abad 15 Hijrah dan kedelapan puluhan dengan menghadapi cabaran zaman dan merupakan tahun terakhir perlaksaan Rancangan Malaysia Ketiga dan akan masuk ke dalam Rancangan Malaysia Keempat serta pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, dekad 80an ini merupakan cabaran kepada Kerajaan yang sepatutnya menjadi tanggungjawab besar kerana abad ke 15 inilah abad ketinggian umat Islam ataupun permulaan bangkitnya umat Islam di dunia ini sebagai suatu kuasa yang besar bagi kita. Janganlah hendaknya memandang sepi yang menghendaki kita turut sama menyakini dan turut sama membangun tidak sahaja berupa material tetapi jangan dialpakan rohani dan akidah. Cabaran ini menghendaki supaya tetap dan yakin bersatu serta jujur dan ikhlas di samping berserah diri ke hadhrat Allah subhanahu wa taala serta memohon rahmat hidayahNya dan taufikNya bagi mencapai matlamat yang akan kita tuju.

Tuan Yang di-Pertua, menurut Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong—"keutuhan ugama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara". Ini adalah amat tepat sekali dan jelas. Setiap kemajuan, setiap usaha, setiap apa juga rancangan dan projek maka ugama adalah didahulukan dan ugama adalah peranan yang penting di segenap aspek kemajuan dan perkembangan negara. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berdukacita kerana di samping mengejar kemajuan, perasaan bongkak dan sombong selalu sangat digembar-gemborkan, banyak sangat orang memuji ugama lain lebih baik dan lebih bagus, ugama Islam tidak sesuai. Saya tidak marah dan saya tidak rugi dalam masalah ini, tetapi saya sayang kerana terlampau bangga, kerana terlampau maju, kerana terlampau memuji maka kepercayaan kita kepada Allah s.w.t. dan akidah kita telah luput yang akan membuat terkeliru kepada landasan Islam, yang membuat seorang itu terkeluar dari landasan-landasan tersebut. Ini bukanlah tuduhan dari saya dan tidaklah tuduhan dari sebuah parti politik yang dianggap ada di negara ini, tetapi saya mintalah kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tolonglah baca mastika Hadis Rasulullah s.a.w. yang diterbitkan oleh Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia di Jabatan Perdana Menteri. Moga-moga dengan diselidiki sedalam-dalamnya hadis itu akan sama-sama kita memahaminya.

Tuan Yang di-Pertua, beralih kepada perkembangan ekonomi, di mana perkembangan ekonomi yang lembab dan membendong inflasi dunia telah mengalami perkara ini, tetapi rakyat negara ini memang telah menyedari kemerosotannya dan telah berusaha bekerja dengan apa cara juga bagi menempuh hidup yang penuh dengan cabaran ini. Tetapi apalah yang hendak dikatakan kos pengeluaran lebih besar daripada hasil menyebabkan rakyat tetap menderita. Rakyat ingin merasa segala nikmat yang telah ditaburkan oleh pihak Kerajaan segenap negara kerana Kerajaan menabur dan membayangkan syorga dengan tidak mengadakan sekatan-sekatan yang membuat rakyat berebut-rebut ingin bahagia yang membuat negara dalam menghadapi tekanan inflasi yang kuat. Maka kepada Kerajaan mestilah menghadapi ini semua dengan tidak menyalahgunakan terhadap rakyat sebelah pihak sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Ekonomi Baru kini sudah berjalan separuh penggal, penyertaan rakyat terutama bumiputra di dalam segala sektor masih belum berkesan baik dari segi (*a*) penyertaan kegiatan, (*b*) memiliki harta dan modal.

Eksploitasi punca kekayaan masih tertumpu kepada segolongan kecil sahaja, baik di kalangan bumiputra mahupun yang bukan bumiputra. Inflasi masih menekan penduduk di luar bandar dengan harga nilai wang lebih jatuh di luar bandar berbanding dengan dalam bandar, terutamanya barang-barang keperluan hari-hari yang amat sukar diperolehi di luar bandar tetapi berlebihan terdapat di dalam bandar-bandar.

Tuan Yang di-Pertua, dapat ditinjau kembali ke atas rancangan yang telah dilaksanakan adalah amat dialu-alukan. Tetapi kita telah mengetahui bahawa banyak rancangan telah gagal dan tidak dapat dilaksanakan akibat daripada kurang hati-hati dan bercermat. Rancangan-rancangan dibuat tidak mengikut keadaan tempat dan masa. Umpamanya, pelabuhan yang memakan perbelanjaan berjuta-juta dan memakan masa yang begitu lama. Ini adalah salah satu rancangan yang telah dijalankan, saya percaya tentulah lebih banyak perancangan yang telah dirancangkan tetapi tidak dilaksanakan kerana sebab-sebab yang disembunyikan. Inilah selalu menjadi rungutan rakyat kemudian diikuti pula dengan kenaikan harga barang-barang makanan dan barang-barang lain yang tidak mengikut musim dengan sesuka hati pihak penjual-penjual sahaja. Walaupun Yang Berhormat Menteri yang berkenaan berkata sudah ditetapkan tetapi orang ramai masih menghadapi masalah yang sulit ini. Apakah tidak dapat Kerajaan bertindak dan mengawasi dengan rapi dan lebih sesuai supaya rakyat di negara ini tidak rasa resah gelisah dan menghadapi kesusahan yang tidak berkesudahan?

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berniat pada mulanya hendak bercakap masalah ini dan saya tidak ingin benar-benar seperti sebahagian daripada saudara-saudara saya Ahli Yang Berhormat yang suka melakukan bersalahan faham membawa bahaya kepada diri kita sendiri. Maka dengan rengkasnya saya nyatakan sungguhpun rasa ghairah benar kawan-kawan kepada parti saya dengan membuat cadangan supaya diharamkan dan dibubarkan dan lain-lain dengan alasan kerana menggunakan nama "Islam" konon boleh mengelirukan rakyat, rakyat berpecah-belah dan dikaitkan pula satu tuduhan Pasukan Angkatan Sabilullah. Oleh kerana segelintir sahaja manusia yang terlibat apakah PAS hendak diharamkan? Saya tidak kecil hati. Apakah ini boleh menyelesaikan masalah pokok? Satu masa dahulu sudah banyak Kerajaan haramkan seperti "Allah Muhammad", simbol "Bulan Bintang", tetapi parti politik ini tidak pernah berkecil hati.

Saya rasa sejarah negara ini juga telah dipahat di mana seorang Ahli Majlis Tertinggi parti Kerajaan menjadi komunis dan siasatan polis juga telah membuktikan perkara ini dan dia masih ada di dalam tahanan. Adakah kerana seorang dua ini terlibat dalam perkara komunis ini maka seluruh orang mesti dituduh? Maka ini tidak lojik—sekali lagi saya katakan tidak lojik. Begitulah juga orang-orang yang ada di dalam parti saya dengan segelintir masuk kepada benda yang tidak diingini maka tindakan akan diambil. Fikirlah dengan sewajarnya. Inilah kalimah yang patut kita pertahankan. Biarlah kepada yang ghairah tetap berghairah, yang marah tetap marahlah, maka ghairahlah, marahlah, rakyat lebih arif mengenal manakah manikam dan manakah kaca.

Sekali lagi fahamilah erti Islam sedalam-dalamnya. Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, sedikit sahaja saya baca ayat Quran:

"In-nad-dina indallah hilislam".
Dengan izin sekali lagi sepotong hadis.
It-takhi-dakwa tal-mazlu-mafainna mustajabun.".

Tuan Yang di-Pertua, apalah ertinya cakap-cakap pemimpin-pemimpin yang selalu melaungkan perpaduan sedangkan suara sumbang tetap berlaku. Penekanan di antara satu sama lain. Ini tidak dapat menyelesaikan masalah. Sekali lagi saya nyatakan semua rakyat faham negara kita adalah negara yang berdemokrasi, dan mengamalkan cara demokrasi maka berilah kebebasan kepada parti politik yang bergerak dengan cara halal dan menurut arena politik yang berdemokrasi.

Beralih saya, Tuan Yang di-Pertua, hasrat Kerajaan untuk meninggikan taraf hidup kaum tani dan nelayan sungguh amat dialu-alukan dan patut diambil perhatian. Kerajaan hari ini telah banyak mendapat sokongan yang datang dari pak tani di luar-luar bandar dan nelayan, kerana itu nasib mereka hendaklah dibela oleh seluruh rakyat di negara ini yang mana menikmati hasil dari titik peluh pak-pak tani dan nelayan. Maka negara itu patutlah berterima kasih kepada

mereka dan Kerajaan patut mengambil perhatian berat dengan menggunakan teknik moden di sektor pertanian ini, yang berada di luar-luar bandar masih belum berjalan dengan berkesan, baik di sektor padi kecuali projek perairan besar mahupun di sektor getah dan nelayan. Subsidi yang nilainya kecil tetapi lebih banyak mendatangkan keresahan rakyat bukannya kesenangan berlaku sebarang bentuk demonstrasi tetapi itu adalah satu pertanda bahawa sistem yang berjalan terhadap petani adalah tidak memuaskan.

Pelaburan-pelaburan yang datang cuma tertumpu di kawasan-kawasan maju sahaja dan telah mencuri tenaga-tenaga pekerja dari luar bandar yang miskin. Infrastruktur jalanraya di luar bandar masih amat tidak memuaskan berbanding dengan kemajuan dan wang yang dicurahkan di Kuala Lumpur adalah seperti langit dan bumi perbezaannya. Apakah yang ada di luar bandar adalah seperti melepaskan batuk di tangga sahaja.

Kembali saya kepada RISDA, Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan patutlah mengkaji, pekebun-pekebun kecil yang tidak mempunyai geran tanah tetapi telah sah mengusahakan tanah itu bertahun-tahun dibenarkan mengikuti skim tanam semula dan menerima segera segala kemudahan yang disediakan oleh RISDA, hasilnya tetap menguntungkan Kerajaan setiap waktu. Apabila tanah itu telah ditanam semula maka dengan ini diharap pihak Kerajaan dapatlah segera memberi geran kepada pihak-pihak yang berkenaan ini.

FELDA, peserta-pesertanya kini juga telah didapati banyak menikmati keuntungan tetapi jelas wang yang tersebut itu tidak dapat mewujudkan satu masyarakat yang lebih ketara kemajuannya. Biarlah apa yang kita dapati tidak mebina berlaku di bandar seperti kelab malam, disco dan sebagainya. Hal ini tumbuh seperti cendawan, maka dengan itu kakitangan FELDA diserukan supaya dapat diberi kegiatan didikan ugama, maruah supaya dapat mengawasi dalam masalah ini.

Beralih kepada bahagian setinggan, Tuan Yang di-Pertua. Perlulah dipastikan semua kawasan-kawasan setinggan terutama yang begitu melarat di kawasan bumiputra, perlulah diberikan kemudahan elektrik dan air sepertimana yang terdapat hari ini di bandar Kuala Lumpur hanya segelintir sahaja yang baharu dapat menerima bekalan elektrik dan air tetapi masih banyak lagi setinggan yang ada di sini masih belum menerima perkara yang disebutkan itu. Maka pihak Kerajaan patutlah mengambil perhatian berat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah pelarian Vietnam. Kenapakah Kerajaan tidak mendapat sebarang bantuan dari Bangsa-bangsa Bersatu atau badan asing untuk membantu membiayai perbelanjaan pelarian di dalam negara kita. Manakala negara lain seperti Indonesia dan Thailand menuntut setiap sen yang mereka gunakan terhadap pelarian itu sehingga mereka menuntut balik segala kewangannya itu, manakala rakyat di luar bandar masih menderita kerana Kerajaan kita menggunakan berpuluh-puluh juta ringgit untuk rakyat Vietnam ini. Kerajaan jelas melihatkan sikapnya tidak berperi kemanusiaan, maka dengan itu Kerajaan adalah diminta mempastikan setiap wang rakyat yang digunakan terhadap pelarian Vietnam itu dituntut balik sementelah peruntukan itu memang ada disediakan oleh Bangsa-bangsa-Bersatu, janglah berlagak "biar papa asalkan bergaya".

Tuan Yang di-Pertua, saya kembali sedikit kepada masalah Afghanistan kerana masa yang begitu sedikit tidak mengizinkan. Dalam soal Afghanistan ini walaupun Kerajaan tidak menunjukkan sikap bermusuhan tetapi ia juga tidak terus menerus mengutuk Russia dalam hal pencerobohan di Afghanistan malahan meneruskan perhubungan diplomatiknya yang masih ada dengan Russia. Apakah sikap talam dua muka ini dapat menyelesaikan masalah Afghanistan ialah negara Islam, maka itu ia tidak harus disamakan dengan soal negara Russia kecualilah Afghanistan itu bukan Islam.

Kembali ke Palestine sedikit. Mengenai masalah ini, yang perlu diteruskan ialah jihad oleh setiap umat Islam dalam negara Islam untuk mengembalikan Baitul Muqadis ke pangkuan Islam. Jelas Kerajaan Malaysia begitu sepi dalam hal ini kelihatan begitu jelas setiap hal yang berkaitan dengan negara Islam, hal perjuangan Palastine dan tuntutan Baitul Muqadis, hal Iran, hal Afghanistan, negara Malaysia adalah bersikap begitu sepi malahan begitu erat sekali berusaha mengadakan hubungan yang lebih rapat dengan Negara China, Vietnam, Russia dan Amerika.

Dalam hal ini, di manakah rakyat boleh bersatu terutama yang berugama Islam kerana Kerajaan begitu memandang sepi terhadap masalah Islam dan negara Islam, dalam negeri pula ada yang mengutuk kumpulan dakwah songsang dan sebagainya, ini jelas menunjukkan kejahilan terhadap perjuangan Islam. Kumpulan-kumpulan dakwah ini pula kalau kita fikirkan bila-bila masa adalah lebih baik dari mereka yang tidak berakhlak, tidak bermoral seperti peminum arak, pencuri, perogol, pendadah, perompak, kaki kelab malam dan sebagainya. Oleh itu, kenapakah perosak masyarakat ini lebih terbela dan dibela daripada orang yang mengambil berat terhadap ugama ini. Maka dalam masalah ini kalau kumpulan dakwah ini belum kemas tolonglah kemaskan, tolonglah pimpinkan, berilah bimbingan, berilah teguran dengan ikhlas dan jujur maka dalam perjalanan ini janganlah tekanan dan kecaman sahaja dihadapkan, tuduhan yang dilemparkan, maka dengan inilah pihak Kerajaan, insya Allah, akan dapat memberi bimbingan kepada pihak yang benar.

Sedikit sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya kaitkan kepada pelajaran di mana baharu-baharu ini kita dapati tiga buah sekolah menengah telah mengadakan demonstrasi, nasib baiklah sekolah menengah ini di Ipoh dan di Taiping, kalau di Kelantan atau Kedah atau Trengganu malang nasibnya. Tuan Yang di-Pertua, pelajar-pelajar mengadakan demonstrasi ini tentulah Kerajaan khasnya Kementerian Pelajaran telah tahu sebab-sebabnya kerana layanan yang tidak memuaskan. Maka dalam masalah ini saya tidak dapat bercakap panjang kerana masa terbatas.

Apa yang perlu difikirkan, saya suka merayu kepada Kementerian Pelajaran dapatlah mengembalikan balik segala bantuan biasiswa yang ditarik terhadap pelajar-pelajar ini kerana kita memandang pelajar-pelajar ini ada terdiri dari golongan orang yang kaya, ada terdiri daripada anak-anak miskin maka janganlah kerana segelintir perkara yang berlaku itu maka biasiswa yang penting telah ditarik dengan tidak dikembalikan kepada mereka sedangkan kita boleh anggap bapa dengan anak, kalau anak memberontak, bukanlah maknanya anak benci kepada bapanya tetapi cuba menegurkan apa yang tidak betul ayahnya. Begitu juga ayahnya kalau marah bukanlah kerana benci kepada anaknya tetapi adalah marah sayang dan marah kasih untuk menyelamatkan anaknya. Jadi, apa yang berlaku terhadap demonstrasi ini kepada pihak Kementerian Pelajaran supaya dapat memikirkan perkara yang penting ini, ini adalah masalah pelajaran supaya biasiswa-biasiswa ini dapat dikembalikan semula.

Dalam dasar ini sekali lagi saya berterima kasih kepada pihak Kementerian Pelajaran di mana saya dapat tahu pada masa yang sudah dalam akhbar iaitu soal pelaksanaan pelajaran ugama hendaklah ketat dijalankan di sekolah-sekolah di Malaysia ini, ini amat baik sekali. Tetapi apa yang saya suka mendesak pihak Kementerian Pelajaran ialah agar perkara ini dapatlah dengan serta-merta diutuhkan lagi iaitu diberikan arahan kepada guru-guru dalam masalah tulisan jawi dan pelajaran ugama ini kerana kita faham dengan adanya didikan pelajaran ugama di sekolah-sekolah ini diperkuatkan maka moral anak-anak atau dari segi penghormatan dan daripada segenap segi atau bidang maka terselamat negara kita.

Akhirnya sekali, Tuan Yang di-Pertua, ialah masalah berkaitan dengan pelabur-pelabur asing di mana mereka telah banyak datang ke negara kita dengan mendirikan kilang-kilang. Ini amat mustahak mendapat perhatian Menteri yang berkenaan. Pengaduan-pengaduan amat banyak sampai kepada saya, minta kami menyuarakan di dalam Dewan yang mulia ini di mana kilang-kilang didirikan sedangkan pekerja-pekerja wanita dan lelaki boleh dikatakan hampir 90% terdiri daripada umat Islam tetapi tempat sembahyang mereka tidak diadakan oleh setengah-setengah daripada kilang itu. Kementerian yang berkenaan harap ambil perhatian sungguh-sungguh. Baharu-baharu ini saya melawat dua buah kilang di Kuala Lumpur ini; amat sedih, Tuan Yang di-Pertua, tempat sembahyang berkapit dengan tempat membuang najis (air besar), ini amatlah mendukacitakan. Dalam masalah ini pihak kementerian yang berkenaan hendaklah ambil berat tentang perkara ini supaya pihak pekerja-pekerja kilang yang terdiri 90% umat Islam itu dapat menunaikan ibadat yang menjadi kewajipan mereka.

Hanya sekian, Tuan Yang di-Pertua, walaupun banyak lagi perkara-perkara tetapi apa boleh buat kerana masa yang terbatas biarlah kita menjimatkan masa kepada kawan-kawan yang lain tetapi sekali lagi saya mengingatkan pihak Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak Kerajaan biarlah

semuanya dapat kita berjalan dengan apa yang kita laungkan perpaduan yang sejati amat penting dan mustahak. Sekianlah, saya sokong usul Titah Ucapan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar.

4.00 ptg.

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar: Tuan Yang di-Pertua, saya berasa amat sukacita dapat bercakap dalam Dewan yang mulia ini di atas dua sebab satu merupakan ucapan sulung saya dan yang kedua kerana saya berpeluang untuk menyokong usul ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Diraja dan juga memberi peluang kepada saya menyampaikan ucapan terima kasih dari rakyat Sabah kepada Kerajaan Pusat atas perlaksanaan berbagai projek pembangunan yang begitu diperlukan untuk meninggikan taraf hidup mereka dan merapatkan jurang antara mereka yang berada dan yang tidak berada.

Tuan Yang di-Pertua, kami menyanjung tinggi atas perhatian Kerajaan Pusat terhadap kebajikan dan keadaan rakyat di Sabah. Sekiranya tidak ada atas galakan dan perhatian Kerajaan Pusat, terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato Hussein Onn, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad, Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan, Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah dan lain-lain Menteri di peringkat Kerajaan Pusat, maka Sabah tidak akan maju dengan pesatnya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Saya dengan penuh kejujuran berharap pemimpin-pemimpin ini akan terus membantu Sabah untuk setanding dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Negeri Sabah telah mengalami kemajuan yang pesat di bawah Rancangan Malaysia Ketiga, kemajuan yang dicapai setakat ini adalah hasil dari kepimpinan yang bijaksana di kedua-dua peringkat—Pusat dan Kerajaan Negeri, perlaksanaan Dasar Kebangsaan, Pengurusan Tabung Pendapatan yang lebih baik dan perhatian yang mendalam terhadap kehidupan rakyat di seluruh negeri Sabah. Kerajaan Negeri Sabah akan terus berusaha memerangi kemiskinan di kalangan rakyatnya sambil mengakui faktor bahawa Sabah adalah kaya dengan bahan mentah dan Perbendaharaan Negeri telah mengumpulkan kewangan yang mencukupi melalui pembaharuan sumber cukai Kerajaan Sebahagian besar penduduk negeri ini tidak boleh memperolehi faedah tanpa program-program pembangunan sosial dan ekonomi yang teratur.

Tuan Yang di-Pertua, Sabah merupakan negeri yang kedua mempunyai pendapatan per capita yang tinggi dan tidak mustahil ianya akan muncul sebagai negeri yang mempuyai pendapatan per capita yang tertinggi sekali bila dihitung selepas di akhir Rancangan Malaysia Ketiga, bagaimanapun terdapat ketidak-seimbangan pendapatan yang besar di kalangan berbagai peringkat dari penduduknya. Rakyat di kawasan luar bandar dan di kawasan pantai memerlukan segala bantuan yang mereka boleh perolehi untuk memperbaiki keadaan dan nilai-nilai hidup mereka. Berasaskan inilah Kerajaan Negeri melancarkan berbagai projek pembangunan dan menubuhkan agensi-agensi Kerajaan untuk menyegerakan keperluan pembangunan. Antaranya yang terpenting ialah Koperasi Pembangunan Desa, Koperasi Nelayan, SAFODA dan KOSAN. Agensi-agesi ini ditubuhkan sebagai pertambahan kepada agensi-agensi yang sedia ada seperti Yayasan Sabah, Lembaga Kemajuan Tanah Sabah, Lembaga Padi Sabah dan lain-lain lagi untuk menyediakan asas keperluan bagi memajukan negeri ini bersama dengan penglibatan rakyat. Asas-asas inilah seperti pinjaman luar bandar, pemasaran, pemindahan teknologi ke luar bandar dan keharmonian politik. Maka Koperasi Pembangunan Desa telah mencapai kejayaan-kejayaan perlaksanaan program-program pembangunan kepada petani-petani yang pada satu ketika mebiarkan tanah-tanah mereka atas berbagai sebab telah mendapat pendapatan yang lebih dari apa yang mereka pernah harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan bimbingan sebuah badan subsidi yang diberi nama Perbadanan Pemasaran Sabah (Sabah Marketing Agency) yang memberi jaminan terhadap pasaran hasil tanaman dengan harga yang berpatutan.

Satu lagi subsidi agensi Kerajaan ialah Koperasi Nelayan yang mana koperasi ini telah melaksanakan program-programnya untuk membantu nelayan-nelayan bagi memodenkan cara hidup dan cara menangkap ikan tradisional dan menyediakan latihan yang baik.

SAFODA (Sabah Forest Development Authority) telah memulakan program menanam semula hutan-hutan yang telah diusahakan dan juga di kawasan tanah pinggir dengan pokok-pokok dari jenis yang cepat membesar untuk mempastikan bekalan kayu yang berterusan di samping menempatkan semula rakyat yang berada di skim tanaman kayu.

Koperasi Serbaguna Belia (KOSAN) telah melibatkan diri dalam menstabilkan harga barang-barang keperluan melalui jualan borong dan runcit dalam usaha mengawal keuntungan yang berlebihan. Maka ukuran yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri untuk membantu bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian adalah termasuk beberapa perkara:

Pertama, penubuhan Yayasan Bumiputra Sabah sebagai tambahan dan sokongan terhadap usaha Yayasan Pelaburan Bumiputra yang ditubuhkan oleh Kerajaan Pusat.

Kedua, pinjaman 100% pada kadar faedah 6% dalam tempoh pembayaran 20 tahun kepada bumiputra untuk membeli rumah-rumah kedai yang dibina dan diuruskan oleh SEDCO (Sabah Economic Development Corporation).

Ketiga, kelonggaran mengeluarkan lesen-lesen kepada bumiputra.

Keempat, 50% daripada kontrak-kontrak atau kerja-kerja daripada Kerajaan dan separuh Kerajaan diuntukkan kepada pemborong-pemborong bumiputra.

Kelima, 40% dari peralatan yang digunakan oleh Kerajaan dan Jabatan-jabatan Separuh Kerajaan adalah dibeli dari syarikat-syarikat bumiputra. Maka kerja-kerja menolak tanah juga sekarang ini dikhaskan kepada syarikat-syarikat bumiputra.

Penglibatan bumiputra dalam pembangunan tanah seluas lebih 1,000 ekar di negeri ini diasaskan kepada 49% pemegang saham bumiputra dan 50% kepada bukan bumiputra.

Penubuhan Yunit Penyertaan Bumiputra di dalam Jabatan Ketua Menteri untuk memproses bagi menyokong permohonan dari bumpiutra untuk mendapatkan pinjaman bantuan Kerajaan dalam perniagaan. Kesemua ini adalah langkah-langkah yang practical dan positive yang telah banyak membantu bumiputra dalam melibatkan diri di berbagai kegiatan ekonomi negeri.

Tuan Yang di-Pertua, usaha Kerajaan Pusat telah banyak memberikan peruntukan yang selisa untuk melaksanakan pembangunan di negeri itu tetapi masalah yang besar dihadapi oleh negeri Sabah ialah satu daripadanya kehilangan tenaga akibat kekurangan minyak diesel sepertimana perkara ini sebagai satu masalah nasional. Maka PETRONAS adalah syarikat minyak nasional kita yang tidak begitu memberikan perhatian berat dalam soal kekurangan bahan ini. Dan syarikat minyak nasional seperti PETRONAS seharusnya bersiap sedia untuk menyediakan satu kilang penapisan minyak di negara ini kerana Malaysia adalah juga sebuah negara yang pengeluar minyak di rantau ini. Maka dengan yang demikian, walaupun PETRONAS telah mendirikan beberapa buah kiosk ataupun pump minyak di Semenanjung Malaysia tetapi namun demikian tidaklah mencukupi kegiatan PETRONAS untuk memenuhi segala yang sukar yang dihadapi oleh seluruh rakyat di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Sarawak terdapat sebuah kilang penapis minyak yang tertua sekali, iaitu di Lutong. Maka kenapakah PETRONAS tidak menggunakan kilang penapis minyak di Lutong, Sarawak ini selain daripada mendapatkan minyak daripada bumi Malaysia yang mana minyak mentah kita ditapis di luar daripada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat lagi satu aspek yang juga melambatkan tempoh pembangunan ialah penangguhan yang tidak sepatutnya dalam melepaskan peruntukan yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan Persekutuan. Terdapat beberapa kes di mana wang yang telah diluluskan untuk projek-projek yang penting dan mendesak telah tidak keluarkan sehingga pertengahan tahun dan terdapat juga di mana peruntukan dikeluarkan di suku akhir tahun. Maka pastilah pihak Perbendaharaan memanjangkan Jabatan tersebut untuk melaksanakan projek-projek berkenaan dalam waktu yang terhad dan tidak mencukupi. Akhirnya wang yang tidak dibelanjakan itu dikembalikan kepada

Perbendaharaan dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang menerima kesalahan seolah-olah negeri-negeri yang berkenaan tidak berupaya membelanjakan dan melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang telah diluluskan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Perbendaharaan sepatutnya mengeluarkan wang-wang tersebut tepat pada waktunya bagi membolehkan Jabatan-jabatan yang berkenaan melaksanakan projek-projek yang telahpun disenaraikan oleh pihak Kerajaan-kerajaan Negeri.

Maka ingin juga saya menyentuh berkenaan dengan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) yang menjalankan kegiatan perkapalan antara Semenanjung Malaysia dan pelabuhan-pelabuhan Sabah. Terdapat rasa tidak puas hati daripada pengimport-pengimport bahawa urusan kargo masih tidak seperti yang diingini. Pengimport-pengimport kerap kali membuat aduan bahawa kerosakan yang besar berlaku ke atas barang-barang mereka dan kejadian kehilangan barang-barang tersebut semakin menjadi-jadi. Hanya apa yang dapat diterima oleh pengimport-pengimport ialah peti kosong. Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengesyorkan supaya harga Pan-Malaysian bagi barang-barang buatan Malaysia kepada seluruh negara sudah tentu para pengilang barang-barang buatan Malaysia boleh diyakinkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian untuk memperkenalkan harga Pan-Malaysian demi membantu rakyat di seluruh negara. Maka Kerajaan Pusat juga sepatutnya memberi perhatian kepada negeri Sabah khasnya yang mana pada masa ini masih lagi menghadapi kekurangan doktor.

Saya juga memahami bahawa kekurangan doktor adalah merupakan suatu masalah nasional yang sangat mendesak keadaan di negeri Sabah pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah yang sama juga ujud di Sabah ialah mengenai kekurangan guru-guru yang berkelayakan dan perkara ini telah ditimbulkan berkali-kali kepada Kementerian yang berkenaan maka sehingga hari ini tidak ada satu cara yang dapat diatasi bagi kekurangan guru-guru di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya ingin melahirkan harapan agar Kerajaan Pusat memberikan perhatian dalam masalah-masalah yang masih berlaku di negeri Sabah pada masa ini maka oleh yang demikian untuk menjimatkan masa, Tuan Yang di-Pertua, saya akhir ucapan ini dan menyokong Usul Terima Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong.

4.12 ptg.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya di hari yang terakhir dalam perbahasan Titah Ucapan. Saya bangun bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain juga untuk menyokong Usul mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia atas Titah Ucapannya pada hari pembukaan Parlimen Kedua, Penggal Yang Kelima pada 17hb Mac, 1980.

Sebelum daripada saya menyentuh dua tiga perkara apa yang terkandung dalam Ucapan Titah Kebawah Duli, sukacita saya mengambil peluang menerusi Dewan yang mulia ini untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada rakyat yang menjadi pengundi-pengundi dalam kawasan pilihanraya Bukit Raya di negeri Kedah yang seramai 6,808 orang yang kesemuanya saya menyampaikan ucapan tahniah menerusi Dewan yang mulia ini kerana rakyat di sana sudah membuktikan manakah manikam, manakah kaca sebagaimana yang dilafazkan oleh seorang Ahli Dewan baru sekejap tadi.

Bukit Raya telah menentukan bahawa 12 tahun rakyat di Bukit Raya duduk dalam keadaan menderita dan 5hb April yang baru lalu penderitaan 12 tahun masa gelap itu telah kembali terang di mana rakyat, pengundi-pengundi telah mengundi Barisan Nasional dalam pilihanraya. Saya bukan daripada negeri Kedah tetapi saya seorang daripada yang ditugas bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain berada dalam kawasan negeri Kedah di kawasan Bukit Raya, kerana parti Pembangkang khususnya PAS yang bertanding di Bukit Raya ini telah menggunakan bermacam-macam isu, telah cuba mengelirukan rakyat dengan bermacam-macam tipu helah supaya mereka menang dalam pilihanraya itu. Maka dengan sebab itu demi kepentingan rakyat Bukit Raya, demi kepentingan rakyat dan umat Islam Bukit Raya, kami dari Kelantan berhijrah ke Bukit Raya negeri Kedah dan

kami dapati di sana lebih dahsyat daripada apa yang berlaku di negeri Kelantan, kerana Pilihanraya Kecil adalah merupakan satu pertarungan yang hebat dan pihak PAS akan cuba mengekalkan kerusinya sekalipun rakyat dalam kawasan itu hidup menderita tetapi untuk mengembangkan partinya, menjaga maruah partinya maka ia sanggup apa juga perkataan-perkataan yang dahsyat, isu-isu yang dahsyat telah dikeluarkan dalam masa kempen 15 hari di Bukit Raya.

Sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak saudara-saudara saya dari Barisan Nasional yang menjadi Ahli Dewan Negara ini bersama-sama memberikan setinggi-tinggi tahniah kepada rakyat kawasan Bukit Raya selain daripada pemimpin-pemimpin Barisan Nasional peringkat Negeri dan Pusat yang berkhidmat untuk kepentingan rakyat Bukit Raya.

Tuan Yang di-Pertua, ramai di antara Ahli-ahli Dewan yang mulia ini telah memberikan pandangan dan pendapat mengenai segenap bidang dari apa yang dikandungkan dalam Ucapan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Saya juga amat bersetuju dan saya menyokong penuh apa yang disuarakan oleh saudara saya dalam ucapannya semalam iaitu Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin dan juga seorang saudara saya dalam ucapannya sehari sebelum itu di mana Malaysia mustahak menjaga perpaduan kaum dan juga perpaduan ugama Islam yang maha suci.

Saya kira apa yang disentuh dalam Titah Ucapan ini yang menyatakan; "Beta ingin mengingatkan segolongan rakyat Beta". Ini nyata dan jelas bahawa Seri Paduka Baginda menerusi Kerajaan telah menyedari bahawa bahaya yang akan menempuh Malaysia, yang akan menempuh kita semua sekiranya kita tidak berwaspada.

Kalau saudara-saudara berada dalam kawasan pilihanraya Bukit Raya baru-baru ini sekali-sekala barangkali saudara-saudara akan merasa hendak menitis airmata. Pihak parti pembangkang sebagai rakyat telah memainkan isu yang saya katakan tadi, telinga saya sendiri mendengar pemimpin besar kita iaitu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita telah dituduh, disebut oleh Parti Pembangkang dalam pilihanraya katanya sebagai "Firaun", barangkali kita semua faham apakah perkataan "Firaun". Sungguhpun negara kita ini mengamalkan demokrasi tetapi sebagai seorang Islam tidak seharusnya mengatakan kepada seorang Islam yang lain dengan perkataan-perkataan yang begitu kesat sekali. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah tidak berkahwin kerana takut anak-anaknya besok menanggung hutang negara, begitu juga isu yang ditimbulkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Mahathir dan lain-lain Menteri kita telah dilemparkan bermacam-macam tuduhan.

Yang paling anih sekali kalau kita mengikuti kedua-dua ucapan daripada Ahli Dewan ini yang bukan daripada Barisan Nasional seorang dari Kelantan dan seorang dari Pulau Pinang menyatakan ingin kepada pembangunan, ingin kepada kedamaian, ingin bersatu-padu, tidak ingin perpecahan. Tetapi kalau kita mendengar di luar Dewan ini lain daripada apa yang telah dicakapkan di sini. Dari segi tuduhan-tuduhan yang saya katakan telah dilemparkan yang kadang-kadang barangkali kita sendiripun memikir adakah mereka ini di satu saat mempunyai fikiran lain atau di satu mempunyai fikiran lain.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Saya suka contohkan lagi di sini, Tuan Yang di-Pertua, dalam kempen juga mengeluarkan perkataan: Barang siapa rakyat Bukit Raya mengundi Barisan Nasional atau mengundi Dacing bererti rakyat dalam kawasan Bukit Raya hendak menghenyakkan ugama Islam. Ini dikeluarkan dan saya mempunyai bukti. Ada lagi perkataan: Kerajaan Pusat, Kerajaan Malaysia, Kerajaan Barisan Nasional menjalankan usaha pembangunan kepada rakyat membuat masjid, surat, jalan, bekalan air, bekalan api, telefon adalah hasil daripada wang kutipan judi, arak dan sebagainya. Ini dikeularkan. Saya pernah juga menjawab dan hari ini pun patut saya menjawab. Saya menyatakan kalau dari segi hendak membuat pembangunan kepada rakyat wangnya dipersoalkan dari mana datang? Tetapi dari segi menerima elaun Ahli-ahli Yang Berhormat daripada PAS tidak pernah dipersoalkan. Hatta barangkali kedua-dua Ahli-ahli Yang Berhormat kita inipun tiap-tiap bulan menerima elaun, tiap-tiap bulan membuat tuntutan perjalanan (mileage) ke Parlimen, kalau mereka persoalkan itu harus mereka tidak patut menerima wang sedemikian atau wang daripada Kerajaan Barisan Nasional, tetapi tidak! Inilah yang kita pelik sangat

telatah yang dipermainkan oleh parti lawan dan ini semua akibatnya akan membawa huru-hara kepada rakyat.

Saya bertanya kepada rakyat di kawasan Bukit Raya; kenapa tidak ada pembangunan dalam kawasan ini? Jawab mereka: kawasan ini tidak pernah ditawarkan pembangunan oleh Wakil Rakyat daripada PAS selama 12 tahun, apa yang diberikan hanya semangat menentang Barisan Nasional, semangat menentang UMNO—semua haram, semua tidak boleh, termasuklah secara berbisik-bisik, orang UMNO kalau berkahwin dengan orang PAS kalau dapat anak, anaknya haram, anak zina. Kalau orang UMNO kenduri menyembelih ayam atau lembu orang PAS tidak boleh makan kerana dagingnya itu tidak sah dimakan oleh orang Islam.

Perkara sedemikian Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak boleh membiarkan kalau kita ingin selamat dalam negara ini. Maka dengan sebab itu saya sekuat-kuatnya menyokong usul yang dibawa atau pandangan yang diberi oleh seorang Ahli Dewan ini dua hari sudah supaya parti ini, parti yang menggunakan nama Islam ini mesti diharamkan. Kami tidak takut, saya dari Kelantan, saya tidak gentar menghadapi PAS ini tetapi merbahaya kepada umat Islam sendiri yang kurang boleh berfikiran seperti kita jenerasi yang muda ini, mereka telan apa juga fitnah, apa juga dakyah-dakyah seperti ini. Bagi orang-orang kampung ditelannya bulat-bulat, saya kira kalau dibiarkan keadaan ini berlarutan jangan kita bercakap fasal Afghanistan, mungkin barang-kali rakyat Afghanistan balik akan bercakap fasal Malaysia, kenapa Malaysia huru-hara maka jawabnya rakyat Afghanistan kata Malaysia huru-hara kerana Kerajaannya, biarkan parti Islam Setanah Melayu membuat bermacam-macam fitnah mengancam negara, menghasut rakyat supaya berpecah-belah. Jadi sebelum terlambat saya berharap keadaan ini mesti Kerajaan tidak patut lagi berdiam diri, setelah sekian lama kita membenarkan mereka bermaharajalela dengan isu-isu ugama dalam parti politik.

Islam adalah hak kepentingan umat, hak kepunyaan orang UMNO, hak kepunyaan orang lain dan kalau orang yang berfikiran sihat tidak seharusnya perkara ini dimainkan semula setelah PAS sendiri berada empat tahun dalam Barisan Nasional bersama-sama dengan Kerajaan. Pada ketika itu semuanya baik, semuanya elok, apa yang dibuat oleh Kerajaan semua elok, tetapi setelah dia ditendang keluar daripada Barisan Nasional maka semuanya tidak elok, semua tidak baik. Ini samalah seperti cerita orang kampung. Semasa dia berkahwin semuanya elok, tidur sedap, makan sedap, masakannya semua kena, tetapi bila sudah diceraikan oleh suaminya dikatakan suaminya tidak kuat dan berbagai-bagai lagi, semuanya tidak baik. Ini samalah dengan perangai PAS.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit tentang apa yang disuarakan oleh saudara saya daripada Kelantan. Dalam ucapannya kelmarin ia menyatakan yang ia berkehendakkan rakyat bersatu-padu dan dimarahnya pula kepada Kerajaan kita tidak menjalankan kuatkuasa undang-undang jenayah dan dibangkitkan penjenayah-penjenayah yang berlaku di antara tahun sekian ke tahun sekian telah bertambah. Semua perkara yang ditimbulkan ini adalah dengan tujuan hendak mengelirukan rakyat dan dengan harapan ucapannya dikeluarkan oleh suratkhabar atau televisyen menyatakan beliau telah membela Undang-undang Islam supaya dilaksanakan dalam negara Malaysia ini. Tetapi suka saya menyatakan di sini usaha Kerajaan untuk hendak menghapuskan segala jenayah-jenayah yang berlaku ini bermacam-macam usaha yang kita telah lakukan. Tidak cukup dengan undang-undang yang ada, kita buat pindaan undang-undang kita tambah pindaan undang-undang supaya Kerajaan dapat mengawal dengan rapi penjenayah-penjenayah dalam negara kita ini tidak kira dari bangsa apa dan kaum mana, kita mesti tahu.

Setelah Kerajaan kita bertindak menangkap penjenayah-penjenayah yang kepada saya amat besar bahayanya dan mahkamah sendiri telah menghukumkan orang ini dengan hukuman gantung, datanglah DAP membawa usul dalam Dewan Rakyat supaya hukuman itu dibatalkan. Yang menyokong usul DAP ialah wakil daripada PAS, daripada orang Melayu—minta maaf, Tuan Yang di-Pertua. Yang saya faham hukuman yang hendak dikenakan itu bukan kepada orang Melayu pada saat itu; yang menyokong usul DAP ialah PAS—seorang daripada Kelantan iaitu Wakil Rakyat dari Bachok dan seorang dari Kedah menyokong usul daripada DAP. Apakah sebabnya dan kerana apa? Tetapi bila hadir ke Dewan ini bercakap lain, samalah juga dengan apa yang dicakapkan oleh

saudari dari sebelah sana, bercakap di kawasan Bukit Raya lain, bercakap dalam Dewan ini lain. Jikalau sudah rasa panas atas kerusi Dewan Negara boleh memohon berundur diri daripada Dewan Negara ini supaya dapat kami gantikan dengan Barisan Nasional, kedua-dua kerusi tempat saudari-saudari kita ini, tetapi jangan cuba memainkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mengerti sikap PAS ini, dan saya menyokong supaya parti ini diambil tindakan dari segi nama Islamnya itu kerana kita sudah tidak tahan lagi dengan sikap parti ini dan patut kita terus mengambil langkah bukan kerana takut bertanding dalam pilihanraya tetapi demi untuk menjaga kepentingan seluruh umat dan seluruh rakyat dalam negara Malaysia kita ini supaya dapat kita hidup dengan aman damai buat selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya sedikit lagi. Saya cuma hendak sentuh sedikit mengenai usaha Kerajaan dalam hendak meninggikan taraf petani-petani kita. Rakyat seluruh negara telah berterima kasih kepada Kerajaan Barisan Nasional kerana telah memberikan subsidi baja padi; saya kira bukan subsidi tetapi beri percuma baja padi kepada rakyat tanpa bayar satu sen pun asalkan di mana rakyat menanam padi pada tahun 1979, kesemuanya mendapat baja percuma.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma hendak memberikan sedikit sahaja pandangan saya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, dalam tahun sudah oleh sebab kita secara terburu-buru, tidak cukup masa hendak mengkaji dan menyiasat siapakah orang yang benar-benar berhak menerima baja percuma ini, maka asalkan mereka dapat menunjukkan geran tanah; dan tanah padi seluas 1 ekar, maka 6 kampit baja diberi kepada rakyat itu. Saya minta supaya kajian dibuat pada tahun ini ialah kerana ada setengah-setengah dan kalau di Kelantan umpamanya masih banyak terdapat dalam geran tanahnya masih ditanda dengan lot padi atau lot sawah padi tetapi sesudah beberapa tahun kemudian tanah itu sudah tidak lagi ditanam padi; sudahpun dibuat rumah atas tanah itu; ataupun tanah itu telah digunakan bagi maksud lain selain daripada tanam padi.

Jadi oleh sebab kita secara tergopoh-gapah saya katakan tadi, kita tidak sempat hendak kesan yang mana sebenarnya lot padi dan yang mana bukan lot padi. Jadi untuk menjimatkan wang negara dalam pembahagian subsidi atau baja percuma pada tahun hadapan ini diharap biarlah kita dapat menjalankan kesanan yang cermat sedikit supaya baja padi yang kita keluarkan itu benar-benar menepati dapat kepada petani-petani dan dibubuhnya kepada padi, tidak baja padi tadi disimpan ataupun ada kemungkinan baja yang berjalan keluar itu masuk balik ke stor, berjalan keluar lagi sekali. Ini kemungkinan sahaja; saya harap Menteri yang berkenaan dapat mengawasi soal ini pada masa yang akan datang.

Di samping itu, saya juga memohon jasa baik Menteri Pertanian kerana ada lagi segolongan besar rakyat petani kita yang bukan sahaja mereka menanam padi ataupun ada yang tidak menanam padi tetapi sebilangan besar juga iaitu lebih kurang 60,000 keluarga petani di seluruh Malaysia yang menanam tembakau yang mana tembakau adalah merupakan satu crop yang singkat tetapi mendatangkan hasil yang baik dan lumayan kepada rakyat kita.

Pada masa ini subsidi baja tembakau telahpun dikeluarkan oleh pihak pengilang-pengilang rokok selaku pembeli daun-daun tembakau kering sebanyak 75% daripada jumlah harga satu kampit baja, tetapi subsidi yang dikeluarkan oleh pengilang-pengilang rokok ini menimbulkan masalah kepada petani-petani sendiri. Dengan demikian, menerusi Dewan yang mulia ini saya merayu kepada Kementerian Pertanian selain daripada baja padi, baja tembakau juga patut dipertimbangkan oleh Kementerian Pertanian supaya dapat disyorkan kepada Kerajaan walaupun tembakau ini di bawah Kementerian Perusahaan Utama tetapi saya kira ada hubungan rapat dengan petani-petani maka dengan sebab itu saya syorkan subsidi atau diberi percuma baja tembakau ini kepada penanam-penanam tembakau yang seramai 60,000 keluarga dalam negara Malaysia kita ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila ringkaskan. Yang Berhormat telah mengambil masa 32 minit, bukan sedikit.

Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh: Akhirnya saya menyentuh sedikit berkenaan dengan bekalan api elektrik. Selepas 23 tahun kita sudah merdeka kita terdapat sekarang ini masih banyak lagi rakyat luar bandar kita belum lagi dapat menikmati bekalan api

elektrik. Bekalan api elektrik ini adalah satu-satunya cara yang berguna, cara yang berfaedah besar kepada rakyat. Saya tidak hendak mengulas dengan panjang lagi, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak merayu terus Kementerian berkenaan supaya dalam tempoh separuh penggal Rancangan Malaysia Keempat semua kampung-kampung dalam seluruh negara kita ini hendaklah diadakan dengan lampu elektrik sama ada memakai cara biasa ataupun kalau sukar sangat hendak dipasang api elektrik daripada satu stesyen ke satu stesyen yang lain bagi kampung-kampung pendalaman bolehlah dipasang generator. Beli generator besar pasang dalam kampung itu supaya dapat kampung itu diberi bekalan elektrik, kalau tidakpun barangkali sekuat-kuatnya tetapi malam bolehlah menyala untuk mengelakkan daripada rakyat kita menggunakan pelita ayam iaitu semenjak belum merdeka sampai kepada 23 tahun kita sudah merdeka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan sekali lagi terima kasih dan oleh sebab saya diberi amaran saya memohon maaf dan saya sudahi ucapan saya dengan sekali lagi saya menyokong usul terima kasih yang telah dibawa oleh Puan Rahmah Othman dalam Dewan yang mulai ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Choo Kooi Fook.

4.44 ptg.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk berucap.

Saya mengambil peluang bersama rakan-rakan saya mengucapkan terima kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Baginda yang sangat bermakna dan jelas kepada kedua-dua Dewan Rakyat dan Negara pada 17hb Mac, 1980. Sambil menyokong saya juga hendak memberi pandangan saya mengenai tiga perkara iaitu, pertama meritocracy di masyarakat Malaysia; yang kedua, perumahan; dan ketiga, peluang pelajaran di institusi-institusi pelajaran tinggi di negara kita.

Adalah tidak dapat disangkal bahawa negara telah mencapai kemajuan yang pesat di dalam semua bidang di dalam dekad yang lepas. Kejayaan ini dicapai adalah kerana kepercayaan rakyat kepada Kerajaan dan juga sokongan dan penglibatan mereka di dalam pembangunan negara. Tidak dapat disangkal bahawa ini adalah satu syarat yang harus dipenuhi terlebih dahulu untuk mencapai kejayaan. Apabila kita menempoh ke dalam dekad yang baru, iaitu tahun-tahun lapan puluhan, nampaknya kita harus menghadapi cabaran-cabaran baru dan saya percaya bahawa dengan semangat solidariti dan jujur antara Kerajaan dengan rakyat, kita akan dapat menghadapi semua cabaran ini dan akan dapat membuatkan tahun-tahun lapan puluhan ini lebih berjaya lagi.

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah menyeru rakyat untuk melipatgandakan usaha-usaha mereka untuk menentukan supaya kejayaan yang telah dicapai dapat dikekalkan. Baginda juga telah menegaskan bahawa hanya melalui minat dan dedikasi kepada kerja dan bersyukur ke atas pemberian Tuhan, barulah rakyat dapat mencapai cita-cita yang mereka harapkan.

Tuan Yang di-Pertua, sudahlah sampai masanya kita menyeru dan menegaskan kepada rakyat negara ini bahawa semua perkara yang hendak dicapai hendaklah diusahakan sendiri. Untuk menggalakkan rakyat berusaha mencapai kejayaan adalah perlu untuk memberikan mereka ganjaran mengikut merit mereka. Tanpa ini, tidak ada insentif untuk bekerja keras. Ini adalah juga cara yang sangat baik untuk memberi kepuasan pekerjaan yang mana adalah perlu bagi kemajuan manusia.

Adalah dengan memberi kredit di mana kredit diperlukan, barulah dapat memberikan satu perasaan kepuasaan yang mana pula adalah mustahak untuk meningkatkan moral dedikasi dan disiplin di masyarakat kita. Ganjaran bagi kecemerlangan usaha rakyat dan dengan memberikan jawatan kepada mereka yang layak, akhirnya akan diterima dengan senang hati oleh rakyat dan ini akan dapat menghapuskan kekecewaan dan ketidakpuasan di hati mereka. Hanya melalui persaingan yang sihat kita akan dapat memberikan dorongan bagi rakyat untuk meresapkan semangat untuk kemajuan seterusnya dan memperbaiki taraf mereka. Kita mestilah melihat tentang kepentingan dan hasil-hasil, bahawa sistem meritocracy akan mendorong mencapai kemajuan bagi negara ini.

Mengenai meritocracy saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya apa yang disyorkan oleh Yang Berhormat sahabat saya dari Perak semalam di Dewan ini iaitu kita harus meninggalkan sikap dan tindakan bercorak perkauman, seperti orang Melayu, orang Cina ataupun orang India. Beliau mencadangkan kita harus bersikap orang Malaysia. Ini patut kita semua sokong. Tetapi matlamat ini hanya kita dapat mencapai melalui demokrasi dan meritocracy. Janganlah pula kita cakap satu dan perbuatannya berlainan.

Mengenai perumahan, Tuan Yang di-Pertua, langkah-langkah yang telah diambil setakat ini adalah tidak efektif dan akibat dari ini menyebabkan sebahagian inflasi ke atas harga rumah.

Di dalam Wilayah Persekutuan misalnya, masalah setinggan tetap kekal sebagai satu masalah yang besar. Rancangan Malaysia Ketiga hampir akan tamat tetapi Kuala Lumpur masih mempunyai lebih kurang 45,000 keluarga setinggan.

Dengan bertambahnya penghijrahan rakyat ke Ibu Kota, kita ingin tahu kadar pertambahan setinggan dan kadar rumah murah yang dibina oleh Dewan Bandaraya. Bukti menunjukkan bahawa industri perumahan baik swasta mahupun awam adalah tidak berupaya untuk membina dengan cepat dan cukup untuk menyesuaikan permintaan bagi sektor harga murah.

Rancangan Malaysia Ketiga menekankan bahawa di dalam pelaksanaannya, pihak-pihak yang berkenaan akan cuba memenuhi keperluan perumahan bagi rakyat yang berpendapatan rendah.

Dewan Bandaraya menganggarkan 15,700 rumah harga murah dapat dibina di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tetapi bukti menunjukkan ianya tidak dapat mencapai anggaran ini. Tambahan lagi jumlah ini terus akan meningkat apabila anggaran ini dapat disiapkan.

Skim membina rumah diri sendiri

Dengan ini mungkin perlu bagi Dewan Bandaraya untuk membangunkan kawasan setinggan yang terlibat. Menyusun semula dan letak pelan kawasan yang berkenaan. Lot-lot perumahan individu hendaklah diberikan bagi individu itu membina rumah mereka sendiri dengan memberikan peruntukan bagi membuat tambahan rumah mereka pada masa depan.

Cara ini mungkin satu cara pendekatan yang lebih positif untuk menyelesaikan masalah setinggan dan lebih ekonomi. Dan dengan begini Dewan Bandaraya nanti hanya perlu untuk menyediakan keperluan-keperluan asas seperti jalan, longkang, saluran najis, elektrik dan air.

Ini adalah satu jalan yang praktikal. Mengapa pula pihak berkenaan enggan mencuba rancangan ini? Saya merayu kepada Menteri Perumahan supaya memberi rancangan ini percubaan.

Pelajaran

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pelajaran adalah perlu untuk membuat pertimbangan yang teliti ke atas kepentingan pelajaran di dalam kehidupan manusia dan pengaruhnya yang semakin luas kepada kemajuan sosial mengikut masa. Pelajaran hendaklah dijadikan sebagai satu alat untuk membuatkan manusia lebih sedar tentang tanggungjawabnya dan bersedia untuk memainkan peranan yang aktif di dalam masyarakat. Pendek kata, pelajaran hendaklah menyediakan manusia untuk hidup lebih berguna daripada terlalu menekankan ke atas orientasi pekerjaan ataupun materialistic.

Usaha-usaha adalah sedang dijalankan diseluruh dunia untuk meningkatkan pembangunan pelajaran. Di dalam hal ini negara kita juga tidak terkecuali. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah berulang kali menyatakan bahawa langkah-langkah sedang diambil untuk membangun dan membesarkan kelima-lima universiti yang sedia wujud bagi menampung permohonan yang bertambah bagi pelajar-pelajar untuk memasuki universiti. Di samping mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran di usaha-usahanya ini, saya juga ingin bertanya sama ada langkah-langkah ini akan dapat menyelesaikan permohonan-permohonan yang makin bertambah untuk mendapatkan tempat di universiti-universiti yang sedia wujud sekarang ini di negara kita ini. Kalau semua kelima-lima universiti ini hanya dapat menerima 25% dari jumlah permohonan dalam tahun 1978, adalah dianggap walau bagaimanapun kelima-lima universiti

ini diperbesarkan, tidak juga dapat kita menerima semua permohonan-permohonan pada tahun-tahun yang akan datang.

Di dalam Lapuran Setengah Penggal Rancangan Malaysia Ketiga adalah dilaporkan bahawa di dalam tahun 1978 terdapat 36,000 pelajar-pelajar Malaysia di seberang laut. Dengan mengira mengikut kadar yang moderate iaitu $10,000 bagi seorang pelajar setahun, pelajar-pelajar di seberang laut ini melibatkan Kerajaan Malaysia lebih kurang 360 juta di dalam tukaran wang asing. Tidakkah lebih baik kita menghalang tukaran wang yang begitu banyak keluar. Pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, $360 juta adalah lebih dari cukup untuk membina dan mengendalikan dua universiti tempatan. Dengan itu saya ingin merayu kepada Menteri Pelajaran untuk menimbangkan semula kenyataannya bahawa beliau tidak akan menimbangkan bagi menubuhkan sebarang tambahan universiti di negara ini buat masa sekarang.

Dengan kenaikan yuran yang begitu tinggi yang dikenakan oleh universiti-universiti seberang laut adalah perlu kita menubuhkan universiti-universiti tambahan dengan segera bagi negara ini. Kita hendaklah memulakannya sekarang supaya diharapkan di dalam masa dua tahun lagi kursus-kursus akan dapat dimulakan.

Akhir sekali, saya ingin menegaskan bahawa hanya keadilan sahaja yang dapat menguji zaman dan kita tidak akan pergi ke jalan yang tidak betul selagi kita berpandukan kepada undang-undang di dalam usaha kita untuk menentukan supaya semua rakyat negara ini tanpa mengira kaum akan dapat menikmati kekayaan negara ini dengan adil dan saksama.

Dengan rasa muhibah dan semangat memberi dan menerima melalui meritokrasi, saya percaya kita akan berjaya. Dengan ini, saya menyokong usul yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Puan Rahmah Othman.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Zawiah Abdullah

5.58 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan terima kasih kerana dapat juga peluang pada saya untuk bercakap pada petang ini walaupun pada hari penghabisan.

Dengan ini saya terlebih dahulu mengucapkan setinggi-tinggi tahniah serta menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah merasmikan Penggal Kedua, Parlimen Kelima pada hari Isnin di Dewan yang mulia ini.

Saya juga menyokong usul ucapan terima kasih yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Puan Rahmah Othman pada petang yang lepas. Dalam mengambil peluang ini saya ingin menyentuh beberapa perkara yang telah disentuh di dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terutama sekali di dalam perkara-perkara yang menyentuh mengenai usaha-usaha Kerajaan bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru Kerajaan dan di dalam Titah Ucapan itu juga telah meletakkan bahawa pihak Kerajaan begitu bersungguh-sungguh mengkaji dari masa ke semasa tentang perlaksanaan dasar-dasar yang telah diletakkan serta masalah yang timbul semoga dengan itu akan dapat pihak Kerajaan dan pihak yang bertanggungjawab seperti ejensi-ejensi Kerajaan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang berbangkit dari masa ke semasa perancangan dan dasar yang diletakkan itu akan dapat benar-benar mencapai matlamat yang sepenuh-penuhnya.

Satu perkara yang menarik perhatian saya di dalam Titah Ucapan Baginda itu ialah mengenai masalah-masalah yang seharusnya Kerajaan memberi sepenuh perhatian masalah itu akan dapat memberi penyelesaian yang sebenarnya. Saya ingin membawa perkara ini adalah bagi dapat menyelesaikan beberapa masalah yang khususnya di dalam kaum tani negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat tani semenjak dahulu lagi telah menjadi tulang belakang kepada pembangunan ekonomi negara kita ini. Dalam pertumbuhan ekonomi yang berlandaskan kepada ekonomi getah, bijih timah dan ditambah lagi dengan kelapa

sawit, kayu-kayan dan petroleum. Pembekalan beras adalah untuk menampung kehendak tenaga buruh dalam bidang yang tersebut tadi. Kita tahu kebanyakan beras lebih kurang 82% yang diperlukan oleh rakyat negara kita ini adalah dikeluarkan oleh tani negara kita. Dengan adanya pengalawan oleh Kerajaan maka dapatlah dibekalkan kepada sektor tersebut tadi dengan harga yang baik. Sesungguhnya kegigihan aktiviti mengeluarkan bahan eksport adalah tertakluk kepada pembekalan makanan utama iaitu beras yang cukup yang mempunyai harga yang murah. Di sinilah peranan yang penting yang diberikan oleh masyarakat tani di negara ini. Soalnya adakah faedah-faedah yang didapati oleh petani-petani ini melalui rancangan-rancangan Kerajaan itu setimbal dengan sumbangan mereka sebagai pembekal bahan-bahan makanan utama kepada negara walaupun satu peningkatan taraf hidup masyarakat tani di negara ini telahpun tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan juga menyentuh beberapa perkara mengenai petroleum. Kita berasa bangga dengan hasil pendapatan petroleum satu-satunya hasil negara yang sangat-sangat membanggakan kita. Pada tahun 1971 hasil negara kita yang kita terima daripada petroleum hanya sebanyak $20 million sahaja, tetapi ia telah meningkat begitu cepat dan mengatasi hasil negara daripada bahan mentah yang lain seperti getah, bijih timah dan kayu-kayan dengan adanya dasar yang baik serta pandangan yang jauh ia akan memberi harapan yang lebih cerah kepada negara dari setahun ke setahun. Tidaklah dapat kita menafikan bahawa hasil daripada kenaikan petroleum ini menyebabkan kenaikan harga-harga barang makanan, bahan-bahan mentah yang boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada ekonomi negara. Akibatnya ia akan menambahkan tekanan ke atas pengguna khususnya penduduk-penduduk di luar bandar yang kebanyakan purata masih lagi di paras 100 ke bawah. Mereka ini sebagaimana kita tahu adalah menjadi tulang belakang pemerintah negara kita ini yang majoritinya duduk di luar bandar, khususnya orang Melayu dan bumiputra amnya. Dengan kenaikan harga barang-barang yang tinggi ianya akan lebih menyempitkan lagi kehidupan mereka tambahan pula dengan keadaan sara hidup yang tinggi adalah sukar bagi mereka untuk memberi pelajaran yang sempurna kepada anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh beberapa masalah yang difikirkan perlu dan patut. Tahun ini adalah tahun 80an iaitu tahun terakhirnya Rancangan Malaysia Ketiga yang mana tahun hadapan adalah tahun permulaan bagi Rancangan Malaysia Keempat. Di sini saya mencadangkan kepada Kerajaan supaya mengkaji semula kejayaan-kejayaan yang telah dicapai di dalam Rancangan Malaysia Ketiga supaya tidak menjadi beban di dalam rancangan yang akan datang. Kerana saya percaya masih banyak lagi projek-projek pembangunan yang belum dapat disiapkan dengan sempurna di dalam Rancangan Malaysia Ketiga, terutama di bidang ekonomi bagi membasmikan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dan membantu kaum bumiputra di dalam mencapai matlamat 30% sekurang-kurangnya ekonomi hendaklah dimiliki oleh kaum bumiputra. Tinjauan ke atas rancangan kita yang telah dilaksanakan sama ada di dalam sektor awam, sektor swasta adalah perlu kita meninjau kembali dan saya akan memberi satu dua contoh projek pembangunan yang masih terbengkalai sampai ke saat ini.

Tuan Yang di-Pertua, jika dilihat dari segi perancangan di atas kertas memang banyak kemajuan yang telah dicapai dan banyak projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan, cuma dari segi pelaksanaan sahaja yang setengah-setengahnya telahpun mula tetapi belum siap, setengah-setengahnya hampir siap dan tidak kurang pula yang terbengkalai begitu sahaja ditinggalkan oleh pemborong-pemborong dan setengah-setengahnya dikeluarkan tender namum projek itu tidak juga dijalankan seperti rancangan pembinaan hospital di Kuala Berang, Sekolah Berasrama Penuh di Matang, Ulu Trengganu dan lain-lain lagi. Saya berharap kepada Kementerian yang berkenaan akan memberi penjelasan yang sebenar-benarnya supaya rakyat tidak tertunggu-tunggu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya Dasar Ekonomi Baru ini dikaji semula di samping penjelasan diberi yang mendalam mengenai hal tersebut, ini disebabkan tafsiran 30% itu telah disalah mengertikan oleh setengah-setengah pihak, terutama pihak yang sengaja dikelirukan tafsiran tersebut. Sebagai contoh pembahagian kuota di dalam perumahan yang mana hanya 30% diperuntukkan kepada bumiputra. Kalau diperhatikan Dasar Ekonomi Baru

mahukan bumiputra menguasai ekonomi negara sekurang-kurangnya 30% menjelangnya tahun 1990. Ini bukannya bermakna semestinya 30% sahaja diberi kepada bumiputra tetapi hendaklah lebih daripada angka tersebut. Saya yakin jika diteruskan dengan formula 30% yang ada sekarang, maka sudah tentu cita-cita murni Kerajaan untuk mempastikan bumiputra memiliki 30% ekonomi negara tidak akan tercapai. Perlu disebutkan di sini bahawa peningkatan atau pertumbuhan ekonomi bumiputra hanya lebih kurang 2% setahun tidak termasuk yang dimiliki oleh ajensi-ajensi Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengalihkan pandangan saya ke arah keselamatan dalam negeri yang mana perlu dipandang serius oleh pihak Kerajaan dalam suasana dingin sekarang ini. Maka sebagai sebuah negara kecil yang hanya mempunyai lebih kurang 13 juta rakyat maka sudah tentu kita memerlukan sistem pertahanan yang kemas dan licin. Sebagaimana kita sedia maklum kita mempunyai pantai yang luas maka sudah tentu kita memerlukan sistem rondaan yang teratur dan lengkap bagi menghadapi sebarang kemungkinan terutama di perairan di Pantai Timur yang terdedah kepada berbagai kegiatan. Untuk menghapuskan kegiatan yang merbahaya itu saya tidak ragu-ragu menyokong Kerajaan dengan sepenuh-penuhnya memberi Angkatan Bersenjata kita Darat, Laut dan Udara kita hendaklah dilaksanakan dengan segera. Dalam mempertahankan negara dari ancaman musuh hendaklah memandang keadaan di sekitar rantau ini amatlah merunsingkan kita. Kekuatan tentera adalah bergantung kepada taat setia yang tidak berbelah bagi terhadap negara iaitu tugas yang dibebankan ke atas mereka. Untuk memberi keselesaan kepada mereka dan keluarganya patut dipandang berat terutama berkenaan dengan pemberian pencen yang diberikan sekarang ini, pada fikiran saya perlu disemak semula kerana dari segi pengorbanan yang diberi terhadap negara tidaklah boleh dipertikaikan.

Saya syorkan kadar pencen hendaklah dinaikkan. Saya rasa kadar pencen yang diberikan sekarang adalah berdasarkan kepada Perkhidmatan Awam tidaklah boleh disamakan dengan kedudukan tentera kita. Kemalangan dan kecederaan berlaku ke atas tentera kita akibat perangkap samar yang dipasang oleh pengganas komunis yang boleh melemahkan semangat tentera kita tentang bayaran saguhati yang diberi kepada tentera yang terkorban tidaklah boleh disamakan dengan nilaian $10,000 sahaja. Saya rasa bayaran saguhati ini hendaklah ditambah lagi seberapa yang patut atas pengorbanan mereka terhadap negara. Begitu juga tanggagaji pegawai-pegawai tentera yang berpangkat rendah hendaklah dikaji semula. Begitu juga pegawai-pegawai yang berpangkat Kaptan hendaklah dinaikkan maksimanya iaitu sekurang-kurangnya sama dengan maksima yang diberi kepada Penguasa Polis (ASP) kerana kepada seorang Kaptan itu tidak dapat dinaikkan pangkatnya misalnya, maka sekurang-kurangnya dapat sama had maksima dengan Mejar tetapi tidaklah seperti yang mana terdapat sekarang. Ini saya rasa perlu dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri atas usaha kegigihan yang dijalankan untuk membawa lebih banyak lagi pelabur-pelabur di negara ini tetapi apa yang diharapkan Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA) perlu dilaksanakan secara positive, bukan secara sambil lewa sahaja seperti pengalaman yang lalu melaksanakan sesuatu dengan ala kadar sahaja.

Di sini saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian tersebut supaya mengutamakan peniaga-peniaga bumiputra dalam pemberian A.P. atau lesen mengimport kerana kaum bumiputra masih menghendakkan dorongan dan bantuan daripada Kerajaan. Dengan adanya lesen-lesen A.P. tersebut maka sudah tentu peniaga-peniaga bumiputra dapat berniaga dan menghadapi persaingan yang begitu hebat.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang tidak begitu mencukupi, melalui ucapan saya yang ringkas ini saya sekali lagi menyokong usul terima kasih kepada Titah Ucapan yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman pada hari Isnin yang lepas. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim.

5.12 ptg.

Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama-sama mengambil bahagian dalam

membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan pembukaan persidangan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelima pada 17hb Mac, 1980 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Dewan yang mulai ini saya mengambil peluang menyembahkan ucapan menjunjung kasih di atas Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Pada pendapat saya Titah Ucapan Tuanku ini adalah satu perkara yang amat berharga, sesuai dengan keadaan dan keperluan negara pada masa ini dalam masa kita melangkah memasuki lambaran abad ke 15 Hijrah dan ke ambang tahun 1980an yang penuh dengan cabaran dan misteri dari segi pembangunan negara kita akan melangkah masuk ke tahun Rancangan Malaysia Keempat dan meninggalkan Rancangan Malaysia Ketiga.

Menerusi Dewan yang mulia ini saya menyeru sekelian rakyat di negara ini supaya bersama-sama meneliti dan menaksirkan Titah Ucapan Tuanku untuk membaharui azam bagi menghadapi menuju kepada perpaduan bagi melaksanakan tanggungjawab kita untuk terus membangun di negara Malaysia yang dicintai ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyentuh mengenai dasar luar Kerajaan Malaysia di mana menghadapi pergolakan serantau dan antarabangsa dalam usaha untuk mewujudkan kawasan aman, bebas dan berkecuali di Asia Tenggara hendaklah dijalankan dengan bersungguh-sungguh. Usaha-usaha hendaklah dijalankan supaya semua pihak termasuklah kuasa-kuasa besar benar-benar menghormati dan melaksanakan dasar ini. Dalam pada itu saya menyeru Kerajaan supaya mempercepatkan usaha-usaha meningkatkan pertahanan negara kerana dasar aman, bebas dan berkecuali bukanlah merupakan satu jaminan yang boleh menentukan keselamatan negara kita dari ancaman musuh dari dalam atau luar negeri. Usaha-usaha membesarkan Angkatan Tentera hendaklah disegerakan termasuklah mengadakan kelengkapan yang termoden dan terkuat dengan angkatan kereta kebal, kapal-kapalterbang pejuang jet yang pada masa ini hanya mempunyai beberapa buah sahaja.

Saya mengalu-alukan rancangan Kementerian Pertahanan untuk membesarkan Angkatan Tentera Simpanan di samping kekuatan Pasukan Tentera biasa selaras dengan penyertaan rakyat dalam pertahanan negara secara sukarela. Saya berharap rancangan ini dapat disegerakan. Ini menolak apa yang dilaung-laungkan oleh parti Pembangkang supaya Kerajaan menjalankan kerahan tenaga rakyat. Saya menyeru rakyat yang taat setia kepada negara ini supaya tampil menyertai pasukan simpanan yang pada masa ini dikenali sebagai Pasukan Wataniah atau Pasukan Pertahanan Tempatan bila sampai masa kelak. Inilah sebagai satu peluang kita rakyat yang taat setia dalam pertahanan dan keselamatan negara. Keselamatan dan pertahanan adalah amat penting kepada negara, kenapa keselamatan dan keamanan kita tidak dapat menjalankan apa juga rancangan pembangunan untuk kesejahteraan rakyat dan negara. Keselamatan dan pertahanan negara adalah tanggungjawab kita seluruh rakyat dan bukan tanggungjawab Kerajaan atau Angkatan Tentera sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usaha-usaha Kerajaan untuk menolong kaum bumiputra dalam bidang perniagaan, saya berharap usaha-usaha yang lebih tegas hendaklah dijalankan oleh Kerajaan menerusi agensi-agensi atau badan-badan yang telah diamanahkan seperti MARA, UDA dan lain-lain lagi, begitu juga bank-bank bagi kemudahan pinjaman kepada bumiputra, bukanlah sebagai hendak melepaskan batuk di tangga sahaja. Banyak lagi bank yang tidak melaksanakan arahan Kerajaan bagi tujuan ini. Kerajaan hendaklah mengambil tindakan tegas ke atas bank-bank yang melengah-lengahkan arahan Kerajaan itu. Kita berharap usaha-usaha Kerajaan dalam bidang ini akan berjaya.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai kegiatan kesatuan-kesatuan buruh di negara ini saya berharap supaya mereka lebih mengutamakan kepentingan rakyat dan negara dari kepentingan diri atau kepentingan golongan mereka sahaja. Mereka patut bersyukur dan berterima kasih kepada negara dan Kerajaan yang memerintah yang telah mewujudkan keadaan yang ada pada hari ini. Segala tindakan hendaklah diselaraskan dengan kepentingan rakyat dan negara. Kita dapat menyaksikan kejadian di beberapa negara dalam dunia mana tindakan kaum pekerja melalui kesatuan sekerja atau kesatuan buruh yang tidak bertanggungjawab telah menyebabkan keruntuhan ekonomi

negara dan juga menimbulkan kekacauan dan huru-hara dalam negara itu. Untuk mengelakkan keadaan ini dan juga untuk melindungi kepentingan pekerja-pekerja itu sendiri dan untuk kebaikan rakyat dan negara ini, Kerajaan mengadakan beberapa peraturan termasuklah pindaan Undang-undang Buruh dan Perhubungan Perusahaan yang sedang dijalankan sekarang.

Melalui Dewan yang mulia ini saya menyeru seluruh kaum buruh dan kaum pekerja di negara ini supaya meneliti dan mengkaji sedalam-dalamnya di atas perkara ini, janganlah bertindak terburu-buru dan semata-mata mengikut perasaan yang disalah ertikan oleh setengah-setengah pemimpin kesatuan buruh untuk kepentingan diri atau segelintir golongan mereka sahaja. Apa lagi setengah daripada mereka untuk mengambil kesempatan bagi faedah politik, parti dan diri mereka. Kerajaan tidaklah berniat untuk menekan pergerakan hak kaum buruh di negara ini. Setiap pindaan adalah untuk kepentingan bersama. Kerajaan tidak pernah menyalahgunakan kuasa. Ini telah dibuktikan semenjak Kerajaan diberi kepercayaan memerintah negara ini pada masa-masa yang lalu Kerajaan banyak kali mengadakan Undang-undang baru dan pindaan untuk kepentingan dan kebajikan rakyat dan negara, termasuklah Akta Keselamatan Dalam Negeri, Akta Universiti dan Pusat Pengajian Tinggi dan lain-lain lagi. Akta dan pindaan-pindaan itu sekarang berjalan dengan baik dan memberi kesan yang mendalam kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat dan tidak sekali-kali pihak Kerajaan menyalahgunakan kuasa dalam Akta-akta dan pindaan itu. Saya percaya seluruh rakyat dan sebahagian besar kaum pekerja dan kaum buruh yang mempunyai perasaan tanggungjawab kepada negara adalah menyokong pindaan ini.

Mengenai kegiatan-kegiatan mereka yang menggunakan ugama Islam sebagai topeng untuk kepentingan diri dan politik, saya harap Kerajaan akan bertindak lebih tegas lagi. Keadaan ini tidak patut ada lagi. Untuk mengelakkan perkara ini, usaha-usaha yang lebih positive hendaklah dijalankan oleh pihak yang berkuasa ugama di tiap-tiap negeri. Setengah-setengah pegawai ugama termasuklah guru-guru dan pensyarah-pensyarah ugama di pusat-pusat pengajian tinggi yang mengambil kesempatan di atas kedudukan mereka untuk tujuan ini hendaklah diawasi dan tindakan sewajarnya hendaklah diambil, sepatutnya dengan tidak berlengah lagi.

Inilah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Dengan ini saya menyokong penuh usul yang dibawa oleh sahabat saya Yang Berhormat Puan Rahmah Othman.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai.

5.20 ptg.

Tan Sri Datuk Dr C. Sinnadurai: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong dengan sepenuhnya Usul yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat Puan Rahmah Othman supaya Dewan ini menyampaikan Kebawah Duli Ucapan ribuan terima kasih atas Titah Ucapan Baginda semasa Upacara Pembukaan Rasmi Penggal Kedua, Parlimen Kelima pada 17hb Mac yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa pun yang boleh menafikan bahawa negara kita ini sangat bertuah. Saya katakan bertuah kerana negara kita semenjak merdeka adalah di bawah pucuk pimpinan yang jujur dan rajin, satu pimpinan yang telah berusaha dengan sesungguh-sungguhnya untuk memberi kehidupan yang stabil dan mewah kepada rakyat jelata.

Memang sudah jadi satu kenyataan bahawa negara kita ini dapat berkembang maju meninggalkan kebanyakan negara di belakang adalah semata-mata kerana dasar-dasar Perdana Menteri kita yang bercorak pragmatic dan prudent yang telah diamalkan oleh Kerajaan kita. Kalau sekiranya dibandingkan dengan negara-negara lain rakyat Malaysia boleh disifatkan sebagai sangat-sangat bernasib baik oleh sebab pada masa sekarang ini kita tidak dapat banyak negara di dunia ini yang mempunyai Kerajaan yang kukuh, adil dan stabil, keadaan ekonomi yang kuat dan yang tidak membebankan rakyat serta keharmonian hidup di antara berbagai kaum. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, kita sepatutnya bersyukur kepada Tuhan kerana melimpah rahmatnya ke atas negara Malaysia ini. Saya berani bercakap demikian kerana Kerajaan di banyak negara sekarang ini seperti kita semua maklum adalah sangat menyedihkan, kita dapati kesengsaraan, kebuluran dan pembunuhan yang kejam yang berlaku setiap

hari. Kesemua ini berlaku kerana pucut pimpinan di negara-negara berkenaan telah tidak menjalankan kewajipan mereka yang diamanahkan oleh rakyat mereka dengan kejujuran dan penuh tanggungjawab. Sebaliknya pemimpin-pemimpin berkenaan hanya memperjuangkan kepentingan mereka sendiri. Oleh yang demikian saya merayu kepada semua rakyat supaya terus memberi sokongan mereka kepada Kerajaan kita untuk mengekalkan keharmonian serta memperkukuhkan keadaan politik dan ekonomi supaya negara kita ini dapat menikmati kesejahteraan dan bahagian selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan politik di rantau ini adalah sangat membimbangkan kerana peperangan Cold War di Cambodia. Saya suka mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan kita kerana telah mengambil langkah-langkah positif, merayu kepada semua kuasa-kuasa yang terlibat untuk menolong meredakan keadaan di sana supaya rantau ini benar-benar boleh disediakan sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali.

Walaupun usaha Kerajaan kita setakat ini tidak berhasil namun demikian saya yakin Kerajaan kita tidak akan putus harapan untuk mencari jalan bagi menyelesaikan masalah pergolakan politik demi untuk keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun keadaan ekonomi negara kita sangat menggalakkan akan tetapi keadaan inflasi yang tinggi merupakan satu ancaman berat kepada kehidupan rakyat khasnya di antara golongan yang berpendapatan rendah. Oleh itu, Kerajaan harus juga mengawasi perbelanjaan awam untuk menentukan bahawa apa yang perlu sahaja dibelanjakan dan apa yang tidak perlu dikurangkan perbelanjaannya. Dengan lain perkataan Kerajaan mesti memberi satu contoh kepada rakyat menunjukkan jalan untuk menanam sikap jimat cermat kepada rakyat sebagai satu cara mengatasi cabaran inflasi sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita semua maklum Kerajaan British baru-baru ini telah menaikkan kadar yuran yang dikenakan kepada para pelajar-pelajar dari luar negeri yang ingin meneruskan pelajaran mereka di England. Kenaikan kadar itu bukan sahaja menyulitkan pelajar-pelajar sendiri tetapi telah menambah beban ke atas keluarga pelajar berkenaan. Oleh itu saya merayu kepada Kerajaan kita untuk mencari jalan memberi kemudahan-kemudahan pelajaran tinggi kepada pemuda-pemudi kita kerana merekalah yang akan memimpin negara kita pada masa depan. Adalah mustahak untuk Kerajaan melahirkan perasaan cinta kepada negara serta menolong membentuk sikap yang betul di antara pada pelajar-pelajar berkenaan supaya masa depan negara kita akan terjamin.

Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, di sini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Dewan yang mulia ini kapada akhbar *New Straits Times* pagi ini yang telah melaporkan bahawa Timbalan Perdana Menteri kita who has stated openly the Government's displeasure over the restrictions of foreign students by Britain.

Sekianlah sahaja, sekali lagi saya menyokong usul ini.

5.27 ptg.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, akhirnya dapat juga saya berucap di dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu mengucapkan berbanyak terima kasih kerana memberi peluang untuk bersama dalam perbahasan untuk membahaskan Usul Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa pembukaan Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelima pada 17hb Mac, 1980 yang lalu.

Sebelum memanjangkan ucapan saya terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada pucuk pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn, Perdana Menteri kita di atas kejayaan parti Barisan Nasional dalam pilihanraya Bukit Raya baru-baru ini. Atas kemenangan ini rakyat telah tahu dan memahami yang Kerajaan kita telah mencapai kejayaan yang pesat dari golongan serta penyertaan rakyat. Ini adalah disebabkan keikhlasan dan kejujuran Barisan Nasional terutamanya UMNO bagi memperjuangkan nasib rakyat jelata khususnya golongan yang miskin.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Dewan yang mulia ini izinkan saya memetik ucapan Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn bagi mengalu-alukan kemenangan calon Barisan Nasional yang berbunyi:

> "Saya berdoa semoga Allah membuka hati Ahli-ahli PAS supaya menyokong perjuangan UMNO dan bersama-sama memperjuangkan nasib rakyat jelata. Alangkah baiknya jika kita orang-orang Islam bermufakat, bersatu-padu dan seterusnya ini boleh membawa lebih berkat lagi."

Ini telah jelas dan terang Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita menyeru orang Melayu bersatu-padu.

Di samping itu, Tuan Yang di-Pertua, kita tidak mahu kejatuhan negara kita adalah disebabkan perpecahan kelemahan dan kemunduran dan dengan kejatuhan ini ugama Islam bukan sahaja terancam dan binasa tetapi dihapuskan. Oleh itu, janganlah hendaknya ada parti-parti yang berunsurkan ugama menghalang kemajuan yang harus kita usahakan.

Sebagaimana yang telah terjadi di Kedah baru-baru ini satu pertubuhan yang mengakui Pertubuhan Angkatan Sabilullah (P.A.S.). Izinkan saya memetik Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda meningatkan rakyat supaya mengambil iktibar terhadap kejatuhan beberapa buah negara Islam akibat perpecahan, kelemahan dan kemunduran umatnya. Sehubungan dengan itu saya sendiri berasa amat bimbang malah amat sedih sekali terhadap golongan yang begitu taksub kepada ugama sehingga membesar-besarkan perkara-perkara kecil seolah-olah memulakan batasan perpisahan antara golongan tersebut dengan rakyat ramai. Bagi saya inilah salah satu punca kelemahan umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda menyeru rakyat supaya berjaga-jaga tidak dikuasai psikologi inflasi yang mengakibatkan pembelian yang berlebihan. Dalam soal ini saya menyeru kepada Kementerian yang berkenaan supaya sorok-menyorok barang-barang yang telah menjadi lumrah kepada orang-orang tengah harus dapat dibendung. Selama ini Kerajaan terlalu mengikutkan hawa nafsu orang-orang tengah ini melalui persatuan mereka meminta Menteri menaikan harga barang-barang pengeluaran mereka. Jika tidak diikut barang-barang berkenaan sekonyong-konyong hilang begitu sahaja. Sungguhpun kadar inflasi di negara kita tidak begitu teruk dibandingkan dengan kebanyakan negara lain di dunia ini, tetapi masalah inflasi merupakan suatu perkara yang kita atasi dengan sebijak-bijaknya.

Sukalah saya menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua kepada inflasi dari bahan dan barang-barang tempatan yang memang boleh dikeluarkan secara lebih banyak lagi misalnya barang-barang dapur dan keperluan harian seperti sayur-sayuran, kelapa, ayam, ikan dan lain-lain semuanya barang-barang itu tidak wajar naik harganya begitu tinggi kerana ia tidak melibatkan import dari luar. Saya mengharapkan Kerajaan akan berusaha meningkatkan rancangan mengusahakan pengeluaran bahan-bahan tersebut secara meluas.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda menyeru rakyat yang berugama Islam bahawa keutuhan ugama tidak dapat dipisahkan daripada kemajuan negara. Kita sangat sukacita melihat umat Islam khasnya belia-belia Islam menunjukkan minat yang tinggi terhadap pembangunan Islam. Kita telah lihat banyak pergerakan dakwah yang mengusahakan, meninggikan syiar Islamiah yang sebenar. Tetapi yang mendukacitakan, ada segolongan kecil yang menyibarkan syiar Islam berpendapat bahawa ugama Islam tidak tolerant, melakukan perbuatan negatif yang memburuk-burukkan imej Islam. Kita melihat golongan kecil ini berpakaian jubah dan golongan ini sering kita lihat di pekan dan di kampung-kampung, golongan ini membenci orang-orang lain tidak memakai jubah seperti mereka dan kadangkala kita hendak bersalam pun mereka tidak mahu menerima salam kita. Dalam Islam saya rasa tidak ada ajaran sebegitu rupa. Saya tidaklah berhajat di dalam Dewan yang mulia ini untuk mengecil-ngecilkan segelintir golongan dakwah ini, tetapi kita takut kalau tidak dicegah mengikut ajaran Islam yang sebenarnya.

Saya menyeru kepada Majlis Hal Ehwal Ugama Islam mengambil tahu dan mengambil tindakan yang sewajarnya, kalau boleh bawa mereka suruh mereka lengkapkan pengetahuan mereka dengan tafsiran Islam yang sebenarnya, terlebih dahulu jangan menjadi Islam ikut-ikutan. Di samping itu ada lagi dakwah yang wujud di negara ini yang mana mengeluarkan bermacam-macam fatwa termasuk juga menghalang kemajuan, ada

golongan yang memberi syarahan di surau-surau menghentam Kerajaan dan Menteri-menteri. Saya rasa jikalau perkara ini tidak diawasi akan merosakkan negara kita.

Pada 8hb April, 1980 dalam akhbar *Utusan Malaysia* mengatakan sudah ada golongan seakan-akan P.A.S. (Pertubuhan Angkatan Sabilullah) telah masuk ke Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Mereka ini mengakui Ayatollah Khomeini menjadi pujaan mereka. Mengikut akhbar *Utusan Malaysia* ini mereka berkiblatkan Iran dan ada kemungkinan akan meresap kepada Pusat-pusat Pengajian Tinggi yang ada dalam negara kita ini. Saya harap jikalau kita tidak awasi perkara ini kita takut ini akan merebak dan meluas dan ada satu lagi dakwah yang lain hanya mementingkan ajaran akhirat sahaja, keindahan alam dijadikan oleh Allah subhanahu wa ta'ala dilupakan sahaja, ini telah menjadi-jadi.

Tuan Yang di-Pertua, kerana negara kita ini dalam Perlembagaan mengatakan bahawa ugama Islam adalah ugama rasmi. Oleh itu, saya menyeru dan mencadangkan Majlis Hal Ehwal Ugama Islam supaya dapat menyatupadukan undang-undang Islam umpamanya nikah-kahwin, cerai-berai, hantaran mas kahwin dan sebagainya, begitu juga menentukan anak Bulan Puasa dan juga Hari Raya Haji kerana tiap-tiap negeri di dalam Malaysia ini tidak sama menjalankan undang-undang tersebut. Satu lagi yang saya rasa malu kepada umat Islam khasnya di dalam Malaysia ini, kita seringkali membaca di akhbar-akhbar tempatan iaitu tangkapan berkhalwat di antara wanita Islam dengan pemuda yang bukan Islam. Pada 8hb juga izinkan saya membaca petikan akhbar di muka depan dengan tulisan hitam mengatakan: "Doktor gigi berkhalwat dengan Jururawat dalam klinik diberkas". Dikatakan seorang doktor gigi bersama jururawat telah diberkas semasa berkhalwat di Klinik Besar Parit 7, Sungai Samun, Hutan Melintang kira-kira jam 2.00 pagi. Doktor gigi berusia 38 tahun berketurunan Sikh bertugas di Klinik Besar tersebut. Dan satu lagi terpampang besar Aishah didenda $450 kerana berzina dengan pemuda Serani dan satu lagi Lora binti Abdul Rahman berusia 19 tahun didenda $150 kerana berkhalwat dengan seorang pemuda Cina di atas bangku di Taman Jaya, Petaling Jaya. Berita ini dapat dibaca pada 8hb sahaja. Tetapi malangnya mengikut laporan ini hanya wanita Islam sahaja yang ditangkap dan didenda tetapi bangsa lain yang mendapat nikmat baik—haram itu tidak ditangkap ataupun didenda, mengikut dalam *Utusan Malaysia* ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik dan haram! (*Ketawa*).

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih. Pada dua tahun yang lalu kalau tidak silap saya begitu juga, seorang doktor berkhalwat dengan jururawat juga di Pulau Pinang, jururawat itu juga kena tangkap dan didenda. Dan setahun yang lepas kalau tidak silap saya di Kelantan, doktor juga berkhalwat dengan jururawat. jururawat binasa, kerja dibuang dan sebagainya, tetapi saya hendak tahu daripada Menteri yang berkenaan apakah tindakan kepada doktor berkenaan, kalau tidak silap saya ketiga-ketiganya berbangsa sikh.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Minta jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Apa kaitannya khalwat dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong? Apa progressnya yang dapat kepada kita? Itu yang saya hendak tanya.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan dalam soal ini kerana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mengingatkan kita supaya bersatu-padu mengamalkan ugama Islam. Ini tujuan saya, tidak tahulah saya kalau Yang Berhormat Mulia itu suka dalam perkara ini supaya ini dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita kaya dengan berbagai-bagai bahan mentah termasuk minyak yang juga menjadi sumber tenaga. Dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong berharap kawasan kurang maju dapat dibangunkan dan ini akan mengurangkan pengangguran. Kilang-kilang harus dapat didirikan di kampung-kampung. Ini mengelakkan penghijrahan belia-belia dan beliawanis-beliawanis berduyun-duyun datang ke bandar.

Saya mencadangkan mulai sekarang, Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan harus mengurangkan di kawasan-kawasan yang telah maju untuk mendirikan industri itu supaya dialihkan ke luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia yang mana akan menubuhkan sebuah Perbadanan Lebuhraya untuk melaksanakan projek-projek. Ini pun kita akan bincangkan. Dengan adanya Perbadanan ini mereka boleh mengkaji sebagaimana yang telah sudah bila hendak membuat jalan banyak mengorbankan tanah-tanah kepunyaan bumiputra. Ini saya hendak sebutkan, Tuan Yang di-Pertua, kerana dengan adanya jalan lebuhraya ini umpamanya di Kampung Segambut tanah orang Melayu hanya 8 ekar sahaja; sekarang Kerajaan hendak ambil untuk projek Klang Valley Express Highway. Dan lagi satu tanah iaitu melibatkan 350 buah rumah di Kampung Chendana, Sungai Baru dan Hujong Pasir di Kampung Bahru. Ini juga akan diambil untuk dijadikan lebuhraya dari Merlin ke Jalan Kuching. Saya tidak tahu apa sebabnya hanya tanah-tanah kepunyaan orang Melayu yang sedikit ini sahaja yang selalu terkorban sejak 4-5 tahun yang lalu dan sekarang akan dijalankan projek iaitu di Bungsar ataupun Pantai Halt tanah kepunyaan orang Melayu juga dijadikan tangki najis, dan ini pula tanah-tanah kepunyaan Melayu.

Izinkan saya menyebut iaitu mengikut tanah yang ada di Wilayah Persekutuan ini hanya lebih kurang 61,160 ekar dan hanya dipunyai oleh orang Melayu lebih kurang 4.5% sahaja daripada tanah tersebut. Oleh itu, saya berharap dan menyeru supaya kalau hendak membuat lebuhraya ini ataupun apa-apa rancangan janganlah diusik tanah-tanah orang Melayu yang ada sedikit itu, cubalah cari atau alih ke jalan-jalan yang lain yang boleh mengelakkan supaya tanah-tanah kepunyaan bumiputra ini tidak terjejas. Umpamanya di Segambut yang saya sebutkan tadi; sebelah tanah itu tidak diusik iaitu tanah kosong sahaja kepunyaan swasta tetapi hanya diambil tanah orang Melayu yang penuh dengan rumah-rumah yang mana tempat itu mengandungi lebih 100 buah rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Perbadanan Lebuhraya ini nanti dapat mengkaji betul-betul, jangan hanya sebagaimana sekarang ini mengharapkan lebuhraya ini cantik, licin, bersih dan sebagainya tetapi kita lihat sekarang umpamanya lebuhraya Kuala Lumpur ke Petaling Jaya sampai ke Lapanganterbang, jikalau hari hujan lebih kurang satu atau dua jam kita menanti untuk menyeberang disebabkan jalan-jalan itu penuh dengan air, jikalau musim hujan air naik sampai 2 kaki atau 3 kaki. Ini adalah disebabkan di kiri kanannya tidak cukup longkang yang besar untuk air mengalir. Begitu juga kita beralih ke Kuala Lumpur umpamanya, perkara ini juga lalulintas yang selalu tergendala di Kuala Lumpur. Ini adalah kerana pembinaan jalan, tebuk jalan, tutup jalan dan sebagainya, yang selalu dalam Dewan ini ramai Ahli-ahli Yang Berhormat menyebut tidak ada koordinasi daripada sesuatu jabatan. Apalah salahnya cuba cari jalan kerana dalam masalah ini rasa saya rakyat khasnya di Kuala Lumpur ini lebih-lebih lagi pekerja-pekerja dan pegawai-pegawai Kerajaan selalu datang lambat ke pejabat jikalau hari hujan disebabkan gendala jalan ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada sektor pertanian. Hanya sedikit sahaja saya hendak sentuh berhubung dengan tanah sawah yang terbiar di beberapa negeri dalam Malaysia ini yang sekarang tanah-tanah tersebut telah dipenuhi oleh hutan belukar, akibat dari kekurangan tenaga buruh muda di kampung-kampung. Saya harap usaha Kerajaan yang akan datang itu akan berjaya terutamanya kepada penggunaan teknik-teknik moden dan skim pemasaran yang teratur dan kemas.

Kementerian Pertanian harus meneliti punca masalah yang berkaitan dengan sektor pertanian seperti kekurangan air yang berpunca dari hakisan terhadap tempat tadahan air yang telah dimusnahkan. Tindakan sewajarnya perlu diambil supaya masalah tersebut dapat diatasi.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa semua rakyat termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini membincangkan soal-soal rumah khasnya rumah-rumah kos rendah. Saya menyokong penuh di atas tindakan Kerajaan atas penubuhan Majlis Perunding Kebangsaan mengenai perumahan dengan tujuan mencari jalan dan mengumpul

pendekatan dan strategi baru bagi melaksanakan rancangan perumahan dengan lebih pesat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan harus menyekat sedikit tentang wujudnya taman-taman perumahan yang tumbuh sebagai cendawan busut pada hari ini. Mereka ini berlumba-lumba menaikkan harga rumah. Umpamanya, sekarang rumah deret hanya 3 bilik meningkat harga ke $60,000. Di manakah rakyat yang berpendapatan rendah dan miskin dapat memiliki rumah ini? Bagi mengatasi masalah ini Kerajaan juga harus bertanggungjawab agar harga bahan-bahan binaan jangan naik melambung tinggi dan juga perkara sorok-menyorok di dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong harus dapat dibenteras.

Dalam hal ini juga, Tuan Yang di-Pertua . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila ringkaskan.

Tuan Abdul Razak bin Abu Samah: Sedikit lagi berhubung dengan Wilayah Persekutuan iaitu tanah-tanah setinggan sebab saya ini selalu dikerumuni oleh setinggan khasnya di Kuala Lumpur ini yang mana penduduk Wilayah Persekutuan lebih kurang 840,374 orang. Penduduk Melayu merupakan 26%; dari jumlah ini 40% adalah terdiri daripada kaum-kaum setinggan. Oleh yang demikian, kadar penghijrahan yang berasaskan kepada bangsa ini menunjukkan bangsa Melayulah yang paling tinggi sekali. Oleh yang demikian, bagi memperseimbangkan taraf rakyat berbilang kaum harus dijalankan supaya penempatan rumah murah orang-orang Melayu jangan hanya ditempatkan di rumah-rumah pangsa sahaja sebagaimana sekarang ini supaya tanah-tanah yang ada diduduki oleh setinggan-setinggan kepunyaan Kerajaan itu dapat dirikan rumah-rumah yang berbentuk rumah deret ataupun rumah yang berkemampuan oleh mereka. Kita tidak mahu melihat orang-orang Melayu hanya duduk di rumah pangsa sahaja. Banyak lagi masalah yang hendak saya bincangkan, tetapi oleh kerana masa tidak mengizinkan, oleh itu saya harap dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana saya memetik ucapan itu yang berbunyi, "berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, bukit sama didaki, lurah sama dituruni". Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini sama-sama menyokong cadangan Yang Berhormat Puan Rahmah di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Hashim.

5.51 ptg.

Tuan Ismail bin Hashim: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kerana saya diberi peluang bagi yang ketiga akhir dalam Dewan yang mulia ini untuk menyokong dengan sepenuhnya atas cadangan yang telah dikemukakan oleh Senator Puan Rahmah untuk menyampaikan penghargaan dan terima kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 17-3-80.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa terhad, jadi saya terus masuk di dalam perbahasan Titah Ucapan Baginda di sini di dalam beberapa perkara yang tertentu untuk perhatian Kerajaan kita dan juga untuk perhatian rakan-rakan kita yang telah diberi peluang untuk bersama membahaskan dalam segala masalah di dalam Dewan yang mulai ini.

Saya percaya dalam masalah Dasar Ekonomi Baru walaupun ada setengah-setengah daripada kawan-kawan kita menyuarakan minta Kerajaan bersifat adil untuk memuaskan hati segala rakyat di dalam negara kita ini, rasa saya perkara ini sangat-sangat tidak sihat disuarakan oleh setengah-setengah rakan-rakan kita di dalam Dewan yang mulia ini. Segala rancangan yang tertentu yang telah diwujudkan oleh Kerajaan kita adalah dengan persefahaman daripada rakan-rakan kita di dalam parti componen Barisan Nasional yang telah mewujudkan Kerajaan kita pada hari ini. Tetapi setengah-setengah takrif ataupun ingatan-ingatan yang disuarakan oleh rakan-rakan kita ini sangatlah tidak menyenangkan bahkan mereka ini sepatutnya memberikan galakan yang bersungguh-sungguh supaya orang Melayu kita dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi di dalam negara kita yang kita cintai.

Saya percaya bahawa pucuk pimpinan kita telah mempersetujui apa yang telah diutarakan oleh rakan-rakan kita semua. Kalau masalah timbul dari masa ke semasa

tidak wajar bagi pemimpin-pemimpin untuk menghiris hati kita semua di dalam masalah kepentingan bumiputra di dalam negara kita sendiri. Bumiputra ataupun khususnya orang Melayu terutamanya di dalam negara kita ini telah dijajah beberapa abad yang lalu. Oleh sebab dijajah itu lah maka kemerosotan kedudukan ekonomi orang Melayu dalam segala segi, dalam segala aspek yang dapat kita saksikan pada hari ini, kita tidak dapat nafikan bahkan di mana-mana sahaja tidak ada negara yang berbuat demikian hatta jiran tetangga kita sebagaimana kedudukan orang Melayu di dalam negaranya itu sendiri. Rasa saya sudah sewajar bagi pihak rakan-rakan kita memberikan pandangan yang tulus ikhlas serta memberikan bantuan bagaimana Kerajaan hendak membantu orang bumiputra ini supaya menseimbangkan kedudukannya dengan rakan-rakan kita yang ada di dalam negara kita ini. Tetapi malang sekali apa yang telah kita dengar sama ada di dalam Dewan Rakyat, sama ada dalam Dewan Negeri, sama ada dalam Dewan yang mulai ini bukan sahaja pihak parti Pembangkang menyuarakan tetapi gejala-gejala itu juga diresapi oleh setengah-setengah rakan-rakan kita untuk menyuarakan keadilan supaya Kerajaan bersifat adil memberikan kepuasan hati dalam segala kepentingan rakyat di seluruh negara.

Dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru yang telah diwujudkan dalam tahun 1970 yang lalu dan akan habis tempohnya pada tahun 1990, hanya 3½% sahaja kepada orang Melayu yang telah menyambut Dasar Ekonomi Baru yang telah diwujudkan oleh Kerajaan. Selain daripada itu ialah dari agensi-agensi Kerajaan. Jadi saya berhadap supaya perkara-perkara ini tidak disuarakan dengan sebegitu kali supaya menyiratkan hati kita semua bahkan Kerajaan sentiasa menitikberatkan bukan sahaja untuk kepentingan orang Melayu bahkan seluruh rakyat dalam negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah perumahan sebagaimana yang telah disuarakan oleh rakan-rakan kita sama ada di Dewan Rakyat dan Dewan Negara ini, saya suka menyampaikan beberapa perkara untuk diambil perhatian oleh Kementerian yang berkenaan ataupun Kerajaan kita. Sehingga pada hari ini Kerajaan kita belum lagi membuat satu dasar perumahan negara yang boleh dijadikan asas untuk melaksanakan pembangunan perumahan yang boleh menentukan bahawa semua rakyat baik miskin atau yang berpendapatan rendah mempunyai peluang dapat menduduki rumah di dalam negara kita ini.

Sungguhpun Rancangan Malaysia Ketiga ada peruntukan yang besar dari sektor perumahan tetapi tanpa dasar yang konkrit peruntukan yang dikhaskan bagi sektor awam iaitu yang akan dibelanjakan menerusi Kerajaan Negeri untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah menempuh kegagalan yang besar. Ini telah diperakui sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan dan juga Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Prestasi sektor awam dalam menyediakan rancangan perumahan awam adalah sangat rendah dan sungguhpun di dalam Rancangan Malaysia Ketiga Kerajaan hanya bercadang untuk melaksanakan 30% sahaja. Jadi bilangan rumah yang ditargetkan 70% akan didirikan oleh pihak swasta namun di pihak Kerajaan 11% sahaja yang telah dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang dikira sudah berakhir dan tidak lama lagi kita akan masuk Rancangan Malaysia Keempat pula.

Pencapaian oleh pihak swasta amat menakjubkan. Swasta telah melaksanakan lebih daripada 70%. Namun demikian 70% rakyat Malaysia masih tidak mempunyai rumah, kerana perumahan swasta ialah untuk 15% atau 20% rakyat yang ada di dalam golongan atasan yang mempunyai kemampuan bukan sahaja untuk membeli sebuah rumah tetapi tiga atau empat buah rumah. Bahkan ada di antara yang mempunyai 10 atau 15 buah rumah. Harga rumah melambung tinggi dengan tidak ada kawalan. Tetapi masih juga lagi rumah-rumah itu dapat dijual dengan senang kerana orang yang sama juga iaitu orang yang berpendapatan tinggi membeli rumah-rumah itu. Di dalam keadaan yang demikian bilakah dapat 70% rakyat negeri ini menikmati kemakmuran negara yang mempunyai rumah masing-masing? Housing shortage yang berlaku sekarang ini adalah artificial. Sebenarnya tidak ada housing shortage kerana rancangan perumahan swasta tumbuh seperti cendawan di merata-rata tempat tetapi rumah-rumah ini adalah rumah harga tinggi, pembelinya juga terhad kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi yang membelinya dengan harapan untuk menjualkannya dengan harga yang lebih mahal. Dalam keadaan sekarang saya tidak nampak

bagaimana orang-orang yang berpendapatan rendah akan dapat peluang membeli rumah-rumah yang didirikan oleh pihak swasta.

Cadangan saya, Tuan Yang di-Pertua, ialah supaya Kerajaan membuat satu dasar perumahan negara yang boleh dijadikan asas yang dapat menentukan bahawa tiap-tiap ketua keluarga mempunyai sebuah rumah yang dapat benar-benar dibanggakan oleh seluruh anggota keluarga. Jika kita harapkan pihak swasta untuk mendirikan rumah-rumah kos rendah maka sampai bila pun tidak akan timbul keadaan orang-orang yang berpendapatan rendah dapat semuanya mempunyai rumah dan amatlah tidak adil memaksa pihak swasta mendirikan rumah-rumah kos rendah menerusi syarat-syarat tertentu kerana hal ini akan mengganggu perjalanan perniagaan. Perkara ini bolehlah dielakkan menerusi pengambilan bahagian yang aktif oleh Kerajaan sesudah ada dasar perumahan yang konkrit.

Saya suka mencadangkan supaya:

(1) di dalam Rancangan Malaysia Keempat yang sedang dirancang sekarang ini Kerajaan diberi peranan mendirikan 70% daripada rumah-rumah yang ditargetkan dan swasta hanya dibenarkan mendirikan 30% sahaja.

(2) pihak swasta dibenarkan mendirikan jenis rumah dengan harga yang dikehendakinya sendiri.

(3) pihak Kerajaan menubuhkan sebuah Housing Board untuk mengambil bahagian di dalam mengadakan perumahan sebagai developer dan tiap-tiap Kerajaan Negeri diwakili di dalam Housing Board.

Tugas Housing Board ini ialah mendirikan rumah-rumah kos rendah menerusi satu tabung yang besar dan Kerajaan hendaklah sedia menghabiskan wang dalam bentuk subsidi yang besar sekiranya tiap-tiap unit rumah kos rendah berharga $25,000 termasuk kos infrastruktur dan sekiranya infrastruktur tadi menelan belanja $10,000 maka pembeli dari kalangan berpendapatan rendah hanya akan membayar $15,000 sahaja. Inilah saya harap supaya Kerajaan kita dapat mempastikan supaya orang-orang yang berpendapatan rendah ini akan memiliki rumah di dalam negaranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masalah Kerajaan Tempatan yang ada sekarang ini Kerajaan kita ataupun Kementerian yang berkenaan telah hampir selesai menyusun semula Penguasa-penguasa Kerajaan Tempatan di negara ini. Usaha ini setahu saya dijalankan sejak tiga tahun yang lalu. Dan bagi Penguasa-penguasa Tempatan yang telah disusun sejak tiga tahun yang lepas saya tidak nampak perubahan-perubahan yang berlaku baik dari segi perkhidmatan kepada orang ramai mahupun dari segi pembangunan. Jika ada sedikit sebanyak pembangunan, Tuan Yang di-Pertua, hanyalah bagi perkara-perkara kecil yang tidak banyak memberi perubahan atau tidak banyak memberi faedah kepada orang ramai.

Oleh kerana Penguasa-penguasa Tempatan menguasai pentadbiran bandar-bandar baik bandar besar ataupun bandar kecil yang semakin hari semakin bertambah penduduknya dan perkhidmatan yang diperlukan untuk kehidupan sehari-hari adalah banyak, maka bukan sahaja Penguasa Tempatan terpaksa menambah kebolehannya memberi perkhidmatan yang ada tetapi yang perlu ialah perkhidmatan yang mesti mempunyai kualiti atau standard yang boleh kita banggakan, seimbang dengan taraf hidup yang sedang kita nikmati sekarang. Memberi kuasa otonomi kepada semua Penguasa-penguasa Tempatan tidak membawa banyak makna kerana Penguasa-penguasa Tempatan tidak akan dapat mengenakan cukai-cukai yang membolehkan mereka berdiri teguh di atas kakinya sendiri, dan menerusi kumpulan kewangannya sendiri memberi perkhidmatan yang memuaskan di samping melaksanakan projek-projek pembangunan mengikut keupayaan masing-masing.

Bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, penyusunan semula Penguasa-penguasa Tempatan di negara ini adalah satu kegagalan kerana saya tidak yakin menerusi penyusunan semula yang dilaksanakan sekarang ini perubahan-perubahan akan kita dapat lihat.

Saya syorkan supaya dikaji semula dasar Kerajaan terhadap Kerajaan Tempatan. Saya syorkan juga supaya semua Kerajaan Tempatan dibubarkan dan Kerajaan membentuk Jabatan-jabatan Kerajaan Tempatan untuk mengambil alih pentadbiran Penguasa-penguasa Tempatan dari Majlis-majlis yang ada sekarang ini.

Semua Penguasa-penguasa Tempatan ditadbirkan seperti Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain juga. Kerajaan-kerajaan Tempatan boleh terus berada di bawah Kerajaan Negeri

sebagaimana dikehendaki di dalam Perlembagaan tetapi Jabatan-jabatan Kerajaan negerilah yang mentadbirkan Penguasa-penguasa Tempatan itu dan tidak lagi diletakkan di bawah Majlis-majlis seperti yang dilaksanakan sekarang.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sila ringkaskan. Ini sudah 16 minit.

Tuan Ismail bin Hashim: Ada satu dua perkara sahaja lagi.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ismail bin Hashim: Undang-undang Kerajaan Tempatan perlu diubah untuk disuaikan dengan keadaan yang saya cadangkan itu. Hanya dengan cara itu sahaja dapat pentadbiran Kerajaan Tempatan diubahsuaikan mengikut kehendak Kerajaan dan mengikut hasrat rakyat atau mengikut peredaran masa dan zaman.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih sedikit sahaja dalam masalah kakitangan Kerajaan. Dalam masalah kakitangan Kerajaan saya dapat tahu bahawa terdapat perasaan tidak puas hati yang amat luas pada masa ini. Ini ialah disebabkan peluang naik pangkat bagi pegawai-pegawai pentadbir, pegawai-pegawai professional seperti Perancang Bandar dan Desa sangat terhad. Peraturan seseorang pegawai memangku jawatan superscale tidak menolong menguatkan semangat pegawai untuk bekerja dengan tekun atau dengan ikhlas. Kes-kes terdapat di mana seseorang pegawai mungkin sesuatu jawatan naik pangkat selama empat atau lima tahun tetapi tidak mengetahui kedudukannya. Ini mungkin sekian lama dan tidak disahkan dalam jawatannya, tidak pula dia diberitahu bilakah dia dapat disahkan di dalam jawatannya

Ini telah melemahkan semangat pegawai-pegawai tersebut untuk bekerja dengan perasaan yang dinamis dan timbul perasaan frust. Inilah yang menyebabkan pegawai-pegawai yang baik dan berpengalaman meninggalkan perkhidmatan untuk bekerja dengan sektor swasta. Pegawai-pegawai mahir dan berkebolehan tidak boleh dibiarkan frust, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua. Dan dalam keadaan negara sedang menjalankan berbagai pembangunan kita, kita tidak boleh hilang pegawai-pegawai mahir kerana keadaan perkhidmatan yang tidak teratur. Saya menyeru supaya Kerajaan menubuhkan satu badan khas untuk menyiasat perkara ini dan menyelesaikannya seberapa segera yang boleh. Inilah menimbulkan sebagaimana yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu $14,479,000,000 belum lagi dibelanjakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, satu daripada faktornya ialah kekurangan pegawai-pegawai.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan-pandangan yang ikhlas dari saya untuk mengambil peranan dalam perbahasan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong agar mendapat perhatian dari pihak yang tertentu. Dengan ini saya dengan sepenuhnya menyokong atas cadangan Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman dalam mengucapkan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Senator S. Subramaniam.

6.12 ptg.

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong usul Ucapan Titah dan Menjunjung Kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam pembukaan Dewan Negara dan Dewan Rakyat, Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Titah Ucapan Baginda telah menyentuh mengenai pembukaan tanah oleh Kerajaan untuk menempatkan penduduk-penduduk di kawasan-kawasan baru. Pembukaan tanah secara besar-besaran adalah penting untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak mempunyai tanah dari golongan pendapatan rendah untuk meninggikan pendapatan yang menasabah. Dalam hal ini, keadaan yang wujud tidaklah memuaskan. Ada pemohon-pemohon yang telah dipilih untuk ditempatkan atau menjadi peneroka di Rancangan FELDA semenjak tahun 1974 tetapi masih menunggu untuk ditempatkan di salah satu rancangan. Mereka yang dipilih pada tahun 1974 telah membuat permohonan sekurang-kurangnya dua tahun sebelum dipilih, ada mereka yang telah membuat permohonan lebih dari 2 tahun dan menunggu untuk temuduga. Jadi seseorang pemohon

yang berjaya telmah menunggu selama lapan tahun atau lebih. Apabila mereka membuat pertanyaan, bila mereka akan dtempatkan, pihak FELDA memberi jawapan bahawa mereka hendaklah menunggu sehingga ada terdapat kekosongan. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan akan menimbulkan perasaan ketidakpuasan di kalangan pemohon-pemohon yang berjaya dan menunggu 8 tahun atau lebih. Masalah ini menjadi lebih rumit lagi dengan jawapan FELDA bahawa pemohon yang berjaya hendaklah menunggu hingga rancangan FELDA dibuka di negeri masing-masing yang dipilih. Adakah dasar ini patut dan adil kepada mereka yang telah dipilih dan menunggu selama lapan tahun. Jika seseorang yang dipilih adalah dari Negeri Selangor ataupun mana satu negeri di mana tanah yang boleh dimajukan oleh FELDA adalah sangat kurang, ataupun tidak ada rancangan untuk membuka rancangan FELDA di negeri itu, apakah nasib yang akan dialami oleh pemohon-pemohon yang sedang menunggu bertahun-tahun ini untuk menjadi peneroka FELDA.

Lagi satu masalah yang dihadapi oleh pemohon-pemohon ini ialah selepas mereka mencapai umur 45 tahun, mereka tidak layak untuk masuk rancangan FELDA walaupun mereka dipilih. Kerajaan hendaklah dengan segera mengkaji masalah ini dan mengambil tindakan-tindakan yang berkesan sewajarnya supaya keadaan ini tidak berterusan lagi. Pembukaan tanah secara besar-besaran hendaklah dijalankan serta memberi peluang kepada mereka yang telah lama menunggu dan bukan atas asal negeri mereka yang dipilih.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh mengenai perumahan. Keadaan perumahan di negara ini khasnya rumah-rumah kos rendah adalah menjadi salah satu masalah yang terpenting. Jumlah bilangan rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan dan sektor swasta adalah paling kurang dari jumlah bilangan yang hendak membeli rumah (atau demand untuk rumah kos rendah). Sebagai contoh dalam Wilayah Persekutuan seperti yang disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Abdul Razak bilangan setinggan makin lama makin bertambah tetapi pembinaan rumah kos rendah/rumah pangsa adalah terlalu kurang dan oleh sebab itu beribu-ribu orang berpendapatan rendah menunggu untuk ditempatkan di rumah pangsa atau di rumah kos rendah. Kita sentiasa mendengar bahawa kewangan untuk perumahan kos rendah bukanlah menjadi masalah dan Kerajaan telah sediakan jumlah wang yang diperlukan. Tetapi kadar pembinaan dan jumlah yang dirancang tidaklah memuaskan. Selain dari itu, bagaimanakah pihak sektor swasta dapat memajukan kawasan perumahan lebih cepat dari pihak Kerajaan tidak dapat difahamkan. Apakah kelemahan-kelemahan yang menimbulkan keadaan ini? Saya berharap Majlis Perunding Kebangsaan mengenai Perumahan yang telah ditubuhkan akan mengkaji masalah-masalah ini dan mencari jalan-jalan untuk mengatasi masalah ini dengan segera.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa sekarang, rumah kos rendah adalah rumah yang berharga kurang dari $20,000. Saya fikir masanya sudah sampai untuk mengkaji semula harga ini. Rumah-rumah yang berharga $25,000, atau rumah-rumah yang berharga lebih dari ini. Rumah-rumah yang berharga $25,000, $20,000 iaitu $21,000 atau lebih tidak menjadi rumah kos rendah mengikut definasi sekarang. Mereka yang membeli rumah harga yang lebih dari $20,000 hanya membuat sedemikian oleh sebab tidak berjaya membeli rumah kurang dari $20,000. Tetapi mereka adalah dari golongan pendapatan rendah. Akibatnya mereka ini bukan sahaja gagal membeli rumah kos rendah malahan pula tidak dapat mengambil peluang meminjam wang dari Kerajaan dengan kadar bunga yang kurang iaitu 5½%, sungguhpun mereka dari golongan pendapatan rendah. Saya berharap harga yang ditetapkan bagi rumah kos rendah sekarang dikaji semula dan dinaikkan ke satu harga yang realistik. Ini bukan bererti atau bertujuan jika rumah-rumah boleh dibina di bawah harga $20,000 jangan dibina, maksud saya ialah jika ada rumah-rumah yang dibina lebih dari $20,000 jika rumah-rumah ini didefine sebagai rumah kos rendah, maka orang-orang yang membeli khasnya mereka dari golongan yang berpendapatan rendah boleh membeli dan boleh mengambil peluang meminjam wang untuk membeli rumah itu dengan kadar bunga yang kurang. Harga dalam lingkungan $30,000 adalah dicadangkan sebagai harga yang lebih realistik bagi harga rumah kos rendah. Ini

jika dibuat bukan sahaja akan menggalakkan pihak sektor swasta memajukan lebih rumah lagi tetapi akan juga menolong mereka dari golongan berpendapatan rendah meminjam wang dari Kerajaan dengan kadar bunga yang rendah.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah baru-baru ini menjelaskan dasar-dasar tindakan yang diambilnya berhubung dengan masalah Imigeresen isteri-isteri asing kepada warganegara Malaysia.

Kementerian telah menjelaskan bahawa pemberian Taraf Penduduk Tetap adalah tertakluk kepada Akta Imigeresen 1959/63 dan Peraturan Imigeresen 1963, dan selanjutnya bahawa Taraf Penduduk Tetap boleh diperolehi dengan memohon Permit Masuk yang hanya boleh dikeluarkan kepada mereka yang dikecuali daripada Perintah Imigeresen (Larangan Masuk) LN 227/1963. Di antara mereka yang layak memohon ialah para isteri warganegara yang tidak pernah tinggal berasingan dengan suami mereka pada bila satu masa dalam tempoh lima tahun berterusan.

Pihak Kementerian dalam kenyataan yang dikeluarkan, telah membuat kesimpulan bahawa berdasarkan kepada kenyataan di atas, permohonan mendapatkan Permit Masuk bagi seseorang isteri asing boleh dipertimbangkan, ia perlu membuktikan telah tinggal bersama suaminya di luar negeri berterusan selama lima tahun.

Penjelasan yang sebenarnya, bermakna bahawa Warganegara Malaysia, yang telah berkahwin dengan orang asing mesti tinggal bersama isterinya di luar negeri berterusan selama lima tahun, dan membuktikan bahawa syarat ini telah dilaksanakan, supaya isterinya berkelayakan untuk memohon Permit Masuk, dan dengan itu masuk ke Malaysia menjadi penduduk tetap. Apakah akibatnya kepada seorang warganegara Malaysia yang berkahwin kepada isteri asing? Warganegara Malaysia terpaksa tinggal berjauhan dari negaranya sendiri, selama lima tahun supaya isterinya berkelayakan untuk tin gal bersamanya di Malaysia selepas itu. Ini adalah suatu kedudukan yang tidak boleh difahami, oleh sebab seorang warganegara Malaysia yang telah berkahwin dengan isteri dari negara asing hendak keluar dari negaranya sendiri selama 5 tahun untuk memperolehi kelavakan untuk membuat permohonan bagi Permit Masuk untuk isterinya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menjelaskan bahawa bukanlah maksud saya menghendaki Kerajaan kita menggalakkan Warganegara Malaysia berkahwin dengan isteri asing. Sebenarnya trend masa sekarang ialah sebaliknya, iaitu makin lama makin kurang Warganegara Malaysia berkahwin dengan isteri asing. Tetapi sebilangan kecil (negligible) berkahwin dengan isteri asing oleh kerana beberapa sebab seperti pelajar-pelajar yang belajar di luar negeri atau mereka yang bekerja di luar negeri atau sebab-sebab persendirian (personal) dan mungkin ini akan berterusan.

Mengikut Perlembagaan Malaysia, isteri seorang warganegara Malaysia berhak untuk mendapat Sijil Kerakyatan Malaysia apabila isteri itu membuat permohonan selepas bermastautin di Negara kita selama dua tahun. Mengikut perintah Imigeresen (Larangan Masuk) 1963, isteri seorang warganegara Malaysia adalah seorang pendatang yang bukan dilarang (non-prohibited immigrant) dan layak untuk mendapat Permit Masuk jika ia tidak pernah tinggal berasingan dengan suaminya pada bila satu masa dalam tempoh lima tahun berterusan. Sebenarnya inilah perintah yang diikuti oleh Pejabat Imigeresen hingga awal tahun 1979 dan tidak ada masalah yang dihadapi oleh isteri asing warganegara Malaysia. Tetapi dengan tidak ada apa jua penjelasan, dari awal tahun 1979, isteri asing warganegara Malaysia menghadapi masalah yang rumit untuk tinggal dengan suami. Hanya pada 6hb Februari, 1980 satu pengumuman telah dibuat mengenai perkara ini. Apakah yang berlaku dalam tempoh masa ini iaitu dari awal tahun 1979 hingga 6hb Februari, 1980? Mengapa dengan tidak ada apa pun pengumuman, amalan yang diikuti oleh pejabat Imigeresen ditamat atau tidak diikuti mengakibatkan masalah yang rumit kepada isteri asing warganegara Malaysia. Dalam pengumuman yang dibuat oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada 6hb Februari 1980, dasarnya mengenai isteri asing tidak sama dengan dasar yang telah diamalkan hingga masa itu. Bagaimanakah ini dapat dibuat tanpa apa-apa pindaan kepada Undang-undang Imigeresen, Ordinan ataupun Perintah mengenainya. Saya berharap Kerajaan akan mengambil sikap yang serius terhadap apa yang telah berlaku dalam perkara ini dan mengambil langkah-langkah yang sesuai supaya ianya tidak berlaku semula.

Selain dari itu, pengumuman telah dibuat selepas pengumuman dibuat oleh Kementerian yang berkenaan pada 6hb Februari 1980, bahawa isteri-isteri asing yang telah berkahwin sebelum 6hb Februari 1980, boleh diizin tinggal di negara ini dengan Pas Lawatan berdasarkan tempoh setahun ke setahun selama lima tahun. Tetapi selepas sebulan dari tarikh pengumuman itu, pegawai-pegawai di Pejabat-pejabat Imigeresen menjawab kepada mereka-mereka yang datang membuat urusan bahawa mereka tidak mengetahui mengenai perkara ini dan belum menerima arahan seperti tersebut. Saya ada bukti-bukti atas kes-kes ini yang telah dibawa kepada saya. Mengapa ini berlaku? Adakah arahan tidak sampai ke Pejabat-pejabat Imigeresen atau keputusan yang diumumkan oleh Kementerian berkenaan tidak diikuti? Saya berharap pihak Kerajaan dan Menteri yang berkenaan menyiasat perkara ini sedalam-dalamnya supaya perkara-perkara seperti ini khasnya seperti diumumkan kepada rakyat oleh Kementerian berkenaan tidak berlaku lagi. Selepas pengumuman tersebut pun, Pejabat Imigeresen masih menggunakan "Letter of Undertaking" yang telah digunakan sebelum pengumuman itu dibuat. Begitu juga "Letter of Undertaking" itu tidaklah sesuai dan tidak selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Kementerian berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengemukakan keadaan yang tidak . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila ringkaskan!

Tuan S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh dua perkara lagi dengan ringkas.

Pertama, mengenai pengambilan calon untuk mengikuti latihan perguruan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Saya sendiri mengenali banyak pemohon-pemohon yang memperolehi kelayakan serta keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan SPM dan juga ada aptitude untuk menjadi guru ataupun profession ini tetapi banyak di antara mereka yang mempunyai kelayakan dan juga banyak dari antara mereka yang menjadi guru-guru sementara (temporary teacher) walaupun dijanji oleh Kementerian berkenaan bahawa guru-guru sementara akan diberi special consideration tetapi di dalam exercise pengambilan calon-calon untuk mengikuti latihan perguruan ramai di antara mereka ini tidak mendapat peluang.

Sebagai contoh, saya kenali seorang pemohon yang memiliki SPM Gred Satu dengan dua distinction dalam matapelajaran Ilmu Hisab dan Bahasa Inggeris dan kepujian baik dalam tujuh matapelajaran yang lain termasuk Bahasa Malaysia. Pemohon ini juga mendapat Gred Satu dalam Kertas Am dalam peperiksaan STP (HSC), tetapi pemohon ini tidak pun dipanggil pada tahun 1978 untuk temuduga tetapi telah dipanggil dalam tahun 1979 dan masih menunggu keputusan. Saya harap "weightage" mestilah diberi kepada pemohon-pemohon yang menjadi guru sementara yang mempunyai kelayakan-kelayakan yang sesuai, yang mempunyai aptitude untuk profession guru.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya suka meneruskan tetapi oleh sebab masa tidak cukup, saya mengucapkan lagi sekali terima kasih atas peluang yang diberi kepada saya dan saya menyokong lagi sekali usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Puan Rahmah Othman atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim.

6.30 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya sukalah menyentuhkan berkenaan dengan perubahan sikap rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, memang tidak dapat dinafikan yang perubahan sikap rakyat adalah asas yang sangat penting bagi menjamin sebarang kejayaan dalam mengatasi sebarang masalah sama ada masalah inflasi, keselamatan ataupun sosial. Perubahan sikap adalah perkara asas bagi mencapai kemajuan ekonomi dan sosial. Usaha-usaha telah banyak dijalankan oleh pihak Kerajaan bertujuan mengubah sikap rakyat agar sesuai dengan pembangunan sosial dan ekonomi yang sedang pesat berlaku di negara kita.

Kempen Revolusi Mental yang telah kita jalankan satu masa dahulu walaupun telah meninggalkan kesan yang banyak namun usaha-usaha seumpama itu harus ditingkatkan lagi terutama di kalangan kaum bumiputra. Perkembangan ekonomi yang pesat tanpa disusuli dengan perubahan sikap dan pemikiran yang sesuai tidak syak lagi akan membawa kepada keadaan tidak seimbang yang boleh mendatangkan kesan pimpinan yang merugikan dan mungkin juga menggagalkan matlamat pembangunan ekonomi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, keduanya saya sukalah menyentuh berkenaan dengan disiplin. Menyentuh tentang disiplin adalah mustahak setiap warganegara mempunyai taraf disiplin yang tinggi terutama bagi pegawai-pegawai Kerajaan yang seharusnya menjadi pendokong segala dasar-dasar dan strategi-strategi Kerajaan. Satu angkatan pegawai-pegawai yang berdisiplin bukan sahaja dapat menjamin kecapaian matlamat dasar kerajaan tetapi juga dapat menjadi penasihat yang baik kepada Kerajaan. Masyarakat tidak akan berdisiplin sekiranya seluruh pentadbiran Kerajaan dan pentadbiran negara tidak didisiplinkan. Untuk mempastikan disiplin wujud dalam pentadbiran Jabatan dan Badan-badan Kerajaan, penghargaan yang secukupnya harus diberi kepada pegawai-pegawai yang mengamalkan sifat-sifat ini. Petua disiplin harus menjadi pertimbangan utama dalam kenaikan pangkat di semua peringkat. Pegawai-pegawai muda harus diorientasikan secukupnya sebelum mereka diberi tanggungjawab dalam pen-pentadbiran Badan-badan berkenaan atau Kementerian-kementerian. INTAN adalah tempat menghidupkan sifat-sifat disiplin dan didikasi bagi pegawai-pegawai muda. Sesungguhnya pentadbiran yang tidak berdisiplin adalah satu pentadbiran yang bukan pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit berkenaan dengan dakwah. Dakwah adalah bermusim di negara ini sekarang. Dalam musim yang sungguh menjadi ini banyaklah badan-badan dakwah muncul untuk menjalankan kegiatan dakwah Islamiah di samping itu badan-badan yang bukan dakwah juga turut melibatkan diri dalam kegiatan dakwah. Akibat dari perkembangan ini ketiadaan keseragaman telah berlaku dan kini telah timbul polemic dan perselisihan pendapat mengenai apa yang didakwahkan dan bagaimana didakwahkan.

Sungguhpun perselisihan antara umat Islam akan membawa rahmat kepada seluruh alam, namun setiap perselisihan itu akan juga membawa bencana. Adalah menjadi satu peraturan atau undang-undang berdakwah ditentukan supaya orang-orang Islam yang kebetulan orang-orang Melayu tidak berpecah belah kerana dakwah atau hakikat berdakwah sehingga meninggalkan seluruh perjuangan mereka untuk mengisi kemerdekaan yang telah mereka perjuangkan. Yang lebih menyedihkan sebahagian kegiatan dakwah telah membawa orang-orang kita keluar dari perjuangan keduniaan dan jika ini berlaku maka segala usaha Kerajaan untuk melibatkan sebanyak mungkin kaum bumiputra dalam kegiatan ekonomi moden negara ini sudah tentu akan menemui kegagalan. Dakwah tidak harus dijadikan satu pelarian daripada kenyataan bahkan dakwah harus dijadikan sebagai bahan pemodal dalam kita menghadapi cabaran-cabaran dunia moden. Apa yang lebih ditakuti mungkin ada pihak tertentu yang menggunakan badan-badan dakwah bagi melemahkan dan mematahkan semangat kaum bumiputra dalam usaha melibatkan diri mereka dalam sektor ekonomi yang kian cepat meninggalkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh sedikit dalam Kementerian Pertanian. Kemajuan-kemajuan dalam teknologi pengeluaran di bidang pertanian dan juga perusahaan telah meningkatkan pengeluaran dari segi kualiti dan kuantiti. Dalam proses ini rakyat yang bersedia untuk penglibatan dalam proses pengeluaran moden dari segi modal, tenaga mahir dan pengurusan sudah tentu akan dapat menggendol sebahagian besar dari hasil keluaran dan kekayaan negara. Namun demikian tidak kurang pula terutama bumiputra yang telah ditinggalkan oleh teknologi dan proses pengeluaran moden dan tidak mungkin sama sekali bagi mereka mendapatkan tempat dalam proses mengeksploitasi kekayaan negara secara moden Mereka hanya mampu menjadi pemerhati-pemerhati kemajuan yang merasa diri mereka hari demi hari semakin kecil dibandingkan dengan keadaan kemajuan di sekeliling mereka. Apa yang ditakutkan perasaan kecil hati ini boleh mencetuskan rakyat tidak puas hati, rasa cemburu dan sebagainya yang senang sahaja dieksploitasikan oleh golongan-golongan tertentu bagi mencapai tujuan-tujuan jahat mereka. Oleh yang demikian

usaha-usaha yang bersungguh-sungguh dari pihak Kerajaan dan pemerintah adalah dikehendaki agar petani-petani kita tidak terperangkap dalam proses perkembangan teknologi. Petani-petani sendiri harus diperlengkapkan diri dari segi modal. pengetahuan teknik dan pemikiran bagi menerima, menjalankan dan mengekalkan sebarang kemajuan dalam teknologi pengeluaran pertanian atau sebaliknya semoga kita tidak menjual mata pencarian untuk teknologi.

Tuan Yang di-Pertua, bila bercakap dalam bahagian pertanian ini sukalah saya melangsungkan sedikit berkenaan dengan beberapa perkara kerana negeri Perlis pada masa sekarang ini termasuk di kawasan Perairan MUDA iaitu di sebelah selatan. Di Mesyuarat Agong UMNO Perlis Selatan banyak perkara-perkara telah dibangkitkan seperti masalah baja, masalah subsidi dan beberapa perkara lagi. Jadi saya sentuh di sini berkenaan dengan bantuan baja atau pemberian baja. Baja ini apa yang saya harapkan kepada Kerajaan yang mana kita tahu baja-baja yang diberikan itu yang mana taukeh-taukeh yang mengeluarkan baja ini selalu memberikan baja-baja tiruan iaitu baja-baja yang tidak sesuai yakni bukan daripada baja-baja yang boleh dikatakan bermutu tinggi tetapi mutunya rendah. Maka dengan keadaan begitu selalu mendapat rungutan daripada petani-petani baja-baja ini dan baja-baja ini juga sehingga pada satu masa pihak yang memberikan di tempat mengeluarkan baja ini telah mencampurkan baja-baja ini dengan pasir. Jadi dengan keadaan begini tersangat merugikan kepada pak-pak tani, maka saya berharap kepada pihak Kementerian ini akan dapat mengawasi dalam masalah ini, moga-moga tidak akan berlaku lagi perkara yang telah berlaku baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu di dalam perkara berbangkit yang saya sebutkan tadi dalam mesyuarat ini iaitu berkenaan dengan Lembaga Padi dan Beras Negara. Berkenaan Lembaga Padi dan Beras Negara ini saya hendak menyentuh mengenai potongan buah-buah padi, potongan padi ini adalah sangat berat sekali yang mana boleh dikatakan pak-pak tani menakala menghantarkan padi itu kerana sekarang padi dua musim maka mereka tidak dapat lari daripada satu musim iaitu musim hujan. Jadi dengan kerana ini padi itu selalu basah, dengan kebasahan ini maka inilah yang merugikan sekali pak tani manakala dihantarkan ke LPN, potongannya terlampau tinggi. Dengan potongan yang tinggi ini timbul rasa tidak puashati di kalangan pak tani. Apabila padi itu dikeluarkan dan dibawa pergi ke kilang swasta ia akan lebih merugikan lagi kepada pak tani maka dengan kerana itu kita berharap kepada pihak Lembaga Padi dan Beras Negara ini akan dapat mengawasi perkara ini.

Yang keduanya, berkenaan dengan kilang-kilang LPN juga yang ada di negeri Perlis. Saya percaya kilang-kilang ini tidak mencukupi lagi, kita harap kepada pihak Kerajaan akan menambahkan lagi kilang ini dan yang mana kita tahu iaitu kilang yang biasa saya sebutkan dalam Dewan ini ialah kilang Kerajaan di Arau. Kilang Kerajaan di Arau inipun kita berasa hairan juga kerana kilang ini sudah lama dihentikan dan tidak berjalan tetapi orang-orang yang bekerja di situ masih bekerja walaupun sudah beberapa tahun iaitu lebih kurang 4-5 tahun tinggal begitu sahaja. Kalau sekiranya kilang ini tidak digunakan oleh Kerajaan maka kawasan-kawasan itu masih luas, jika tidak digunakan ubahkan sahaja kilang itu dan bolehlah tempat-tempat itu digunakan bagi pembangunan-pembangunan yang lain tidak dibiarkan tanah Kerajaan begitu sahaja dan menjadi kerugian khasnya kepada negeri Perlis yang masih kekurangan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit berkenaan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Mengenai Kementerian ini terutama sekali saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang mana telah banyak Yang Amat Berhormat ini keluar negeri dan telah membawa masuk ke negara kita ini pelabur-pelabur asing daripada negara luar ke negara kita. Tetapi di dalam hal ini saya suka menyentuh sedikit disebabkan kita berharap pemberian atau penghantaran pelabur-pelabur asing ini patutlah diselaraskan dan diperhatikan kepada negeri-negeri yang mundur yang harus dapat diberi kerana di negeri Perlis, kilang-kilang atau pelabur-pelabur asing ini tentu jauh sekali kalau hendak pergi ke sana. Tetapi walau macam manapun, dengan kebijaksanaan daripada Yang Amat Berhormat sebagai Menteri

Perdagangan dan Perindustrian ini dapat juga menghantarkan pelabur-pelabur ini ke negeri Perlis. Saya sebutkan perkara ini kerana perkara ini menimbulkan rungutan rakyat.

Di dalam titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Tuanku Raja Perlis di dalam dua kali ucapannya saya perhatikan satu dalam pembukaan di klinik di Arau dan sekali lagi Tuanku bertitah di dalam Malam Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu Perlis yang mana Baginda berasa dukacita juga kerana Perlis ketinggalan dalam masalah pendirian kilang-kilang ini atau pelabur-pelabur asing datang melabur ke negeri Perlis. Jadi dengan rungutan ini saya percaya tentulah Tuanku juga berasa keciwa di dalam hal ini kerana Tuanku membawa perbandingan ini kepada negeri-negeri seumpama negeri Kedah, negeri Kelantan yang mana kilang-kilang ini dapat didirikan. Di dalam rungutan ini juga tentulah menjadi satu keadaan yang kurang menyenangkan terutama sekali kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga kepada Kerajaan Negeri kerana bila rungutan itu berlaku tentulah benda itu ada rakyat yang mengatakan perkara ini tidak diminta atau sebagainya.

Saya, pihak Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kerajaan Negeri dan wakil-wakil juga pada setiap masa meminta kepada Kerajaan Pusat membantu negeri-negeri yang mundur khasnya negeri Perlis supaya mendapat bantuan-bantuan yang seumpama ini dan kita berharaplah pada kali ini pihak Kerajaan Pusat khasnya Yang Amat Berhormat sebagai Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian akan dapat memerhati dan dapat memberikan perusahaan-perusahaan yang sebegini dilaburkan khasnya bagi negeri Perlis.

Tuan Yang di-Pertua . . . .

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sila ringkaskan.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Selain daripada itu saya sukalah menyentuh sedikit berkenaan dengan Jabatan Kesihatan. Jabatan Kesihatan di negeri Perlis sangat menyedihkan kerana baru-baru ini boleh dikatakan Pengarah Perubatan dan doktor-doktor pakar tidak ada langsung di negeri Perlis. Jadi dengan kerana itu kita mintalah Kementerian Kesihatan supaya mengambil perhatian. Walaupun pakar-pakar dan pegawai perubatan atau pegawai pentadbiran ini telah berhenti, dimintalah dengan secepat mungkin dapat digantikan doktor-doktor pakar atau Pengarah Perubatan. Itulah yang saya harapkan kepada pihak Kementerian Kesihatan. Sekian, terima kasih.

6.48 ptg.

Tuan V. V. Aboo: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saya dapat bercakap akhir sekali.

Terlebih dahulu saya menjunjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atas Titah Ucapan Baginda di Upacara Pembukaan Rasmi Penggal Kedua Parlimen Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Titah Ucapan yang dilafazkan oleh Baginda itu telah meliputi seluruh aspek perkembangan kemajuan di negara ini dan menitikberatkan perpaduan rakyat di negara ini. Seruan Baginda supaya rakyat melipatgandakan usaha, demi menjamin kejayaan yang berterusan patutlah dijunjung oleh kita semua malah perlulah kita memberi sokongan sepenuhnya kepada Kerajaan Baginda di bawah Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato Hussein Onn semoga kemajuan negara dapat dinikmati oleh semua lapisan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, Baginda telah bertitah:

> "Punca kemajuan dan kejayaan seseorang itu ialah "self-discipline". Rakyat yang berdisiplin ialah rakyat yang tahu tentang tugas, tanggungjawab dan kewajipan mereka terhadap ugama, diri sendiri, keluarga dan negara. Dengan adanya disiplin maka cita-cita kita sebagaimana yang termaktub dalam Rukunegara akan tercapai."

Perlulah kita ingat bahawa kita mestilah mengutamakan kepentingan negara dan semua lapisan rakyat mestilah patuh kepada kepentingan negara di samping sentiasa mencari jalan untuk menjamin ketenteraman dan kemajuan negara.

Sejauh ini kita dapat melihat kepentingan negara kita di rantau ini dalam aspek dan ekonomi, perhubungan dan luar, pelaburan

dari dalam dan luar negeri dan juga kemajuan di bidang penyelidikan, pengeluaran dan pemasaran mencerminkan pembangunan yang pesat yang telah kita nikmati selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh mengenai kedai-kedai pajak di negara ini. Saya telahpun mengesyorkan perkara ini di Dewan pada tahun 1977 tetapi sehingga masa ini belum dikuatkuasakan. Mengikut sistem kedai-kedai pajak, sesuatu barang yang dipajak hendaklah ditebus dalam tempoh 6 bulan, jika tidak barang-barang yang dipajak akan menjadi hakmilik kedai pajak berkenaan. Walaupun sudah ada undang-undang yang menyatakan bahawa sesebuah kedai pajak itu hendaklah menghantar notis 2 minggu, sebelum tempoh pajak itu berakhir tetapi undang-undang ini telah tidak dipatuhi oleh kebanyakan kedai-kedai pajak di negara ini.

Jadi, saya syorkan supaya Menteri berkenaan, menerusi Kerajaan-kerajaan Negeri dan Pegawai-pegawai Daerah, memberi arahan kepada kedai-kedai pajak supaya memberi notis kepada orang ramai yang memajak barang berharga yang kebanyakannya terdiri dari rakyat berpendapatan rendah, petani-petani, penoreh-penoreh getah dan kaum nelayan yang mana mereka ini tidak dapat menebus kembali barang-barang berharga mereka kerana mereka terlupa dan tidak ada notis diberi kepada mereka. Saya sungguh berharap pihak berkenaan akan mengambil tindakan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula menyentuh soal tanah berkelompok di negara ini yang seperti kita maklum adalah urusan Kerajaan-kerajaan Negeri dan bukan di bawah Kerajaan Persekutuan. Saya juga telahpun membentangkan perkara ini ke Dewan pada masa lalu tetapi saya dapati belum ada tindakan yang telah diambil.

Saya berharap agar Kerajaan Persekutuan dapat menyelesaikan masalah ini. Saya ingin membangkitkan satu kejadian di negeri Pahang iaitu di Daerah Temerloh di mana ramai orang telah memohon untuk mendapatkan tanah kelompok dan nombor fail permohonan tersebut ialah Temerloh 2168/69 dan 2167/68. Tetapi saya sungguh terkilan apabila mendapat tahu bahawa permohonan ini telah dibuat pada tahun 1968 dan telah diluluskan pada tahun 1971. Kemudian pada tahun 1977 kesemua permohonan yang terpilih telah ditemuduga tetapi sehingga sekarang masih belum mendapat apa-apa tindakan yang diambil mengenai perkara ini. Fail tersebut saya percaya masih belum dikemukakan ke Mesyuarat Exco Negeri dan fail ini mati begitu saja di Pejabat Tanah Temerloh.

Jadi, saya harap Kerajaan Persekutuan akan dapat menyelesaikan perkara ini dengan segera dan menamatkan masalah pemintapeminta tanah tersebut yang telah dibiarkan menunggu selama hampir 10 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin pula bercakap mengenai Dasar Pelajaran di negara ini sekarang.

Saya mengambil kesempatan mengucapkan tahniah kepada Kerajaan dan Kementerian Pelajaran di atas kejayaan yang telah dicapai dalam usaha untuk meninggikan taraf pelajaran yang saya percaya salah satu yang terbaik di rantau ini.

Masalah keciciran telah dapat dikurangkan sedikit demi sedikit dan taraf pelajaran khasnya di luar bandar sentiasa dititikberatkan. Saya berharap semoga peluang-peluang sentiasa terbuka kepada pelajar-pelajar miskin khasnya dari luar bandar untuk meneruskan pelajaran mereka ke institusi-institusi pengajian tinggi.

Kita tidak dapat menafikan dengan adanya langkah-langkah Kerajaan untuk mendirikan lebih banyak sekolah-sekolah dan menyediakan guru-guru terlatih dan memberi biasiswa kepada pelajar-pelajar yang berjaya telah dapat menyedarkan mereka tentang pentingnya pelajaran, tetapi kejayaan mereka ini dibandingkan dengan pelajar-pelajar di bandar masih mengeciwakan.

Saya syorkan supaya kajian yang lebih mendalam dapat dijalankan untuk menyiasat apakah sebab-sebabnya pelajar-pelajar dari luar bandar tidak mengalakkan kemajuannya di samping sebab-sebab kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah hendak mengecilkan keupayaan sebilangan anggota-anggota Kerajaan menjalankan tugas tetapi kelemahan-kelemahan mereka dalam berkhidmat kepada orang ramai tidak boleh dipandang ringan.

Saya ingin mengulas satu incident pada 26hb Januari yang lalu di mana seorang kenalan rapat saya iaitu seorang penuntut bernama Aboo Backer bin Haji Baboo telah ditahan oleh seorang Pegawai Imigeresen

sekembalinya dari lawatan cuti sekolah ke Singapura. Dia adalah pemegang Kad Pengenalan Malaysia berwarna merah (No. 8268680) dan memiliki Paspot India (No. 635725) dan telah menetap di Malaysia selama 13 tahun iaitu sejak berumur lima tahun lagi.

Pegawai Imigeresen Negeri Johor itu telah merampas kad pengenalannya dan memberi tempoh untuk tinggal di Malaysia tidak lebih dari dua minggu tanpa memberi keterangan-keterangan lanjut. Saya rasa tidaklah waras mengambil tindakan sedemikian ke atas seorang budak yang masih menunggu keputusan M.C.E. dan tidak menjelaskan sebab-sebab kad pengenalannya dirampas dan diberi tempoh untuk meninggalkan Malaysia dalam masa 2 minggu.

Saya berharap pihak Kementerian Dalam Negeri akan dapat mengambil perhatian serta dapat memberi jaminan Jabatan Imigeresen untuk tidak akan mengulangi perkara seperti ini di masa depan.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong usul Yang Berhormat Puan Rahmah Othman untuk membahaskan Titah Ucapan tersebut.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempohkan selama 20 minit. Apabila mesyuarat bersidang semula, Yang Berhormat Menteri-menteri akan menjawab.

Dewan ditempohkan pada pukul 7.01 malam.

Persidangan disambung semula pada pukul 7.33 malam.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

7.33 mlm.

Dato Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator-senator yang memberi ulasan teguran dan juga kepujian kepada prestasi dan kemajuan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di-dalam perbahasan Titah Ucapan Di Raja pada 2-3 hari yang lalu. Saya mengambil kesempatan pada masa ini untuk menggulung beberapa pertanyaan yang telah menyentuh Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman dan Senator Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain telah mengesyorkan supaya kenaikan harga barang-barang dapat dikawal dengan cara yang lebih positif lagi. Beliau juga mengesyorkan supaya diberi subsidi ke atas barang-barang tertentu. Pertanyaan yang hampir sama juga telah disuarakan oleh Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, memang menjadi dasar Kerajaan untuk mengawal harga barang-barang keperluan harian dan barang-barang lain yang perlu bagi menentukan harga barang-barang ini di paras yang berpatutan kerana Kerajaan memang sedar bahawa barang-barang ini sebahagian besarnya adalah digunakan oleh rakyat yang berpendapatan rendah. Berbagai-bagai langkah telahpun diambil oleh Kerajaan untuk maksud ini, termasuk satu daripadanya perisytiharan 19 jenis barang-barang kawalan di mana bekalannya dan bagi setengah-setengahnya harganya juga dikawal oleh Kerajaan dan harga ini tidak dibenar dinaikkan tanpa kebenaran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian terlebih dahulu. Antara barang-barang ini ialah gula, susu, minyak masak, tepong gandum, minyak tanah, minyak diesel dan lain-lain. Bagi barang-barang ini mana-mana permohonan untuk menaikkan harga jualannya akan dikaji dengan teliti.

Kerajaan juga mengadakan subsidi bagi setengah-setengah barang untuk menentukan harganya berpatutan. Sebagai contoh, Kerajaan memberi subsidi bagi minyak diesel dan minyak tanah. Minyak diesel diberi subsidi sebanyak 46 sen segelen dan minyak tanah 51 sen segelen. Dengan subsidi ini pengguna-pengguna tempatan dapat membeli kedua-dua bahan ini dengan harga yang jauh lebih rendah dari harga-harga di negara jiran, iaitu di Malaysia $1.30 segelen wal hal di Singapura misalnya harga minyak diesel ialah $2.86 sen segelen dan minyak tanah $2.93 sen segelen dan Filipina pula harga minyak diesel dan minyak tanah ialah $3.28 sen segelen. Subsidi-subsidi ini melibatkan perbelanjaan sebanyak $341 juta kepada Kerajaan pada tahun lalu sahaja.

Kerajaan juga memberi subsidi bagi tenaga elektrik untuk menentukan harganya berada diparas berpatutan dengan memberi bantuan kewangan kepada Lembaga Letrik Negara. Walau bagaimanapun, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mengawal kenaikan harga bukanlah satu perkara yang mudah khasnya bagi Malaysia yang mempraktikkan ekonomi bebas. Kita tidak boleh mengawal kesemua barang-barang. Kita juga tidak dapat melepaskan diri dari akibat kenaikan harga barang-barang yang diimport dari luar negeri. Misalnya, harga tepong gandum baru-baru ini terpaksa dinaikkan disebabkan harga gandum yang diimport untuk perusahaan tepong gandum di Malaysia telah meningkat menyebabkan harga pengeluaran tepong gandum naik ke paras yang tidak dapat ditanggung atau diserapkan oleh pengusaha-pengusaha tempatan. Kenaikan harga susu pekat baru-baru ini juga adalah hasil kejadian yang sama.

Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, perlu saya tegaskan di sini bahawa tugas menentang kenaikan harga ini tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Kerajaan semata-mata. Rakyat jelata khasnya pengguna-pengguna perlu juga memainkan peranan mereka masing-masing untuk mengawasi dan mencegah kenaikan harga barang-barang ini. Kita perlu menentang saikologi inflasi yang sedang merebak di merata-rata dengan menyinkirkan diri dari membeli barang-barang tertentu sekiranya didapati harga-harganya terlalu tinggi. Kerajaan telah bertindak seberapa yang boleh untuk mengekalkan kadar inflasi di negara kita ini di paras yang agak minimum, iaitu kira-kira 5% sahaja satu kadar yang rendah berbanding dengan negara-negara lain, seperti Argentina 120%, United Kingdom 25% dan juga negara-negara jiran seperti Indonesia 22%, Filipina 18%, Thailand 15% dan Hongkong 11% dalam tahun 1979.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Rahmah Othman juga telah mengesyorkan supaya Bahagian Penguatkuasa di Kementerian saya diperkuatkan lagi. Untuk makluman Yang Berhormat Senator itu, Kerajaan telahpun meluluskan pada tahun ini tambahan kakitangan di Bahagian ini sebanyak 479 jawatan Merinyu Penguatkuasa. Kekuatan tenaga di Bahagian ini pada masa ini hanya terdiri daripada 123 jawatan Merinyu Penguatkuasa sahaja. Jadi dengan adanya tambahan yang telah ditambah pada tahun ini maka segala aktiviti dan rancangan yang dibuat oleh Bahagian Penguatkuasa di Kementerian saya ini dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Ahli Yang Berhormat yang sama juga telah menyatakan bahawa usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan kesedaran mereka sebagai pengguna amatlah tidak memuaskan. Beliau menyokong pergerakan Persatuan Pengguna dan mengesyorkan supaya Kerajaan membenarkan lebih banyak subsidi untuk persatuan-persatuan ini menjalankan kegiatan mereka dengan lebih berkesan. Kenyataan Ahli-ahli Yang Berhormat itu mengenai kesedaran pengguna perlulah saya sangkal kerana ianya adalah tidak benar. Di sini juga saya menyentuh langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kementerian saya dalam bidang pendidikan pengguna. Kementerian saya atas nasihat Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan telah mengadakan seminar-seminar dan pamiran-pamiran mengenai consumerism di Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching, Kuala Trengganu dan Alor Setar pada dua tahun yang lepas. Pada tahun ini dua lagi seminar dan pamiran yang sama akan diadakan di Kota Kinabalu dan Seremban. Risalah-risalah yang berkaitan juga diedarkan kepada mereka yang mengunjungi pamiran-pamiran itu. Selain daripada itu Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian Pelajaran telahpun mengadakan pertandingan syarahan untuk sekolah-sekolah menengah dengan tajuk-tajuk yang berkaitan dengan pendidikan pengguna. Ceramah melalui radio dan T.V. juga diadakan dengan kerjasama Kementerian Penerangan. Untuk menambahkan usaha-usaha Kementerian saya dalam pendidikan pengguna Kementerian saya telah memberi bantuan kewangan yang lebih banyak kepada persatuan-persatuan Pengguna untuk membolehkan mereka menerbitkan majallah-majallah dan mengadakan ceramah kepada pengguna-pengguna. Jadi pada pendapat saya usaha-usaha yang diambil oleh Kementerian saya dalam bidang pendidikan pengguna sehingga hari ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, program-program yang lebih banyak akan diadakan jika difikirkan perlu.

Mengenai bantuan kewangan pula, sukacita saya memaklumkan bahawa pada tahun 1979, bantuan kewangan sebanyak $106,430 telah diberi kepada Persatuan-persatuan Pengguna. Ini merupakan satu pertambahan yang banyak jika dibandingkan dengan jumlah bantuan yang diberi oleh Kementerian

saya antara tahun 1966-1978 yang hanya dalam 12 tahun berjumlah $96,000. Walau bagaimanapun, Kementerian saya boleh menambahkan lagi bantuan kewangan kiranya Persatuan-persatuan Pengguna dapat mengemukakan program-program yang dirancangkan dengan baik yang dapat membawa kebaikan kepada pengguna-pengguna pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Syed Hassan Aidid mengatakan Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya belum lagi boleh menolong atau memberi apa-apa bantuan kepada bumiputra terutamanya orang-orang Melayu di Pulau Pinang. Kenyataan ini adalah tidak benar. Kerajaan telahpun menubuhkan satu Jawatankuasa Petugas mengkaji masalah Penyertaan Bumiputra di Pulau Pinang. Kementerian saya adalah menganggotai Jawatankuasa tersebut dan sentiasa memberikan kerjasama yang rapat dengan Jawatankuasa ini demi untuk mencapai cita-cita meningkatkan lagi penyertaan bumiputra di bidang perdagangan dan perindustrian. Segala usaha-usaha yang dibuat oleh Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya adalah disalurkan melalui Jawatankuasa ini. Sekiranya Yang Berhormat Senator itu mempunyai kemusykilan tentang perkara ini silalah berhubung dengan Jawatankuasa ini yang pejabatnya terdapat di Pulau Pinang. Jadi peranan Bahagian Penyertaan Bumiputra di Kementerian saya adalah tidak ketara kerana segala bentuk bantuan disalurkan melalui Jawatankuasa ini. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat peniaga-peniaga bumiputra di Pulau Pinang yang ingin mendapatkan apa-apa bantuan daripada Kementerian saya, silalah berhubung terus dengan Kementerian saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Sulaiman Ninam Shah telah menyatakan bahawa usaha-usaha Kerajaan yang telah dibuat untuk menarik pelabur-pelabur asing tidak akan berjaya sepenuhnya kerana proses untuk meluluskan permohonan pelabur-pelabur memakan masa yang lama di antara 1 hingga 5 tahun. Beliau telah mencadangkan supaya ditubuhkan satu pusat yang khas untuk mempercepatkan proses tersebut. Pertanyaan yang hampir sama juga telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak di mana beliau telah bersetuju dengan langkah-langkah Kerajaan menggalakkan pelabur-pelabur asing melabur modal di negara ini tetapi apabila ada pelabur-pelabur ini yang hendak melabur, mereka akan menghadapi masalah mendapatkan tanah atau penempatan. Ini memakan masa dari 7 hingga 8 bulan. Menurut beliau lagi keadaan ini berlaku kerana tidak adanya koordinasi yang baik di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri.

Mengenai perkara ini sekali lagi ingin saya menjelaskan bahawa kenyataan Senator tersebut bahawa terlalu lama masa diambil untuk memproses permohonan di antara 1 hingga 5 tahun itu adalah tidak benar. Sejak penubuhan Unit Pusat di Lembaga Kemajuan Perusahaan Malaysia (MIDA) pada September 1978, dan juga penyusunan semula sistem pemerosesan masa bagi mengkaji dan memproses permohonan telah dapat dikurangkan ke 3-4 bulan sahaja. Kementerian bersama dengan LKPM atau MIDA sedang menggubal satu sistem "package deal" yang mana semua perkara-perkara yang bersabit dengan permohonan bagi perindustrian dapat diselenggarakan supaya keputusan dapat dibuat pada masa yang sama. Sistem ini akan mengelakkan pengaliran permohonan ke Jabatan-jabatan Kerajaan masing-masing dan ianya boleh menjimatkan masa bagi menunggu keputusan yang akan dibuat. Berkenaan koordinasi dengan Kerajaan Negeri setakat ini adalah baik dan memuaskan. Mengenai masa yang diambil untuk melaksanakan projek, sukalah saya menyatakan bahawa kadangkala masalah kelewatan itu wujud sendiri di pihak pelabur misalnya masalah pemasaran, mendapat pekerja-pekerja, pakar-pakar dan sebagainya. Walau bagaimanapun, sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai satu-satu kes yang khusus maka silalah berhubung dengan Kementerian saya agar sama-sama dapat diselesaikan.

Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun telah mengesyorkan agar satu projek kilang kertas dibina di Pahang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat berkenaan mengikut rekod di Kementerian saya memang terdapat ura-ura menubuhkan perusahaan kilang kertas di Pahang oleh dua buah syarikat yang terkemuka. Oleh kerana memandangkan beberapa masalah teknikal dan ianya tidak ekonomik maka kedua-dua telah membubarkan cadangan untuk menubuhkan perusahaan itu di Pahang. Salah satu daripada syarikat itu telah cuba menjelajahi Sabah mencari tempat yang sesuai

untuk menubuhkan perusahaan yang sama di sana. Walau bagaimanapun, sehingga hari ini projek yang berkenaan belum dibangunkan lagi.

Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussain, Senator Hajjah Salmah dan dan juga Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim telah menyentuh mengenai menyelerakkan perusahaan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Ini memang menjadi dasar Kementerian saya dan mengikut angka-angka yang saya telah beri pada masa yang lalu, tahun 1979 lebih daripada 55% daripada angka atau bilangan projek-projek yang diluluskan adalah bertempat di kawasan kurang maju iaitu di negeri Kedah, Perlis, Pantai Timur dan sebagainya.

Senator Ismail bin Sheikh Ibrahim telah membangkitkan perkara mengenai meletakkan tempat sembahyang di kilang-kilang. Ini ialah satu perkara yang mana kita menggalakkan pekerja-pekerja menerusi Persatuan Pekerja itu berunding dengan pihak majikan dan saya ketahui tempat sembahyang telah dapat dikhaskan dikebanyakan tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah cuba menjawab segala pertanyaan mengenai Kementerian saya dan sukalah saya menjelaskan bahawa segala cadangan dan teguran yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian yang sewajarnya oleh Kementerian saya.

Saya akhiri dengan merakamkan penghargaan saya sekali lagi kepada pandangan-pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap prestasi dan kemajuan Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran.

7.51 mlm.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, teguran dan cadangan-cadangan kepada Kementerian saya. Sebahagian daripada perkara-perkara yang dibangkitkan tidak lagi merupakan perkara baru dan telah pernah dijawab di Dewan ini sewaktu menjawab soalan lisan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Dengan demikian saya tidaklah bercadang untuk mengulas perkara-perkara tersebut dengan panjang lebar di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Phua Cheng Leong dan Yang Berhormat S.I. Rajah telah membangkitkan masalah-masalah berkaitan dengan Pelajaran Tinggi. Saya ingin menjelaskan pengambilan pelajar-pelajar untuk memasuki pusat-pusat pengajian tinggi, adalah dilakukan mengikut peratus yang ditetapkan untuk bumiputra dan bukan bumiputra dari setahun ke setahun. Seperti yang telah diberitahu oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran semasa persidangan Dewan Rakyat yang lalu, Kementerian Pelajaran akan menaikkan tambahan pengambilan pelajar bukan bumiputra sebanyak 2% lagi pada keseluruhannya berbanding dengan angka pengambilan pelajar bukan bumiputra tahun lalu. Mengenai tempat-tempat di pusat pengajian tinggi pula, Kerajaan sedar bahawa ianya perlu diperbanyakkan lagi. Dengan demikian Kerajaan telah membuat beberapa rancangan-rancangan memperbesarkan universiti-universiti yang ada dengan tujuan memperbanyakkan lagi tempat belajar bagi pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Ibrahim Abdullah telah membangkitkan masalah disiplin di sekolah-sekolah dan institusi-institusi pelajaran tinggi. Di sini ingin saya membuat penjelasan. Untuk memperketatkan lagi disiplin di pusat-pusat pengajian tinggi Kerajaan telahpun mengadakan kaedah-kaedah tatatertib kakitangan dan juga pelajar-pelajar di institusi pelajaran tinggi. Kaedah-kaedah yang terlibat adalah seperti berikut:

(i) Kaedah-kaedah Universiti (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1975 bagi tiap-tiap Universiti.

(ii) Kaedah-kaedah Institusi Pelajaran (Tatatertib Pelajar-pelajar) 1976 bagi Institut Teknologi MARA.

(iii) Kaedah-kaedah Universiti (Tatatertib Kakitangan) 1979 bagi tiap-tiap Universiti.

Di sekolah-sekolah pula, di samping peraturan yang sedia ada, Kementerian saya telah menubuhkan satu Jawatankuasa disiplin sekolah-sekolah untuk mengkaji masalah-masalah disiplin. Jawatankuasa ini akan mengeluarkan satu laporan khas sebagai garis panduan kepada sekolah-sekolah bagi maksud memperketatkan lagi disiplin di kalangan

murid-murid. Adalah diharapkan dengan adanya ini disiplin di sekolah akan lebih baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, berkait dengan kursus-kursus perkhidmatan kepada guru-guru ugama, Kementerian saya dari semasa ke semasa mengadakan kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk guru-guru termasuklah untuk guru-guru ugama. Kursus untuk guru-guru ugama ini adalah bertujuan memberi pendedahan sukatan pelajaran dan pembinaan semangat bagi tujuan menambah mutu pelajaran dan kecekapan. Hampir semua guru-guru ugama Sekolah Menengah dan lebih dari separuh guru-guru ugama Sekolah Rendah telah mengikuti kursus tersebut. Kursus ini sedang diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini juga memberi sedikit penjelasan berkait dengan masalah akhlak dan rohani di sekolah-sekolah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datin Hajjah Mahimon. Pendidikan ugama Islam sebenarnya merangkumi bidang konnitif dan effektif iaitu pengajaran ilmu pengetahuan dan menghayati pelajaran tersebut dengan amalan. Untuk tujuan tersebut Kementerian Pelajaran sentiasa memperbaiki mutu ajaran ugama dan menyedia dan memberi kemudahan yang cukup bagi menghayati ajaran-ajaran Islam yang mempunyai nilai-nilai moral dan akhlak yang tinggi. Pendidikan akhlak islamiah ini telah lama berjalan dan akan diperluas dan diperkemaskan.

Kementerian Pelajaran memandangkan pendidikan akhlak dan rohani sebagai tugas penting Kementerian Pelajaran. Perlu ditegaskan di sini, sukatan semua matapelajaran adalah disusun bagi tujuan membina manusia iaitu di segi kecekapan dan nilai moral yang tinggi. Di samping melalui Pelajaran Ugama Islam, pendidikan akhlak di sekolah-sekolah diperluaskan lagi melalui matapelajaran-matapelajaran Sivik. Laporan Jawatankuasa Kabinet telah memperakukan bahawa murid-murid bukan Islam pula hendaklah diberi pendidikan moral dan etika. Laporan tersebut mengesyorkan murid-murid Islam mengikuti pengetahuan ugama Islam dan murid-murid lain mengikuti pendidikan moral dan etika yang diwajibkan dalam peperiksaan. Untuk memperluaskan lagi pelajaran ugama, Kementerian saya telahpun mengeluarkan arahan pada tahun 1976 lagi supaya tiap-tiap sekolah memperuntukkan ataupun menyediakan sebuah bilik bagi tujuan murid-murid mempelajari ajaran ugama Islam dan juga untuk bersembahyang. Dari tinjauan yang telah dibuat adalah didapati kebanyakan sekolah telahpun menyediakan bilik berkenaan. Kementerian saya juga sedang merancang mengadakan kemudahan-kemudahan yang lebih sesuai bagi tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, kerjasama orang ramai dan Persatuan Ibu Baba Guru bagi mengadakan kemudahan surau di sekolah-sekolah adalah diperlukan, sebagaimana yang diperakukan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji perlaksanaan dasar Pelajaran.

Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menyentuh soal penubuhan Jawatankuasa "Pencemaran Bahasa". Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di sini untuk memberi sedikit penjelasan mengenai perkara ini. Sebenarnya Kementerian saya telahpun menubuhkan sebuah Jawatankuasa khas yang dinamakan Jawatankuasa Mengkaji Penggunaan Bahasa Malaysia. Jawatankuasa ini dianggotai oleh seorang Pengerusi dengan 18 orang ahli, dan bertugas mengkaji penggunaan Bahasa Malaysia di kalangan berbagai golongan pengguna dan urusan di Malaysia terutama sekali pihaksanaan Bahasa Malaysia menurut kehendak dan semangat Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan membuat perakuan-perakuan untuk dikemukakan kepada Kerajaan.

Jawatankuasa ini telah mengadakan mesyuarat yang pertama pada 3hb Mac, 1980 dan menetapkan akan membuat kajian dalam sistem penggunaan bahasa iaitu penggunaan bahasa di tempat awam, penggunaan Bahasa Malaysia di sektor pengurusan dan pentadbiran, penggunaan Bahasa Malaysia di sektor media am dan penggunaan Bahasa Malaysia di institusi pendidikan. Masalah penyalahgunaan bahasa yang disebut juga sebagai "pencemaran bahasa" itu adalah merupakan salah satu aspek dalam penggunaan Bahasa Malaysia yang akan dikaji oleh Jawatankuasa ini, Jawatankuasa ini di jangka akan mengemukakan laporan kajiannya kepada Kerajaan pada awal tahun 1981 dan di jangka laporan tersebut mengandungi perakuan-perakuan tentang cara melaksanakan perancangan Bahasa Malaysia pada masa depan di samping syor-syor mengenai

cara mengatasi masalah, kekurangan, kelemahan dalam pelaksanaan penggunaan Bahasa Malaysia yang lepas, termasuk cadangan cara bagi mengatasi penyalahgunaan atau "pencemaran bahasa".

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soal tulisan Jawi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Hajjah Tom Saodah dan Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub, saya juga ingin membuat penjelasan di sini untuk menjadikan sesuatu pelajaran itu sebagai matapelajaran wajib di sekolah-sekolah kenalan. Kementerian Pelajaran pasti benar bahawa pelajaran itu dapat membekalkan murid-murid dengan kemahiran yang akan mereka gunakan dalam hidup mereka pada masa hadapan. Atas dasar inilah Kementerian saya buat masa ini tidak menjadikan tulisan Jawi sebagai matapelajaran wajib di semua peringkat sekolah-sekolah yang murid-muridnya terdiri daripada semua keturunan dan ugama. Walau bagaimanapun Kementerian saya sedar betapa pentingnya pelajaran Jawi kepada murid-murid Melayu kerana dengannya mereka akan dapat memperdalami ilmu pengetahuan mereka di bidang-bidang sastra dan ugama. Oleh itu Kementerian Pelajaran telahpun mewajibkan sekolah-sekolah semua peringkat mengajar pelajaran ini untuk mereka.

Mengenai bidang pendidikan teknikal dan vokasional, Yang Berhormat Senator Oh Siew Aun mengesyorkan supaya diberi penekanan yang lebih. Pada masa ini pelajaran perdagangan adalah diajar di sekolah-sekolah menengah biasa dan sekolah-sekolah menengah vokasional. Di sekolah-sekolah menengah biasa kebanyakan sekolah-sekolah ada mengajar matapelajaran-matapelajaran perdagangan. Murid-murid di Tingkatan IV dan V boleh memilih matapelajaran prinsip akaun sains atau perdagangan untuk peperiksaan SPM. Murid-murid di Tingkatan VI pula boleh memilih matapelajaran perakaunan untuk peperiksaan STP/HSC mulai tahun ini. Pada masa ini terdapat 15 buah sekolah menengah vokasional di Semenanjung Malaysia yang menjalankan kursus pertukangan atau perdagangan. Dua buah sekolah vokasional lagi yang dirancangkan untuk menjalankan kursus perdagangan sepenuhnya sedang dibina. Berikutan Laporan Jawatankuasa Kabinet mengkaji perlaksanaan dasar pelajaran sekolah menengah teknik akan dimansuhkan dan sistem pelajaran di peringkat sekolah-sekolah hanya akan mempunyai dua jurusan iaitu jurusan Akademik dan jurusan Vokasional. Ini dengan jelas membuktikan yang Kerajaan adalah memandang berat dan memberi penekanan dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional ini.

Kementerian saya memang menyedari tentang masalah-masalah yang timbul oleh kerana ketiadaan rumah-rumah guru di kawasan FELDA dan sedang mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi mengatasi masalah ini. Pembinaan rumah-rumah guru di rancangan-rancangan FELDA merupakan salah satu projek keutamaan dalam rancangan-rancangan lima tahun Kementerian saya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Ketiga sahaja Kementerian saya telah menguntukkan sebanyak $20.8 juta bagi pembinaan 1,177 buah rumah guru. Walau bagaimanapun oleh kerana perkembangan FELDA yang begitu pesat, peruntukan sebanyak itu belum mencukupi untuk memenuhi segala kekurangan rumah-rumah guru yang terdapat di luar bandar. Oleh itu Kementerian saya akan terus memberi keutamaan bagi pembinaan rumah-rumah guru di luar bandar khususnya dalam rancangan-rancangan FELDA dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Keempat dan seterusnya.

Mengenai dengan bilik darjah di sekolah-sekolah luar bandar yang dikatakan tidak selesa, Kementerian saya sememangnya memberi keutamaan yang sangat tinggi bagi memperbaiki kedudukan bilik-bilik darjah tersebut. Ini dilakukan melalui projek tambahan gantian dan juga pembinaan sekolah-sekolah baru. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Keempat, Kementerian saya menguntukkan $258.04 juta untuk pelajaran rendah manakala $262.65 juta lagi untuk pelajaran menengah. Daripada jumlah sebanyak $258.04 juta yang diperuntukkan bagi pelajaran rendah itu, $223.07 juta adalah peruntukan bagi pembinaan bilik-bilik darjah dan kerja-kerja kecil di sekolah-sekolah luar bandar, manakala daripada jumlah peruntukan sebanyak $262.65 juta untuk pelajaran menengah itu, $180.82 juta adalah untuk sekolah-sekolah menengah luar bandar.

Dengan peruntukan sebanyak ini Kementerian saya berharap akan dapat memenuhi sebahagian besar daripada keperluan bilik-bilik darjah dan memperbaiki kemudahan-kemudahan pelajaran di luar bandar. Keutamaan ini juga akan diteruskan dalam tempoh Rancangan Malaysia Yang Keempat dan seterusnya dalam Rancangan Malaysia Kelima yang akan datang. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bilik-bilik darjah yang dibina sekarang adalah merupakan bilik-bilik darjah yang selesa yang berdasarkan kepada "standard plan" yang disediakan oleh Jabatan Kerja Raya.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja ucapan saya dan perkara-perkara yang saya tidak sebutkan itu Kementerian saya akan mengambil perhatian dan yang mana menasabah kita akan laksanakan dengan seberapa yang boleh.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

8.06 mlm.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan bersama ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah memberikan pandangan dan juga teguran serta mengemukakan cadangan-cadangan mereka bersabit dengan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dalam membahaskan Titah Ucapan Di Raja selama 3 hari yang telah lalu.

Berhubung dengan perkara-perkara yang telahpun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan diambil ingatan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan penuh minat kerana Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri adalah bertanggung-jawab bagi menjaga ketenteraman awam dan juga keselamatan negara. Segala ikhtiar akan sentiasa dicari dan tindakan akan diambil demi menjamin ketenteraman awam dan keselamatan negara supaya ianya sentiasa terkawal dan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit sebanyak telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian dalam beberapa perkara dan sukalah saya menyentuh dengan begitu ringkas untuk menjelaskan sedikit sebanyak perkara-perkara yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Senator Haji Fadzil bin Ahmad menyeru supaya Kerajaan mengeluarkan satu Kertas Putih bagi mendedahkan kepada rakyat seluruhnya di atas kegiatan Pertubuhan Angkatan Sabilullah iaitu bagi menyedarkan rakyat supaya berwaspada setiap masa. Di sini saya sukalah menyampaikan ucapan berbanyak-banyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat itu yang telah juga memberi penghargaan di atas kejayaan pihak Kerajaan mendedahkan aktiviti-aktiviti Pertubuhan Angkatan Sabilullah ataupun PAS itu.

Kegiatan haram Pertubuhan Angkatan Sabilullah ini telah diakui sendiri secara terbuka oleh dua orang daripada pemimpin-pemimpin Pertubuhan itu. Pengakuan terbuka yang telah dibuat oleh seorang pemimpin Pertubuhan itu iaitu Selehuddin bin Mansor pada 18hb Mac, 1980 telahpun disiarkan di dalam akhbar-akhbar tempatan pada 19hb Mac, 1980 dan juga pengakuan seorang tokoh lagi iaitu Haji Othman Marzuki telahpun disiarkan melalui radio dan juga televisyen pada 1hb April, 1980 dan juga akhbar-akhbar pada hari yang berikutnya. Pengakuan-pengakuan yang dibuat oleh kedua-dua pemimpin itu sudahpun menceritakan dengan panjang lebar tujuan-tujuan dan kegiatan-kegiatan Pertubuhan itu. Maka dengan itu buat masa ini pihak Kerajaan tidak bercadang hendak mengeluarkan satu Kertas Putih mengenai Pertubuhan Angkatan Sabilullah itu. Walau bagaimanapun sukalah saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa penyiasatan yang mendalam hingga ke akar umbi akan terus dijalankan dan tindakan-tindakan yang tegas akan diambil bagi menentukan supaya pertubuhan seumpama ini lumpuh sama sekali demi menjaga keselamatan dan keutuhan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh pula gesaan yang dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad dan juga Yang Berhormat Puan Hajjah Tom Saodah supaya Kerajaan mengharamkan perkataan "Islam" yang terdapat di dalam Parti PAS kerana ianya mengancam perpaduan orang-orang Islam dan mengelirukan pengundi-pengundi yang berugama Islam. Perkara ini

dibangkitkan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain maka perkara yang sama juga telah dibangkitkan oleh Puan Hajjah Tom Saodah di Dewan ini pada masa yang lalu dan saya telahpun memberi penjelasan-penjelasan di atas pendirian Kerajaan. Kerajaan memang menyedari di atas kegiatan-kegiatan ini dan memang mendapati ada kegiatan-kegiatan parti ini yang mengalatkan ugama yang mana boleh membawa pecah belah masyarakat dan membawa kekeliruan pemeluk-pemeluk ugama Islam iaitu pihak Kerajaan memahami kedudukan ini dan sentiasa meneliti perkembangannya dari masa ke semasa. Jika sekiranya penggunaan nama itu ataupun kegiatan-kegiatan sesebuah pertubuhan yang menimbulkan ancaman atau memudaratkan keselamatan negara dan juga ketenteraman awam, pihak Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang sewajarnya untuk membatalkan atau mengharamkan pendaftaran sesuatu pertubuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Haji Fadzil juga telah menyatakan bahawa ketegasan undang-undang sahaja tidak mencukupi untuk membenteraskan dadah dan mencadangkan pihak ibubapa sendiri memberi kesedaran kepada anak-anak mereka itu, di samping itu beliau menggesa supaya kawalan diperketatkan lagi di sempadan dan di pelabuhan dengan menempatkan anggota polis, kastam dan imigeresen dengan secukupnya. Pihak Kerajaan memanglah bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat itu bahawa ibubapa perlu memainkan peranan yang penting dalam menyedarkan anak-anak mereka terhadap bahaya dadah. Matlamat Kerajaan mengenai perkara ini ialah untuk melahirkan sikap benci, kotor dan jijik terhadap dadah di kalangan semua lapisan masyarakat dalam negara kita ini. Bagi mencapai maksud ini berbagai-bagai program jangka panjang mengenai penerangan penyelidikan dan juga pencegahan dadah telahpun disusun dan dilancarkan secara peringkat melalui badan-badan atau agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan meliputi semua lapisan masyarakat. Oleh itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru bukan sahaja ibu-bapa tetapi juga pemimpin-pemimpin masyarakat, guru-guru, badan-badan kebajikan dan pertubuhan amal dan lain-lain untuk bersama menjayakan matlamat Kerajaan ini. Semoga dengan adanya penyertaan ini matlamat ini akan tercapai. Pihak Kerajaan juga akan tetap terus mengaturkan langkah-langkah yang rapi bagi menyekat kemasukan dan pengedarannya serta juga penggunaan dadah ke negeri ini dengan mendapat kerjasama yang erat dari negara-negara serantau serta di peringkat antara bangsa. Keupayaan agensi-agensi Kerajaan termasuk Jabatan Polis di Raja dan Kastam akan dipertingkatkan lagi dengan pembesaran, penambahan tenaga dan kelengkapan bagi mengawal semua pintu-pintu masuk ke negara ini termasuklah kawasan-kawasan sempadan dan juga pelabuhan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad juga telah menyentuh perkara membangunkan kawasan sempadan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti FELDA, FELCRA dan lain-lain untuk tujuan membendung ancaman komunis dan seterusnya menjaga keselamatan negara. Dalam perkara ini sukalah saya menyatakan bahawa pihak Kerajaan adalah sedar keperluan ini dan sebenarnya telahpun membuat keputusan supaya satu rancangan keselamatan pembangunan sempadan yang diberi nama KESBAN dilaksanakan dengan segera di seluruh kawasan perbatasan Malaysia/Thailand dan sebuah jawatankuasa di Peringkat Kebangsaan dan beberapa buah Jawatankuasa Kecil Tindakan dan Teknikal telahpun ditubuhkan bagi maksud mengendali rancangan KESBAN ini. Negeri-negeri perbatasan yang terlibat dalam rancangan ini adalah negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan juga Perak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Haji Mohd Amin telah menyentuh mengenai kenaikan kadar kejadian jenayah dan telah mengemukakan pendapat bahawa undang-undang jenayah sekarang adalah tidak berupaya mengawal kejadian-kejadian jenayah dan digantikan dengan undang-undang yang berdasarkan ajaran Islam. Sukalah saya menjelaskan di sini bahawa soal yang patut kita perhitungkan ialah soal pengawalan mengenai ketenteraman awam dan keselamatan. Dalam hal ini tidaklah dapat kita nafikan bahawa keadaan keselamatan dalam negeri ini adalah terkawal dan usaha ke arah ini akan terus dijalankan. Tambahan kejadian-kejadian jenayah memanglah ada sekiranya kita bezakan kejadian-kejadian itu pada masa ini dengan kejadian-kejadian pada

tahun-tahun yang lepas. Hal ini tidaklah memelikkan oleh kerana bertambahnya penduduk-penduduk, bertambahnya kadar pembangunan ekonomi dan hasil dari usaha yang berlipat ganda yang telah di-dijalankan oleh Kerajaan. Dengan itu saya rasa pihak polis juga telah berusaha supaya menghapuskan kegiatan-kegiatan yang seumpama ini dan dengan itu soal undang-undang tidaklah timbul dalam perkara yang seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali dengan rengkasnya sukalah saya menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Senator S. Subramaniam mengenai dasar kemasukan isteri-isteri asing kepada warganegara iaitu mengenai berhubung dengan ada perbezaan di antara peraturan-peraturan ataupun undang-undang yang terdahulu dan juga yang ada sekarang ini.

Dalam perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan tidak ada apa-apa perbezaan mengenai interpretasi dan peraturan-peraturan yang terdahulu dan sekarang ini sepertimana yang termaklum tujuan utama pihak Kerajaan mengadakan peraturan tersebut adalah bagi memastikan bahawa perkahwinan yang dilakukan adalah perkahwinan yang benar, tulin dan bukan perkahwinan olok-olok (marriage of convenience) untuk mendapatkan kemudahan-kemudahan di negara kita ini sebelum sesuatu permohonan itu mendapat taraf penduduk tetap (status of permanent resident) selepas dia mendapat entry permit bukan visit pass, sebelum itu boleh dipertimbangkan.

Adalah menjadi syarat bahawa perkahwinan itu telah berlangsung sekurangnya selama lima tahun dan perlulah saya mengingatkan bahawa taraf penduduk tetap bukanlah satu hak dan entry permit itu bukan satu hak tetapi adalah satu keistimewaan sahaja. Dan kelayakan menjadi warganegara di bawah Perkara 15 (1) di dalam Perlembagaan itu pula adalah perkara lain dan perkara ini tidak ada kena mengena dan asing daripada kelayakan untuk mendapatkan taraf entry permit ataupun penduduk tetap.

Antara syarat-syarat menjadi warganegara di bawah Perkara 15 (*a*) menyatakan bahawa:

> "(*a*) bahawa ia telah bermastautin di Persekutuan sepanjang tempoh dua tahun sebelum daripada tarikh permohonan itu, dan ianya berniat hendak bermastauin tetap di Persekutuan."

Ini perlulah dibuktikan. Ini bermakna tempoh dua tahun bagi seseorang isteri asing untuk menjadi warganegara di bawah Perkara 15 (1) (*a*) boleh dipertimbangkan serta mendapat taraf penduduk tetap.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, dasar baru yang telah diadakan ini mustahaklah diadakan untuk menyelesaikan kekeliruan ataupun tidak sefahaman yang telah timbul berhubung dengan perkara ini pada masa-masa yang telah lalu. Kita adakan dasar ini ialah untuk melaksanakan satu dasar bagi menjaga kepentingan negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekianlah sahaja sedikit sebanyak keterangan yang saya dapat beri di dalam Dewan ini untuk memberikan penjelasan kepada apa yang telah ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ucapkan banyak-banyak terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Wilayah Persekutuan. Sila Yang Berhormat Datuk Haji Mohamad Nasir.

8.24 mlm

Datuk Haji Mohamed bin Nasir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk memberi jawapan bagi pihak Kementerian Wilayah Persekutuan.

Saya akan menjawab perkara-perkara yang berhubung dengan Kementerian Wilayah Persekutuan yang disentuh oleh Ahli-ahli Dewan sepanjang perbahasan atas Titah Ucapan Di-Raja 1980 di Dewan Negara ini mulai 7hb hingga 9hb April yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan gesaan Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak yang meminta Kerajaan membaiki taraf hidup penduduk-penduduk setinggan di Kuala Lumpur khasnya yang tinggal berhampiran dengan kawasan-kawasan perumahan yakni rumah batu dengan membeli tanah-tanah bekas lombong untuk didirikan rumah bagi menempatkan setinggan-setinggan, sukalah saya menegaskan disini bahawa Kerajaan sedang dan akan melaksanakan berbagai-bagai projek-projek dan rancangan untuk memperbaiki taraf hidup penduduk-penduduk setinggan di Wilayah Persekutuan.

Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak $156 juta telah diperuntukkan untuk membina perumahan kos rendah bagi golongan yang berpendapatan rendah di Wilayah Persekutuan.

Dalam Rancangan Malaysia Keempat pula Kerajaan bercadang akan membina pada dasarnya sebanyak 30,000 yunit lagi rumah-rumah kos rendah untuk golongan yang sama seperti setinggan dan lain-lain.

Oleh kerana kekurangan tanah-tanah kosong di Wilayah Persekutuan Kerajaan memang ada menggunakan tanah bekas lombong untuk mendirikan projek-projek perumahan. Rumah-rumah ini adalah khusus bagi golongan yang berpendapatan rendah serta untuk menempatkan semua setinggan-setinggan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan juga ada memberikan kemudahan-kemudahan asas bagi kawasan-kawasan setinggan seperti bekalan air, eletrik, tandas curah dan lain-lain. Setengah daripada kawasan-kawasan setinggan ini telah dinaikkan tarafnya (upgrade) menjadi kampung-kampung yang lebih maju. Contohnya, Kampung Malaysia Tambahan dan lain-lain.

Mengenai teguran Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain yang menyatakan bahawa terdapat seramai lebih daripada 20,000 setinggan di Wilayah Persekutuan yang tidak memiliki tanah atau rumah, saya sebutkan di sini bahawa Kerajaan memang sedar mengenai masalah yang sedang dihadapi oleh setinggan-setinggan itu. Oleh itu, beberapa tindakan sedang dan akan dambil bagi memperbaiki keadaan ini. Sebanyak $156 juta di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan $300 juta di dalam Rancangan Malaysia Keempat telah-pun diperuntukkan untuk perumahan kos rendah. Jadi jumlah kesemuanya $406 juta.

Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut juga telah menyeru agar Kerajaan dapat menimbangkan supaya diberi hakmilik tanah atau rumah kepada keluarga-keluarga setinggan ini. Mengenai hal ini oleh kerana kebanyakan daripada tanah-tanah kosong di Wilayah Persekutuan telahpun diperuntukkan untuk rancangan-rancangan pembangunan, Kerajaan tidak bercadang memberi hakmilik tanah kepada keluarga-keluarga setinggan. Walau bagaimanapun, di kawasan-kawasan setinggan yang telah dinaik tarafnya menjadi kampung maju seperti di Kampung Malaysia Tambahan hakmilik tanah akan dikeluarkan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat tersebut juga telah menyeru agar Kerajaan mengambil balik tanah lapang di Kuala Lumpur untuk membina rumah kos rendah untuk setinggan. Beliau juga menyatakan bahawa masalah persetingganan berlaku akibat harga rumah serta harga sewa rumah yang begitu tinggi sehingga menyebabkan penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah menduduki tanah Kerajaan secara haram.

Ahli Yang Berhormat itu selanjutnya menggesa agar pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur lebih menggiatkan kegiatan untuk menyelesaikan masalah-masalah setinggi daripada menyediakan tanah-tanah rekreasi seperti Taman Titiwangsa.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan ini adalah ditegaskan bahawa Kerajaan memang berusaha mencari tanah lapang dan kosong yang masih belum mempunyai sebarang rancangan untuk pembangunan untuk didirikan projek-projek perumahan kos rendah.

Perumahan kos rendah ini adalah menjadi projek utama pihak Dewan Bandaraya. Walau bagaimanapun, tanah-tanah kosong di Wilayah Persekutuan sangat terhad, oleh yang demikian Kerajaan juga menggunakan bekas-bekas tanah lombong untuk membina rumah-rumah kos rendah seperti rumah pangsa 4 hingga 5 tinggi di kawasan-kawasan tersebut.

Mengenai masalah setinggan di Wilayah Persekutuan ini, perkara tersebut terjadi disebabkan penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke Kuala Lumpur kerana tarikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat pentadbiran, pusat kewangan dan juga pusat perniagaan. Kerajaan juga sedar bahawa harga rumah-rumah swasta serta harga sewa rumah swasta yang begitu tinggi di Wilayah Persekutuan menyebabkan ramai penduduk-penduduk yang berpendapatan rendah tidak dapat memiliki rumah-rumah sendiri. Jadi untuk mengatasi masalah ini berbagai-bagai rancangan perumahan kos rendah sedang dan akan disediakan untuk mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya menekankan sekali lagi bahawa projek perumahan kos rendah adalah merupakan rancangan utama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, Dewan Bandaraya tidak boleh mengabaikan kehendak penduduk-penduduk Kuala Lumpur di bidang sosial dan rekreasi memandangkan perkembangan serta pembangunan pesat yang sedang berlaku di Kuala Lumpur ini. Tujuan

membina taman-taman rekreasi dan juga projek-projek pengindahan yang lain adalah selaras dengan dasar Dewan Bandaraya untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah bandar dalam taman (garden city).

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dato Haji Ibrahim bin Haji Yaacob mencadangkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur menawarkan kontrak kutipan bayaran letak kereta di Wilayah Persekutuan kepada kontraktor-kontraktor bumiputra sepertimana dilakukan di Pulau Pinang. Buat masa ini Dewan Bandaraya tidak mempunyai sebarang rancangan untuk mengkontrakkan petak-petak keretanya kepada mana-mana kontraktor atau syarikat swasta, ini disebabkan Dewan Bandaraya mempunyai tenaga yang cukup untuk mengendalikan petak-petak kereta tersebut. Sehingga 31hb Disember, 1979 Dewan Bandaraya mempunyai 458 Atenden Meletak Kereta. Selain dari itu kawalan dan jumlah bayaran letak kereta ini ada kaitan dengan dasar sistem lalulintas. Oleh itu adalah difikirkan lebih baik petak-petak letak kereta itu dikawal oleh Dewan Bandaraya sendiri untuk menyenangkan pengubahsuaian dan kawalan lalulintas pada keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Oh Siew Aun telah meminta Kerajaan menjadikan Kuala Lumpur sebagai kota metropolitan atau pusat perdagangan yang sempurna dengan masa yang singkat. Mengenai hal ini Kerajaan memang sedar tentang kedudukan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran, pusat kewangan dan juga pusat perdagang. Oleh yang demikian, Kuala Lumpur sebagai sebuah kota yang sedang pesat membangun memang menjadi tumpuan berbagai-bagai golongan masyarakat, memandangkan bahawa segala aktiviti pentadbiran dan perniagaan adalah berpusat di Kuala Lumpur sebagai ibu negara memang menjadi hasrat Kerajaan untuk menjadikannya sebagai pusat perdagangan bagi dalam dan luar negeri. Oleh yang demikian, bebagai-bagai rancangan seperti kompleks perniagaan serta bank-bank perdagangan adalah digalakkan di Ibu Kota ini. Selain dari itu Kerajaan juga berusaha menyediakan kemudahan perdagangan dengan secukupnya di Ibu Kota ini. Umpamanya baharu-baharu ini Pusat Barangan Kuala Lumpur (Commodity Centre) telahpun dilancarkan di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, sekian ucapan saya bagi menjawab perkara-perkara yang berhubung dengan Kementerian Wilayah Persekutuan yang telah disentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan ini sepanjang perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja dan sekali lagi saya mengucapkan terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

8.35 mlm.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kerana telah menunjukkan minat dengan menyentuh perkara-perkara yang bersabit dengan Kementerian saya, lebih-lebih lagi mengenai perumahan, dalam membahaskan Titah Ucapan Di Raja 1980 di Dewan Negara. Dengan itu, saya bangun untuk memberi penjelasan mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah menanyakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya mengenai harga rumah. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini dengan meningkatnya kos-kos pembinaan seperti harga tanah, bahan-bahan binaan dan tenaga buruh dan pengangkutan sudah pastilah harga-harga jualan terpaksa menjadi lebih tinggi daripada yang dialami pada masa-masa yang lepas. Berasaskan kepada keadaan yang saya sebutkan di atas tadi Kementerian saya tidak bercadang untuk mengenakan apa-apa kawalan ke atas soal harga selaras dengan dasar free enterprise yang diamalkan oleh Kerajaan pada masa ini khasnya dalam bidang perumahan. Namun demikian, Kementerian saya juga sedang merangka strateji-strateji baru yang akan melibatkan kerjasama erat di antara pihak swasta dan sektor awam untuk membina lebih banyak rumah yang boleh menampung keperluan rumah di negara ini.

Ahli Yang Berhormat itu juga dan Yang Berhormat Senator Dr Choo Kooi Fook telah menanyakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian mengenai rumah haram di sekitar Kuala Lumpur. Mengenai hal ini program untuk mengatasi masalah setinggan

di sekitar Kuala Lumpur adalah dirancangkan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan. Peranan Kementerian ini adalah untuk menyelaraskan program-program mengenai setinggan yang dijalankan oleh pihak Wilayah Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri. Langkah-langkah yang sedang dan akan diambil oleh ajensi-ajensi berkenaan pada masa ini ialah termasuk mengindahkan kawasan lapang, terutamanya tanah Kerajaan untuk menghindarkan setinggan daripada menduduki kawasan tersebut. Lain-lain tindakan ialah memperbanyakkan lagi projek rumah awam kos rendah untuk menyediakan rumah bagi mereka yang berpendapatan rendah di mana sebahagian besar daripada setinggan-setinggan adalah daripada golongan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai jawapan kepada perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Haji Fadzil bin Ahmad mengenai kesukaran yang dihadapi oleh bumiputra untuk memiliki rumah, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat bahawa salah satu daripada masalah yang dihadapi oleh bumiputra ialah mengenai harga rumah yang tinggi. Secara amnya kadar harga rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan pada masa ini dapat dikatakan adalah dalam golongan harga yang di luar kemampuan bumiputra untuk memilikinya. Perkara ini lebih jelas di mana kawasan-kawasan perumahan itu terletak di dalam kawasan bandar-bandar yang besar walaupun purata harga rumah-rumah bagi kesemua bandar-bandar adalah agak tinggi jika dibandingkan dengan kemampuan bumiputra. Lagi pun pemaju-pemaju perumahan swasta pada amnya membina rumah-rumah jenis mahal lebih banyak bilangannya daripada rumah-rumah yang berharga rendah dan dengan demikian bekalan rumah-rumah dalam lingkungan harga yang rendah adalah sangat berkurangan.

Kerajaan memang menyedari hakikat ini dan sebagai mempastikan supaya bilangan jumlah rumah-rumah yang dibina oleh pemaju-pemaju perumahan dijual kepada bumiputra Kerajaan-kerajaan Negeri ada mengenakan syarat-syarat bahawa sekurang-kurangnya 30% rumah-rumah ini hendaklah dijualkan kepada bumiputra. Walaupun ada peruntukan demikian quota minima ini nampaknya tidak juga dapat dipenuhkan disebabkan harga jualannya yang tinggi. Dengan sebab itu, Kementerian saya telah membuat kajian mengenai perkara ini dan beberapa cadangan telah dikemukakan untuk pertimbangan di dalam Rancangan Malaysia Keempat.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai gesaan Yang Berhormat Tuan Haji Latip bin Haji Dris supaya Kementerian mengambil alih perkhidmatan bomba di Kuching, Sarawak, inginlah saya memaklumkan bahawa perkara pengambilan alih perkhidmatan bomba di negeri Sarawak oleh Kerajaan Persekutuan adalah sedang di dalam tindakan, sungguhpun begitu proses pengambilan alih ini terpaksalah memakan masa sedikit kerana ia harus diuruskan bersekali dengan perkara-perkara lain yang bersangkutan dalam ulangkaji Inter-Governmental Committee (IGC). Jemaah Menteri telahpun meluluskan pada prinsipnya pengambilan alih ini dan telah mengarahkan supaya perkara pengambilan alih ini dibuat bersekali dengan perkara-perkara yang bersangkutan dengan ulangkaji IGC. Barangkali Jabatan Perdana Menteri akan membawa bersama perkara yang bersangkutan dengan ulangkaji IGC ke Parlimen yang akan datang.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Choo Ching Hwa supaya mengubahsuaikan undang-undang mengenai kepadatan (density) perumahan, misalnya bagi projek-projek rumah pangsa, kalau dahulunya mengikut sistem British hanya 8 unit seekar hendaklah ditambah kepada 80 unit seekar. Ini Kementerian saya akan memberi perhatian yang berat dalam perkara itu.

Yang Berhormat Tuan Abdul Razak bin Abu Samah telah menimbulkan beberapa perkara. Pertama, menyokong penubuhan Majlis Perundingan Perumahan Negara. Kementerian saya mengucapkan terima kasih atas sokongan itu. Kedua, meminta pihak Kementerian menyekat kenaikan harga barang-barang binaan dan kenaikan harga rumah umumnya sekarang ini. Ketiga, nama-nama taman kemajuan perumahan hendaklah diselaraskan. Sebagaimana saya telah katakan tadi Kementerian saya tidak bercadang untuk mengenakan apa-apa kawalan dan menyekat ke atas harga oleh kerana negara kita ini dalam segi perniagaan free enterprise. Nama-nama taman di kemajuan perumahan hendaklah diselaraskan, Kementerian saya telahpun mengambil langkah iaitu sebelum memberi lesen kepada pemaju-pemaju perumahan dan memberi permit iklan maka ini juga kita hendaklah ketahui bahawa nama-nama

taman di skim perumahan itu hendaklah bercorak kebangsaan sebelum mengeluarkan permit iklan dan lesen.

Yang Berhormat Tuan Ismail bin Hashim telah berkata pada masa ini belum ada dasar perumahan. Untuk menjawab soal yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat itu saya minta supaya beliau membuka manifesto Barisan Nasional dan dalam manifesto itu dapatlah diketahui, itulah dasarnya yang hendak dilaksanakan oleh Kerajaan kita pada masa ini dan dasar-dasar yang tertentu tidaklah dapat saya jelaskan atau mengatakan dalam Dewan yang mulia ini.

Kedua, sebagaimana Yang Berhormat minta Kementerian mengambil 70% peranan pembinaan rumah di negara ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi menjelaskan perkara ini di dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, keseluruhan pembangunan rumah sektor awam dan sektor swasta ialah sebanyak 553,000 unit dan 44% dilaksanakan oleh sektor awam dan 56% dilaksanakan oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga, Kementerian saya telah diberi peruntukan wang untuk diberikan kepada Kerajaan Negeri dan hendaklah dibina rumah awam kos rendah sebanyak 73,506 unit dalam perancangan Rancangan Malaysia Keempat dan Kementerian saya telah merancangkan, iaitu sebanyak 170,000 unit rumah awam kos rendah yang ianya akan menambah lagi rumah-rumah awam kos rendah di dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Memang menjadi perhatian yang berat oleh Kementerian saya supaya meminta pihak swasta mendirikan rumah-rumah yang sesuai mengikut kehendak rakyat.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menyentuh mengenai dengan Housing Board. Kementerian saya belum lagi ada cadangan untuk mewujudkan Housing Board, namun demikian Kementerian saya telah juga ada Jabatan Perumahan Negara bagi melaksanakan rancangan rumah awam kos rendah. Rancangan ini ada dengan teknikal dan sebagainya dan juga rancangan ini diberi, subsidi, itulah sebab harga rumah kalau hendak dikira tidak dapat kita jual dengan harga yang mana dibuat atau didirikan oleh Jabatan Perumahan Negara.

Yang Berhormat Tuan S. Subramaniam telah menyarankan mengenai dengan minta mengkaji semula kos-kos rumah ini. Kementerian saya dalam masalah ini ada dua rancangan, iaitu dinamakan rumah awam kos rendah (low-cost-housing) dan rumah harga rendah (low price). Rumah awam kos rendah ini berharga $11,000 ke bawah yang dilaksanakan oleh sektor awam dan rumah yang berharga $20,000 hingga $25,000 adalah dilaksanakan oleh pemaju-pemaju perumahan, rumah ini dinamkan rumah harga rendah (low price). Oleh yang demikian, harga-harga rumah ini yang hendak diminta oleh Yang Berhormat ini supaya dinaikkan, iaitu daripada $20,000 bagi memudahkan untuk mendapat pinjaman dan sebagainya, ini ada dalam kajian Kementerian saya tetapi tidaklah hendak dinaikkan sehingga $30,000 tetapi ada kemungkinan harga ini akan dinaikkan sehingga $25,000 bagi satu unit yang dimajukan oleh pemaju-pemaju perumahan.

Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih atas pandangan dan syor-syor yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan ianya akan diselidiki oleh Kementerian saya. Semoga ulasan-ulasan yang saya kemukakan tadi memberikan gambaran yang jelas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

8.47 mlm.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu suka saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh sedikit sebanyak mengenai perkara-perkara di bawah Kementerian saya di sepanjang perbahasan ini atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Sepertimana yang Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda di dalam Titah Ucapan Baginda semasa merasmikan mesyuarat Dewan yang mulia ini ada menyentuh soal tenaga. Tidak dapat dinafikan bahawa masalah tenaga adalah merupakan satu masalah seluruh dunia. Di Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, seperti di negara-negara

yang lain, suka tidak suka terpaksa mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan pengantungan ke atas bahan-bahan petroleum terutama di dalam penjanaan kuasa elektrik, dengan menggunakan sumber-sumber tenaga alternatif yang terdapat di negara ini, seperti mengeskplotasi serta memajukan kuasa hidro, penggunaan gas asli cair, penggunaan arang batu, penggunaan tenaga suria dan sebagainya.

Dalam hal ini, Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyatakan bahawa pinjaman tenaga elektrik dari bahan petroleum dijangka akan dapat dikurangkan daripada 80.4% di akhir tempoh Rancangan Malaysia Ketiga kepada 64.1% di akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Dalam Rancangan Malaysia Keempat beberapa projek penjanaan kuasa elektrik yang menggunakan kuasa hidro termasuk mini hidro serta gas asli cair telah dirancangkan. Tuan Yang di-Pertua, di antara projek-projek ini ialah projek hidro Bersia dan Kenering di Negeri Perak dan projek hidro elektrik Kenyir di Negeri Trengganu. Projek Hidro Bersia yang dijangka siap pada Ogos, 1983 akan mempunyai keupayaan sebanyak 72MW. Projek Kenering pula yang dijangka siap pada bulan Februari, 1984 akan berkeupayaan 120MW. Manakala projek Kenyir pula dijangka siap dalam dua peringkat, pertama dijangka siap pada bulan Februari, 1984 sementara peringkat kedua dijangka siap pada bulan Ogos, 1984. Peringkat Pertama akan menjana 100MW dan peringkat kedua sebanyak 300MW menjadikan jumlah keupayaan sebanyak 400MW.

Mengenai penggunaan gas asli, Tuan Yang di-Pertua, perancangan yang telah dibuat menunjukkan bahawa gas asli ini akan dapat disalurkan ke Pantai Trengganu pada tahun 1984. Oleh yang demikian sebuah stesyen jana elektrik berloji kitar berkeupayaan maksima sebanyak 900 MW telah dirancangkan untuk didirikan di Paka, Trengganu. Peringkat pertama yang mengandungi 4 yunit turbine gas dijangka siap pada tahun 1984 dengan berkeupayaan 450MW. Mengenai penggunaan arang batu pula, setakat ini kajian-kajian permulaan telah dijalankan, tetapi telah didapati bahawa mutu arang batu yang terdapat dalam negara kita adalah sangat rendah. Walau bagaimanapun, kajian-kajian seterusnya akan dilaksanakan termasuk kajian di atas kemungkinan mengimpot batu arang dari luar negeri. Mengenai tenaga suria pula, Kementerian saya sedang mengkaji penggunaan sistem ini. Beberapa buah negara sudahpun menggunakan sumber tenaga suria untuk memasak air panas bagi kegunaan di rumah-rumah. Saya kira penggunaan sumber ini boleh diperluaskan dalam negara kita walaupun pada masa ini kegunaannya terbatas dan tidak termasuk soal menjana elektrik secara yang ekonomik.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa mengkaji prestasi serta mutu perkhidmatan semua Jabatan dan ajensi di bawahnya supaya dapat menjalankan tanggungjawab masing-masing sebagaimana yang diharapkan oleh orang ramai. Perkhidmatan-perkhidmatan telekom dan pos serta bekalan elektrik akan diperbesar dan diperbaiki dari masa ke semasa. Dalam hal ini beberapa langkah telahpun diambil baru-baru ini antaranya ialah, penyusunan semula Jabatan Telekom pada akhir tahun yang lepas di mana tenaga manusia di peringkat perlaksanaan telah diperkukuhkan. Di samping itu peranan sektor swasta telah juga diperluaskan khususnya dalam membantu Jabatan Telekom menyediakan rangkaian kebel untuk pelanggan-pelanggan.

Berkenaan dengan masalah pengambilan berlebihan yang telah berlaku dari masa ke semasa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad, suka saya menyatakan bahawa baru-baru ini alat-alat "Call Charge Verification" telahpun dipasang di beberapa buah pusat utama untuk mengesan aduan-aduan mengenai bacaan meter dengan secara otomatik. Dengan terlaksananya sistem baru ini pelanggan-pelanggan yang membuat aduan boleh dihubungkan dengan alat ini dan seterusnya senarai nombor-nombor yang dipanggil olehnya boleh digunakan untuk menyelesaikan aduan-aduan mereka.

Di samping itu, Jabatan Telekom sedang melaksanakan beberapa projek utama dengan tujuan untuk memperbaiki lagi perkhidmatan telefon di peringkat kebangsaan dan peringkat antarabangsa. Di antara projek-projek ini ialah penyewaan sistem satelit PALAPA untuk memperbaiki mutu perkhidmatan telekommunikasi termasuk saluran TV di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, dan projek Kebel Dasar Laut Komanwel Lautan Hindi (IOCOM) di antara Pulau Pinang dan Madras dengan tujuan untuk meninggikan lagi mutu telekommunikasi antarabangsa.

Berkenaan dengan perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator K. Kumaran, suka saya memaklumkan bahawa buat masa ini hampir semua ladang-ladang di negara ada kemudahan telefon walaupun ia dimaksudkan untuk pihak pengurusan. Di samping itu, setakat ini terdapat sebanyak lebih kurang 70 buah telefon awam di ladang-ladang di seluruh Semenanjung Malaysia, ini tidak termasuk pondok-pondok telefon yang terdapat di kawasan-kawasan luar bandar dan pekan-pekan kecil yang berhampiran dengan ladang-ladang. Masalah yang timbul ialah kesukaran penyenggaraan perkhidmatan telefon ke ladang-ladang oleh kerana talian-talian atas ke ladang-ladang selalu ditimpa oleh dahan-dahan dan pokok. Untuk mengatasi masalah ini Jabatan Telekom sedang mengkaji kemungkinan menggunakan hubungan radio VHF untuk tempat-tempat yang terpencil.

Tuan Yang di-Pertua, pihak LLN memandang berat terhadap masalah gangguan bekalan elektrik. Selain daripada mempastikan bahawa pengeluaran tenaga elektrik dapat menampung kadar permintaan negara dengan pembinaan stesyen-stesyen jana elektrik baru seperti di Pasir Gudang serta Pelabuhan Klang dan menambahkan keupayaan di stesyen jana elektrik di Perai, LLN akan juga mengambil langkah untuk membesarkan pencawang-pencawang masuk utama dan memperkukuhkan sistem pembahagian elektrik di seluruh negara. Namun demikian, kadangkala gangguan bekalan elektrik boleh berlaku jika sistem pembahagian dipanah petir ataupun kebel-kebel terputus ditimpa pokok atau sebagainya. Setiap kali sebarang gangguan berlaku pihak LLN memang berusaha seberapa yang boleh untuk memulihkan bekalan dengan kadar yang segera.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyatakan bahawa sering terdapat alat-alat elektrik yang pecah dan meletup, di sini sukalah saya menjelaskan bahawa kenyataan ini kurang tepat. Hanya peristiwa yang berlaku di Bukit Raja dekat Kelang sahaja yang boleh dianggap sebagai suatu pemasangan elektrik yang meletup. Penyiasatan untuk mempastikan sebab-sebab pencawang elektrik ini telah meletup masih dijalankan dan satu laporan yang lengkap akan dikemukakan sebaik sahaja penyiasatan ini selesai. Langkah-langkah keselamatan akan diperkukuhkan di pencawang-pencawang elektrik supaya sebarang kebakaran yang berlaku dapat dikesah dengan lebih cepat lagi.

Bekalan elektrik ke seluruh negara akan diperluaskan berperingkat-peringkat supaya matlamat Kerajaan untuk meningkatkan lagi mutu kehidupan rakyat akan tercapai. Keutamaan yang tinggi sentiasa diberi oleh Kerajaan terhadap memberi bekalan elektrik ke kawasan luar bandar. Dari segi perangkaan untuk menunjukkan prestasi rancangan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar, pada tahun 1977, sebanyak 44% daripada rumah-rumah di kawasan luar bandar telah menikmati bekalan elektrik dan jumlah ini dijangka bertambah kepada tahap 55% pada akhir tahun ini. Dalam tahun-tahun akan datang, banyak lagi kampung-kampung akan menerima bekalan elektrik, termasuk kampung-kampung pendalaman dan terpencil dan rancangan-rancangan FELDA juga akan diberi perhatian.

Di samping itu kawasan-kawasan setinggan di Wilayah Persekutuan tidak ketinggalan dan untuk tahun ini satu peruntukan sebanyak $3 juta akan dibelanjakan untuk memberi kemudahan elektrik kepada kawasan-kawasan ini.

Pada akhirnya, saya ingin menyatakan bahawa segala isi kandungan ucapan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos akan diberi perhatian dan pertimbangan yang sewajarnya. Sekian. Terima kasih.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat)*

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

8.57 mlm.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin bagi pihak Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat yang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh serba sedikit mengenai aktiviti Kementerian itu semasa perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja, 1980 di Dewan yang mulia ini. Di sini izinkan saya membuat serba sedikit ulasan mengenai perkara yang dibangkitkan.

Yang Berhormat Senator K. Kumaran telah membangkitkan soal peruntukan-peruntukan yang tertentu yang mana ada terkandung di dalam Akta (Piawaian Minima Perumahan) Pekerja, 1966, yang mana menurut beliau adalah tidak sesuai dengan keadaan hidup sekarang.

Sukacita saya memaklumkan bahawa Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat adalah sedar dan memandang berat akan keadaan rumah-rumah pekerja yang disediakan oleh pihak majikan-majikan ladang dan lombong. Kementerian ini sedang mengkaji semula piawaian-piawaian yang diperuntukkan di dalam Undang-undang ini dengan tujuan untuk meningkat lagi piawaian-piawaian tersebut. Adalah diharapkan bahawa kajian semula ini dapat menghasilkan pindaan-pindaan kepada Akta tersebut yang akan menentukan satu-satu pendekatan dan piawaian-piawaian yang lebih sesuai dalam mengatasi kekurangan-kekurangan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pengkajian semula yang dibuat ini adalah sebahagian daripada tinjaun comprehensif terhadap Undang-undang Buruh yang dijalankan oleh Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat pada masa ini.

Yang Berhormat Senator Haji Ariffin bin Haji Salleh telah pula membangkitkan perkara lebih ramai gadis-gadis diambil bekerja di kilang-kilang dan mengakibatkan pengangguran yang berterusan di kalangan kaum laki-laki. Adalah benar bahawa di kilang-kilang elektronik dan tekstail ramai pekerja-pekerja perempuan diambil tetapi ada juga banyak kilang-kilang seperti kilang kejuruteraan dan sektor-sektor perkilangan yang berat, yang mengujudkan lebih banyak peluang pekerjaan untuk kaum laki-laki. Dengan itulah kita telah dapat mengurangkan kadar pengangguran di negara kita kepada 6.1% sahaja jika dibandingkan dengan lebih daripada 7% pada permulaan Rancangan Malaysia Ketiga. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pertanian.

9.02 mlm.

Timbalan Menteri Pertanian (Datuk Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh perkara-perkara yang berkaitan dengan Kementerian Pertanian. Segala teguran dan cadangan-cadangan dan pertimbangan yang sewajarnya.

Oleh sebab hampir semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini telah menyentuh perkara-perkara yang berhubung dengan Kementerian Pertanian yang pada keseluruhan menitikberatkan soal meninggikan taraf hidup petani-petani dan penduduk-penduduk luar bandar dan untuk menjimatkan masa saya memohon maaf tidak dapat menyebut nama Ahli-ahli Yang Berhormat itu satu persatu dan saya hanya akan menyentuh, menghuraikan perkara-perkara yang ditimbulkan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjelaskan usaha-usaha Kementerian saya di dalam meninggikan taraf hidup petani-petani khususnya masyarakat luar bandar. Salah satu daripada matlamat Kementerian Pertanian ialah untuk meninggikan pendapatan kaum petani di samping menambahkan pengeluaran bahan-bahan makanan yang mencukupi untuk keperluan negara. Di dalam usaha untuk meninggikan pendapatan kaum tani ini salah satu rancangan yang telah dan sedang diusahakan ialah mempelbagaikan kegiatan para petani supaya kaum petani tidak hanya bergantung kepada satu jenis tanaman atau hanya kepada satu sumber mata pencarian sahaja. Di dalam usaha ini Kementerian saya telahpun memperkenalkan sistem mempelbagaikan kegiatan seperti tanaman sampingan kelapa dengan koko ataupun kelapa dan kopi ataupun dengan cara menambahkan pencarian yang lain seperti ternakan ayam, itek dan ternakan ikan air tawar dan lain-lain yang mana telah dapat memberi pendapatan yang lebih dan bertambah kepada petani-petani.

Satu lagi projek yang dijalankan oleh Kementerian ini di dalam meninggikan pendapatan kaum tani ialah di dalam bidang perternakan. Projek pengumpulan susu yang dilancarkan pada tahun 1974 yang lalu bertujuan untuk memajukan industri ternakan di negara ini dengan cara yang lebih sistematik. Melalui rancangan ini satu Pusat Pengumpulan Susu akan mengendalikan seramai 500 orang peserta yang telah diberi subsidi di dalam skim bantuan lembu. Melalui Pusat Pengumpulan Susu ini

penternak-penternak akan disediakan dengan perkhidmatan-perkhidmatan perkembangan termasuklah rancangan-rancangan permanian beradas, bantuan-bantuan kredit, makanan ternakan, perkhidmatan nasihat dan pertolongan mencari pasaran kepada hasil susu ternakan mereka. Adalah dijangkakan tiap-tiap seorang penternak akan menerima pendapatan tambahan dari sumber pertambahan ini sekurang-kurangnya $250 sebulan. Buat masa ini sebanyak 16 buah Pusat Pengumpulan Susu telahpun menjalankan operasinya dan 8 buah Pusat lagi sedang dalam peringkat perlaksanaan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dari 16 buah Pusat Pengumpulan Susu tersebut sejumlah kira-kira 1,700 gelen susu telah dihasilkan pada tiap-tiap hari. Penternak-penternak di rancangan ini juga diberi latihan Institut Haiwan Kluang. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sejumlah $8.75 juta telah diperuntukkan bagi rancangan ini untuk mendirikan sebanyak 28 buah Pusat Pengumpulan Susu. Rancangan ini akan terus dimajukan lagi di dalam Rancangan Malaysia Keempat yang sudah tentunya memberi manfaat kepada penternak-penternak dan penduduk-penduduk luar bandar.

Di bidang ternakan ikan pula, petani-petani digalakkan menternak ikan air tawar samada ternakan di dalam kolam atau di dalam sangkar, di samping memberi pendapatan tambahan, rancangan ini juga telah mengurangkan penggunaan tanah-tanah yang terbiar, seperti yang banyak ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Skim subsidi input bahan-bahan pembinaan kolam ikan telah berjaya menarik minat kaum tani untuk menceborkan diri di dalam bidang ternakan ikan air tawar ini. Buktinya pada tahun 1970 yang lalu terdapat 6,740 buah kolam telah dibina dan pada tahun 1979 jumlah kolam yang dibina bertambah menjadi 12,078 buah. Ternakan ikan secara sangkar dan secara di-tepi pantai juga telah kian meningkat maju. Hasil dari rancangan ini adalah dianggarkan seorang petani akan mendapat pendapatan tambahan sebanyak $1,840 setahun dari satu kolam yang luasnya satu ekar. Bagi ternakan dalam sangkar seorang penternak yang mengusahakan satu unit sangkar boleh mendapatkan pendapatan kasar $4,200 setahun dan hasil purata ialah kira-kira $3,000 setahun.

Tuan Yang di-Pertua, di bidang pertanian pula, Kementerian Pertanian sedang mempergiatkan tanaman sampingan yang akan mendapatkan pendapatan tambahan kepada pekebun-pekebun kecil. Rancangan subsidi input dan mempelbagaikan tanaman sedang dijalankan oleh Bahagian Pertanian di mana objektifnya antara lain ialah untuk menggalakkan petani menambahkan sumber pendapatan mereka dengan cara mempelbagaikan tanaman. Salah satu dari usaha Kerajaan ialah untuk tanaman selingan kelapa dengan koko atau kelapa dengan kopi telah disambut baik oleh para petani. Hasil dari tanaman kelapa dan koko, para petani yang telah menerima subsidi daripada Kerajaan telah mendapat pendapatan yang tinggi. Seorang petani boleh mendapat dari hasil satu ekar kawasan kelapa dengan hasil biji koko ialah sebanyak $1,565 seekar, manakala kelapa dan kopi mendapat pendapatannya adalah dianggarkan kira-kira $910 seekar.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi masalah pemasaran pula pihak FAMA sedang menubuhkan Pusat Pemasaran Hasil-hasil Pertanian bertujuan untuk menjamin pemasaran hasil-hasil pertanian bagi petani-petani dan menjalankan aktiviti-aktiviti jual beli hasil usaha petani-petani tersebut. Buat masa ini sebanyak 3 Pusat Pemasaran telah ditubuhkan di Tanjong Karang, Parit Raja dan Tangkak. Di bawah Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 18 buah Pusat yang serupa ini akan ditubuhkan. Tiap-tiap Pusat ini akan menyediakan berbagai kemudahan memproses, gerai-gerai, stor dan pengangkutan termasuklah bilik sejuk untuk menyimpan hasil-hasil tanaman. Di bawah projek bilik sejuk ini sejumlah $20 juta telah diperuntukkan untuk membina sebanyak 20 bilik-bilik sejuk dengan muatan 10 tan tiap-tiap satu yang akan dibina di kawasan luar bandar dan di bandar-bandar kecil. Sebanyak 5 buah bilik sejuk dengan muatan yang lebih besar iaitu 50 tan akan dibina di pusat-pusat pengedaran utama seperti Kuala Lumpur, Ipoh, Johor Bahru dan Bukit Mertajam. Dijangkakan projek ini akan siap pada tahun 1980, yang akan dapat memberi kemudahan untuk menyimpan hasil-hasil pertanian yang tidak tahan lama dalam usaha-usaha untuk menstabilkan harganya dan meluaskan lagi pasaran bahan-bahan pertanian ini. Kementerian saya juga bercadang untuk meneruskan projek ini di bawah Rancangan Malaysia Keempat dan akan diperluaskan ke Sabah dan Sarawak, seperti yang disuarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dari Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah menjadi tugas dan objektif Kementerian Pertanian untuk mengguna dan memajukan sepenuhnya tanah-tanah yang sedia ada dan memulihkan semula tanah-tanah yang terbiar. Dalam mencapai matlamat ini Kementerian saya menggunakan strategi Pembangunan Kawasan yang memberi tumpuan perancangan dan perlaksanaan projek-projek kepada sesuatu kawasan pertanian yang sedia ada, secara yang disatukan dengan menyediakan perkhidmatan, kemudahan dan infrastruktur yang diperlukan bagi memajukan segala aktiviti-aktiviti pertanian secara menyeluruh. Strategi ini mementingkan integrasi dan kordinasi berbagai Jabatan dan agensi yang menyumbangkan perkhidmatan pertanian di dalam sesuatu kawasan pembangunan. Strategi ini akan berjalan melalui satu konsep yang dinamakan konsep "Geraktani". Pada masa ini rancangan Geraktani sedang berjalan dengan sepenuhnya di 11 kawasan pertanian di seluruh negara di mana pegawai Penyelaras Geraktani telah dilantik secara tetap. Pegawai-pegawai ini adalah merupakan Pegawai Kementerian Pertanian yang berkhidmat khas untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan Kementerian Pertanian di peringkat ladang.

Tuan Yang di-Pertua, projek-projek pembangunan kawasan, seperti yang dilaksanakan sekarang sedang menunjukkan petanda baik ke arah mencapai matlamat Kerajaan dalam membasmi kemiskinan dan projek-projek itu juga ada menunjukkan kesan-kesan permulaan bagi mencapai matlamat kerajaan untuk menyusun semula masyarakat tani. Kementerian Pertanian juga akan mempastikan bahawa sebahagian besar pulangan daripada pengeluaran sesuatu kawasan projek itu digunakan untuk memajukan kawasan itu sendiri juga. Dalam hubungan ini pelaburan dan kegiatan-kegiatan perindustrian yang berdasarkan pertanian akan dimajukan dengan lebih pesat lagi.

Memandangkan kepada kejayaan yang telah dicapai dalam projek-projek yang awal, Kementerian Pertanian akan meneruskan rancangan ini yang akan meliputi kawasan-kawasan pertanian yang ada, melalui kerjasama Kerajaan-kerajaan Negeri iaitu di kawasan Pahang Barat, Negeri Sembilan Timur, Balik Pulau/Seberang Prai, Trengganu Hilir, Melaka Endau/Rompin, Lembah Negeri Kedah, Seberang Perak, Tumboh Block di Perak, Semerah Kemasin dan Lembah Pergau di Kelantan dan Perak Utara. Kawasan-kawasan ini dipilih kerana mempunyai potensi sebagai kawasan pertanian yang penting, pada masa-masa yang lampau pembangunan pertanian telah tidak dijalankan dengan secara menyeluruh. Melalui rancangan pembangunan kawasan ini usaha juga sedang dijalankan untuk memulihkan tanah-tanah terbiar yang dianggarkan seluas 1.8 juta ekar di seluruh negara. Langkah-langkah sedang diambil untuk mengkaji sebab-sebab atau kelemahan yang mengakibatkan tanah-tanah itu terbiar dan tidak diusahakan untuk kegunaan pertanian.

Adalah diharapkan untuk kejayaan projek-projek tersebut akan memerlukan kerjasama dari segenap lapisan masyarakat dan saya menyeru dan merayu agar semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian memberi sokongan sepenuhnya. Dari projek-projek pembangunan tersebut adalah diharapkan agar objektif Dasar Ekonomi Baru dalam sektor pertanian akan terlaksana dengan jayanya.

Tuan Yang di-Pertua, kerjasama yang utama yang dipohon dari Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian ialah supaya menyuarakan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan petani secara tepat dan membina. Janganlah sekali-kali kita membesar-besarkan perasaan tidak puas hati petani-petani yang artificial yang boleh menjejaskan perancangan dan perlaksanaan sesuatu program pertanian. Banyak terdapat suara-suara tidak puas hati dan kecaman-kecaman yang kononnya datang dari petani-petani tetapi yang sebenarnya dihasut dan dilahirkan oleh anasir-anasir yang tidak diingini yang mempunyai tujuan-tujuan tertentu disebaliknya.

Skim subsidi baja padi umpamanya telah dikatakan tidak berfaedah dan tidak memberi kebajikan kepada rakyat. Baja-baja yang diberi kepada petani-petani dikatakan tidak bermutu dan bercampur pasir sehingga seolah-olah pada gambaran umumnya menunjukkan peruntukan $100 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan untuk membantu petani-petani itu merupakan suatu perbuatan yang membazir dan sia-sia. Tetapi apakala penyiasatan dijalankan didapati tuduhan-tuduhan itu tidaklah semuanya betul. Ramai petani-petani yang berterima kasih kerana pendapatan padi mereka telah bertambah selepas mereka mendapat baja subsidi dan mereka menggunakan baja ini dengan sebetulnya.

Tuan Yang di-Pertua, kita boleh bersuara kerana kita bertanggungjawab untuk menyuarakan masalah dan pandangan, tetapi janganlah kita termakan umpan yang dihulurkan oleh parti-parti Pembangkang sehingga kita termasuk perangkap mereka dan ini boleh menjejaskan usaha kita untuk mencapai matlamat kita membasmi kemiskinan, meninggikan taraf hidup petani-petani dan mengeluarkan bahan-bahan makanan yang mencukupi untuk keperluan negara.

Saya akhiri ucapan saya dengan sekali lagi menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Yang Berhormat Senator-senator yang telah dengan tulus ikhlas memberi pandangan-pandangan yang sangat berguna dan semua pandangan-pandangan dan syor-syor itu akan diberi perhatian berat dan akan diambil tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

9.18 mlm.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, dalam masa perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja ada beberapa perkara berhubung dengan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telahpun ditimbulkan oleh beberapa Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih.

Yang Berhormat Puan Rahmah Othman telah menyentuh tentang kesukaran pertubuhan-pertubuhan belia mendapatkan bantuan kewangan. Perkara ini berlaku kerana Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan mahu mempastikan bantuan yang diberi itu adalah benar-benar digunakan untuk projek-projek tertentu dan bukan untuk perkara-perkara lain.

Mengenai latihan belia-belia, suka saya menyatakan bahawa jenis-jenis kursus yang dijalankan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan adalah berasaskan kepada peluang-peluang pekerjaan yang wujud di industri-industri awam dan swasta. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hampir semua daripada belia-belia lepasan Pusat Latihan Belia, Dusun Tua dapat ditempatkan dalam pekerjaan-pekerjaan. Latihan-latihan yang dijalankan juga termasuklah latihan motivasi yang berunsurkan ugama.

Dalam pada itu mereka bukan sahaja digalakkan untuk bekerja sendiri tetapi juga diberikan segala bimbingan untuk berbuat demikian.

Mengenai cadangan untuk mendirikan lebih banyak lagi Pusat-pusat Latihan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telahpun menubuhkan satu lagi pusat latihan di pantai timur yang ditempatkan di Kuala Trengganu dan penubuhan satu lagi pusat latihan sedang dirancangkan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad untuk mencampurkan belia-belia bumiputra dengan belia bukan bumiputra dalam kursus-kursus perniagaan, suka saya menyatakan bahawa Kementerian saya memang berbuat demikian dalam kursus-kursus perniagaan yang dianjurkan oleh Kementerian saya.

Menyentuh cadangan Yang Berhormat Tuan Abdullah Salleh supaya diadakan Akta Belia Negara, suka saya memaklumkan bahawa Kementerian saya tidak bercadang berbuat demikian. Untuk makluman Yang Berhormat itu penyelarasan ke atas keseluruhan aktiviti-aktiviti pertubuhan belia pada masa ini dibuat melalui Majlis Belia Malaysia (MBM) dengan kerjasama Kementerian saya. Majlis ini adalah sebuah badan kebangsaan yang mengabungkan hampir kesemua pertubuhan-pertubuhan belia ini di tanahair.

Di samping itu Kementerian saya juga telah menubuhkan sebuah Majlis Perundingan Belia Negara yang mempunyai peranan untuk membincangkan segala masalah-masalah belia di samping menasihatkan Kerajaan dalam hal ehwal yang berhubung dengan gerakan belia secara am.

Di samping itu sukacita saya memaklumkan di sini bahawa Kementerian saya bersama-sama dengan Majlis Belia Malaysia sedang menggubal satu dasar belia negara bagi mengemaskinikan satu strategi dalam

perancangan dan perlaksanaan program-program pembangunan belia. Semoga dasar tersebut nanti akan dijadikan panduan dan asas kepada segala tindakan yang akan dijalankan oleh pertubuhan-pertubuhan belia sendiri.

Saya tertarik hati dengan cadangan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Abdul Razak Husain berhubung dengan pertubuhan sebuah Institusi Sukan. Untuk makluman Yang Berhormat itu sebenarnya Kementerian saya sedang merancangkan penubuhan sebuah institusi tersebut. Kebetulannya Kementerian diberi peruntukan awal sebanyak $7.8 juta untuk memulakan kerja-kerja menyediakan tapak dan kemudahan asas institusi tersebut seperti asrama, bangunan pentadbiran yang mempunyai bilik-bilik kuliah dan sebuah velodrome, stadium kecil hockey, padang-padang terbuka dan lain-lain kemudahan sukan.

Demikianlah jawapan yang dapat saya berikan dan sekali lagi diucapkan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

9.25 mlm.

Menteri Pertahanan (Datuk Amar Haji Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara yang menyentuh Kementerian Pertahanan dan telahpun mengemukakan teguran-teguran serta cadangan-cadangan. Saya ambilkan cadangan-cadangan dan teguran-teguran itu sebagai hasrat daripada Ahli-ahli Yang Berhormat ingin membantu Kementerian saya supaya dapat mencapai matlamat yang menjadi tugasnya untuk dijalankan.

Pertama, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad Arshad telah menyentuh tentang kedudukan politik antarabangsa di rantau Asia ini terutama sekali pada masa yang dianggap oleh beliau sebagai kurang menyenangkan. Oleh sebab itu beliau telah mencadangkan supaya diadakan kerjasama di wilayah (regional cooperation) dengan negara-negara lain seperti Australia dan New Zealand. Di sini ingin saya menyatakan bahawa kita telahpun ada kerjasama seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu di bawah Peraturan Pertahanan Lima Negara iaitu New Zealand, Australia, United Kingdom, Singapura dan Malaysia. Mengikut peraturan tersebut, sekiranya berlaku sebarang serangan bersenjata dari luar maka perundingan (consultation) di antara pemimpin-pemimpin 5 negara ataupun Peraturan ini akan diadakan bagi menentukan langkah-langkah ataupun tindakan-tindakan yang difikirkan sesuai baikpun langkah-langkah yang boleh dijalankan bersendirian ataupun bersama-sama.

Berkenaan dengan bantuan subsidi dalam bentuk senjata daripada Super Powers seperti Amerika Syarikat, kita masih lagi bersendirian bahawa tidaklah perlu bagi kita menjadi terikat kepada satu kuasa besar untuk mendapatkan senjata. Kita mestilah cuba untuk berpegang kepada konsep neutrality yang juga menjadi satu strategi bagi kita menjauhkan kemungkinan negara-negara di rantau ini terbabit dalam perlawanan ataupun pergaduhan di antara Super Powers.

Syukur kepada Allah subhanahu wa taala sekarang ini kita boleh membeli semua senjata yang kita kehendaki dan oleh sebab itu saya rasa kita bolehlah menggunakan keupayaan kita ini sebaik-baiknya. Cadangan agar kita sendiri hendaklah menyediakan diri dalam menghadapi keadaan pada masa ini tentulah saya terima dengan penuh persetujuan. Saya memberi di sini sekali lagi satu jaminan bahawa Angkatan Tentera kita telahpun diperhebatkan dan telahpun ditentukan supaya dapat terus boleh menghadapi apa jua ancaman yang kita boleh ramalkan dari masa ke semasa baikpun ancaman dari dalam negara ataupun dari luar. Tentera kita adalah sentiasa dilatih dan dilengkapkan supaya bersedia dengan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya untuk mengawal keutuhan dan kedaulatan negara. Dari masa ke semasa kekuatan Angkatan Tentera kita dikaji dan dipertingkatkan untuk memenuhi kehendak rancangan-rancangan pertahanan yang kita bentuk dari

masa ke semasa memandangkan kemungkinan yang kita terpaksa menghadapi dari masa ke semasa.

Yang Berhormat Senator Dato' Ibrahim Yaakub telahpun mencadangkan supaya tiap-tiap Kor Rejimen Tentera Darat mempunyai lencana masing-masing yang akan memudahkannya dikenali seperti yang diamalkan oleh Angkatan Tentera British.

Memang disuatu masa dahulu tiap-tiap Kor Rejimen Tentera Darat mempunyai lencana masing-masing iaitu dalam bentuk lencana ditopi dan di bahu sepertimana yang diwarisi daripada Tentera British dahulu. Perkara ini telahpun disemak dan difikir sedalam-dalam dan hasil daripada semakan ini telahpun diubah-suai oleh Jawatankuasa Kerja Penyemakan Pakaian Seragam Angkatan Tentera Darat pada tahun 1972. Syor daripada Jawatankuasa Kerja itu telahpun diterima dan diluluskan oleh Majlis Angkatan Tentera.

Pada masa ini lencana yang digunakan ialah lencana topi berbentuk sama seluruh tentera darat dan lencana Kor Rejimen dipakai di poket sahaja. Lencana bahu tidak dipakai lagi kerana banyak barang-barang lain terpaksa diletak di atas bahu itu.

Yang Berhormat Senator Dato' Ibrahim Yaakub juga telah meminta agar anggota tentera kita yang berkhidmat selepas 10 tahun dimasukkan di dalam skim berpencen. Mengikut undang-undang sekarang ini anggota lain-lain pangkat dalam Angkatan Tentera tidak dapat dimasukkan dalam skim berpencen selepas hanya 10 tahun berkhidmat. Anggota lain-lain pangkat berdaftar ataupun berkhidmat untuk tempoh-tempoh yang ditetapkan mereka menandatangani untuk satu jangka yang ditetapkan, iaitu 10 tahun atau 12 tahun sebagai perkhidmatan permulaan. Jika diizinkan, mereka bolehlah menyambung perkhidmatan selama tiga tahun sekali sehingga menyempurnakan 21 tahun perkhidmatan. Mereka boleh diberi pencen perkhidmatan dan ganjaran perkhidmatan hanya selepas berkhidmat 21 tahun.

Dalam skim perkhidmatan mereka anggota lain-lain pangkat boleh berhenti selepas 10 tahun, 12 tahun, 15 tahun atau 18 tahun perkhidmatan dengan dipulangkan caruman-caruman mereka kepada Tabung Angkatan Tentera serta faedah-faedah daripadanya dan dibayar caruman sumbangan daripada Kerajaan yang telahpun ditambah kepada 15%. Pihak askar sendiri tidak mencarumkan lebih daripada 10%. Skim penambahan ini telahpun berjalan kuatkuasa sejak Oktober 1977. Dengan lain perkataan, anggota-anggota lain-lain pangkat berkhidmat seolah-olah secara orang-orang berkhidmat under contract seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, contract workers ataupun officers tidaklah layak untuk mendapat pencen tetapi menerima gratuity.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat juga tahu banyak skim pencen telahpun dikirakan mengikut bilangan service yang berdekatan dengan 20 tahun kalau tidak pencennya tidak begitu cukup. Pegawai-pegawai Tauliah Tetap berkhidmat untuk tempoh yang tidak ditetapkan. Sungguhpun mereka dimasukkan dalam skim berpencen selepas 10 tahun berkhidmat, mereka tidak boleh menerima satu sen pun jika mereka meletakan jawatan sebelum meningkat umur persaraan yang telah ditetapkan bagi satu-satu peringkat pangkatnya.

Mengenai pencen pula, Yang Berhormat Senator itu juga meminta agar lima skim pencen anggota Angkatan Tentera disatukan menjadi satu skim sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, memang benar ada terdapat lima skim pencen di dalam Angkatan Tentera sekarang ini. Tetapi tiap-tiap satu skim itu adalah bagi anggota Angkatan Tentera yang bersara dalam tempoh-tempoh perkhidmatan di bawah undang-undang yang berasingan. Undang-undang yang mengujudkan skim-skim itu adalah seperti berikut:

(1) "Malay Regiment dan Federation Regiment (Retired Pay, Pensions, Gratuities and other Grants) Regulations, 1952".

yang berkuatkuasa daripada 18hb Ogos, 1952 hingga 31hb Disember, 1959.

(2) "Federation Army (Retired Pay, Pensions, Gratuities and other Grants) Regulations, 1961".

yang berkuatkuasa daripada 1hb Januari, 1960 hingga 31hb Julai, 1968.

(3) "Peraturan-peraturan Tentera Darat Persekutuan (Gaji Bersara, Pencen, Ganjaran dan lain-lain Pemberian) (Pindaan) 1972."

yang berkuatkuasa daripada 1hb Ogos, 1968 hingga 31hb Disember, 1969.

(4) "Peraturan Tentera Darat Persekutuan (Gaji Bersara, Pencen, Ganjaran dan lain-lain Pemberian) (Pindaan) 1975".

yang berkuatkuasa daripada 1hb Januari, 1969 hingga 31hb Disember, 1975.

(5) "Peraturan-peraturan Angkatan Tentera (Pencen, Ganjaran dan lain-lain Pemberian) 1979".

yang berkuatkuasa mulai 1hb Januari, 1976.

Skim kelima ini adalah syarat-syarat perkhidmatan bagi mereka yang masuk pada berlainan tarikh dan pada satu ketika nanti anggota Angkatan Tentera kita hanya akan berkhidmat dan terikat di bawah satu skim sahaja.

Seseorang anggota yang bersara pada sesuatu masa harus dibayar faedah persaraan mengikut mana-mana satu skim yang berkuatkuasa pada masa itu juga dan bukan daripada skim yang lain. Hanya satu skim iaitu yang kelima di atas berkuatkuasa bagi anggota yang masih dalam perkhidmatan sekarang.

Yang Berhormat Senator Hajjah Tom Saodah Haji Othman dan Senator Zawiah Abdullah pula meminta agar diberi saguhati yang lebih kepada bekas-bekas tentera. Suka saya jelaskan di sini bahawa saguhati yang diberi kepada bekas-bekas tentera adalah dalam bentuk faedah-faedah persaraan yang merupakan pencen, ganjaran dan bayaran daripada Tabung Angkatan Tentera mengikut kelayakan masing-masing.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat itu, faktor pencen bagi anggota lain-lain pangkat telahpun dinaikkan daripada 1/600 kepada 1/504 dan kadar caruman Kerajaan Malaysia kepada Tabung Angkatan Tentera telahpun dinaikkan seperti saya sebutkan tadi daripada 10% kepada 15% gaji bulanan askar akibat perlaksanaan Laporan Jawatankuasa Kabinet.

Kerajaan akan mengkaji semula kadar-kadar faedah persaraan daripada masa ke semasa dan juga gaji mengikut keadaan. Dan ini adalah satu exercise yang hanya dijalankan bersama-sama dengan perkhidmatan-perkhidmatan lain dalam perkhidmatan Kerajaan kita.

Manakala Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain meminta ditambah ganjaran saguhati kepada balu-balu anggota tentera iaitu tidak kurang daripada $15,000. Saya terpaksa menyatakan bahawa bantuan $10,000 yang diterima oleh balu-balu itu adalah hanya daripada Tabung Angkatan Tentera. Bantuan-bantuan lain juga diterima oleh mereka di bawah skim perkhidmatan mereka. Jadi oleh sebab itu maka kita fikirkan $10,000 itu memadailah, kerana ini adalah bantuan yang tidak terdapat dalam perkhidmatan lain dan hanya dapat diberi kerana hasil daripada kutipan daripada orang ramai pada satu ketika dahulu.

Yang Berhormat Tan Sri itu juga berpendapat bahawa patutlah ditubuhkan satu batalion tentera khas untuk anggota wanita kita. Kita memang mempunyai satu dasar ingin hendak menggalakkan anggota wanita kita masuk dalam angkatan tentera, tetapi cara pelaksanaannya terpaksa saya kaji dari satu masa ke satu masa supaya jangan menimbulkan perkara-perkara yang tidak kita ingini. Dasar kita sekarang ini ialah supaya 4% daripada anggota-anggota angkatan tentera kita akan dikhaskan untuk wanita dan barangkali tidaklah saya akan dapat mengadakan batalion khas wanita kerana saya fikir ini mungkin tidak menemui keperluan cara-cara kita berperang.

Yang Berhormat Senator Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman sekali lagi mengeluarkan pendapat agar anggota tentera kita dilatih di luar negeri supaya setanding dengan kebolehan angkatan tentera di tempat-tempat lain di luar Malaysia ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat latihan-latihan yang dijalankan di dalam negeri untuk anggota angkatan tentera kita ini adalah dijamin setanding dengan negara-negara lain, kalau pun tidak lebih tinggi. Sebenarnya, kita rasa dalam soal peperangan guerilla banyak negara-negara lain telah mengakui kita ini ada pengalaman dan kemahiran yang lebih. Walau bagaimanapun, saya tidak mengatakan ini sebab bagi kita tidak menghantar anggota-anggota tentera kita ke luar negeri untuk memperluaskan perception mereka dan mencari pengalaman yang berbandingan, oleh sebab itu

kita sekarang ini masih menghantar anggota-anggota angkatan tentera kita belajar ke luar negeri di bawah skim exchange dengan negara-negara sahabat dan juga mendapatkan kepakaran dalam bidang-bidang yang kita sendiri tidak mempunyai pada masa sekarang ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak, Senator Alex Lee, Senator Zawiah binti Abdullah dan Senator Hajjah Fatimah binti Haji Salim telahpun menyeru agar Kerajaan kita terus memberi alat-alat dan senjata-senjata yang moden kepada angkatan tentera kita dan juga bercadang setiap senjata yang dibeli supaya diuji terlebih dahulu. Di sini saya ingin menegaskan, Tuan Yang di-Pertua, bahawa perkara yang menjadi governing principle bagi kita membeli senjata dan kelengkapan-kelengkapan kita ialah apakah kegunaan senjata itu, kelengkapan itu kepada angkatan tentera kita dalam konteks strategi dan tektik yang kita fikir boleh memberi kekuatan bagi kita menempoh musuh.

Kalaulah kita berkehendakkan senjata kita yang berbentuk seperti yang saya sebutkan tadi, maka spesifikasinya kita letakkan daripada awal dan daripada masa itu, maka cadangan dan tawaran-tawaran akan kita sambut daripada semua pihak, selepas itu kita memeriksa kelengkapan-kelengkapan itu daripada segi puas hati atau tidak bagi penggunanya iaitu soldiers itu sendiri. Kalau artillery, orang yang menembak, kalau armoured vehicles, orang yang menjalankan armoured vehicles iaitu pihak-pihak yang akan menggunakan senjata atau kelengkapan itu tidak puas hati, misalnya, kalau kita test atau kita uji armoured vehicles itu vibrationnya begitu kuat sehingga orang tidak dapat lama tinggal dalam vehicles itu maka terpaksa saya rasa, walaupun dalam technical specificationnya yang lain cukup baik, kita terpaksa menolak vehicles itu kerana orang yang memakainya mesti boleh rasa selesa bekerja dalam sesuatu vehicle baharu kita dapat terjamin dia akan boleh bekerja dengan cukup kemahiran dan dengan penuh puas hati mengeluarkan kepandaiannya yang paling tinggi. Kemudian kita test atau uji yang boleh memuaskan kita daripada segi technical. Sungguhpun engineering test ini sudah menjadi kebiasaan, ada ujian yang kita jalankan ialah ujian seperti dikehendaki oleh bentuk tugas, angkatan tentera, it must be soldier-proof and not just operational. Dalam test-test ini maka terdapatlah berbagai-bagi kelengkapan daripada luar negeri yang tidak sesuai dengan keadaan negara kita ini, misalnya, dalam paya, tempat-tempat sawah padi dengan obstacle, kadang-kadang banyak kelengkapan yang berjalan begitu baik misalnya dalam negeri-negeri Arab mungkin tidak dapat digunakan di negara kita ini. Kadang-kadang terpaksa diguna menyeberang sungai yang harusnya begitu kuat, kita mesti juga mencari kelengkapan yang boleh berjalan dengan cukup baik dalam keadaan negara kita. Heavy rain and tropical conditions are unique to Malaysia. Jadi banyak ujian-ujian ini begitu ketat sehingga penjual-penjual itu marah tetapi apa boleh buat, kita berkehendakkan senjata dan kelengkapan untuk mempersiapkan diri kita bekerja dalam keadaan negara kita. Kalau tidak memenuhi keperluan ini saya rasa kita terpaksa tolak. Jadi, berkenaan dengan ini saya telah membaca dalam satu military journal bahawa Malaysia telah dianggapkan sebagai one of the stiffest countries in applying its evaluation. Tetapi kalau saya tidak salah journal ini daripada negeri Jerman.

Untuk menjawab Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian, kita sentiasa bercermat dan sentiasa mencari specification yang sesuai untuk keperluan kita sebelum kita mengambil keputusan. Saya ingin menyatakan di sini ini telah membebankan kita sedikit, kadang-kadang kita terpaksa membayar harga equipment yang lebih tinggi dan kadang-kadang kita terpaksa minta pihak yang membuat equipment itu membuat modification atau mengubah supaya dapat mensesuaikan keperluan kita. Ini adalah perlu kerana banyak pembuat-pembuat kelengkapan menumpukan specification kepada pembeli-pembeli yang besar ataupun untuk keperluan negaranya sendiri, jadi kadang-kadang kita nampak sesuatu kelengkapan itu memenuhi keperluan kita dalam satu segi, tetapi tidak dalam segi lain. Jadi oleh sebab itu modification ataupun perubahan terpaksa kita meminta kalau mereka boleh buat, kalau tidak kita pergi kepada negeri yang lain. Demikianlah cara kita menjaga kepentingan negara dalam soal memilih kelengkapan senjata dan apa-apa lain yang diperlukan oleh angkatan tentera kita. Kita jangan lupa bahawa dalam pemilihan ini pihak angkatan tenteralah yang patut puas hati kerana merekalah yang akan membayar kesalahan dengan jiwa mereka sendiri kalau ada kesalahan nanti. Jadi, saya

sendiri memanglah bersandar sangat kepada opinions pendapat-pendapat dan technical recommendation oleh anggota angkatan tentera saya sendiri dalam soal ini dan tidak akan mengambil satu langkah yang mungkin bertentangan daripada mereka kerana faktor-faktor lain walaupun faktor ekonomi.

Itulah sahaja perkara-perkara yang saya ingin jawabkan di sini, Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas kerjasama yang telah diberi oleh Yang Berhormat Senator-senator sekalian. Saya harap akan dapat cadangan yang membina seterusnya daripada satu masa ke satu masa di Dewan ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

9.51 mlm.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil peluang ini untuk memberi penjelasan di atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh Kementerian saya semasa perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja 1980 di Dewan yang mulia ini.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah menyentuh berkenaan dengan pencemaran Selat Tebrau oleh penternakan-penternakan babi. Saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini beberapa penyiasatan yang telah dijalankan oleh Kementerian saya setakat ini tidak menghasilkan sebarang bukti yang menunjukkan terus-terang bahawa apa yang dikatakan pencemaran Selat Tebrau itu diakibatkan daripada effluen penternakan babi, namun demikian Kementerian saya terus mengawasi keadaan ini.

Saya sendiri mengambil berat tentang perkara ini dan telah mengetuai satu rombongan melawat Singapura dan berunding dengan rakan sejawat saya dari Kerajaan Singapura secara mendalam atas beberapa perkara yang penting bagi kedua-dua negara, termasuklah hal-hal effluen dari penternakan babi di Singapura. Saya sendiri telah melawat dan menyaksikan cara-cara effluen dari ternakan babi itu ditapis supaya tidak menjejaskan pencemaran. Usaha ini akan terus dijalankan untuk kerjasama di antara negara kita dengan negara Singapura dalam konteks kawalan alam sekitar yang mana persetujuan telahpun dicapai untuk berunding dari masa ke masa dan bertukar-tukar antara satu sama lain maklumat-maklumat yang diperolehi bagi setiap suku tahun atas hasil pengawasan alam sekitar.

Sebagai Ahli Yang Berhormat sedia maklum bagi penternakan babi di negeri Johor, Kerajaan Negeri Johor telah mengadakan satu undang-undang dan menguatkuasakan undang-undang itu, iaitu Enakmen Bil. 5 Tahun 1975, Enakmen Memelihara Babi 1975. Di samping itu Kementerian saya dan Kementerian Pertanian, Bahagian Perikanan terus menjalankan pengawasan dan kajian masing-masing untuk menentukan punca-punca pencemaran supaya keadaan alam sekeliling dapat dikawal seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh di atas teguran yang dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Alexander Y. L. Lee berhubung dengan pencemaran udara di Kuala Lumpur yang mengganggu kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Perkara ini memang disedari dan peraturan-peraturan tertentu telahpun diadakan, khasnya Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 1978, yang dikuatkuasakan secara berperingkat-peringkat dan akan dikuatkuasakan sepenuhnya pada 1hb Oktober, 1980. Selain daripada itu, Kaedah-kaedah Kereta Motor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977, telah dikuatkuasakan semenjak 15hb Mac, 1978. Dengan penguatkuasaan undang-undang tersebut di atas adalah dijangka masalah pencemaran udara di Kuala Lumpur akan dapat dikawal.

Tuan Yang di-Pertua, di atas pandangan-pandangan atau teguran-teguran yang lain, saya akan ambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Pengangkutan.

9.56 mlm.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi pandangan, pendapat dan teguran berkenaan dengan Kementerian Pengangkutan.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak telah membangkitkan soal kegelinciran keretapi dan mencadangkan supaya pihak pengurusan Keretapi Tanah Melayu menggunakan wider guage untuk menyelesaikan soal ini. Yang sebenarnya perubahan kepada wider guage atau broad gauge itu tidak akan menyelesaikan masalah kegelinciran keretapi. Daripada siasatan yang telah dibuat terhadap kegelinciran keretapi yang telah berlaku adalah didapati bahawa 22% daripada kegelinciran itu berlaku oleh sebab kerosakan landasan, 38% disebabkan oleh kerosakan gerabak, 15% disebabkan oleh pemandu, 11% disebabkan oleh muatan yang tidak rata dan baki 14% oleh sebab-sebab yang lain.

Pentadbiran keretapi sentiasa mengambil tindakan yang sewajarnya bagi mengurangkan berlakunya kegelinciran seperti membaharui gerabak dan koc, membaharui landasan, menggunakan jentera bagi pemeriksaan landasan, melatih kakitangan termasuk pemandu serta mengadakan pengawasan yang rapi terhadap kakitangan untuk menjamin muatan yang diisikan ke dalam gerabak sentiasa seimbang.

Mengenai perkhidmatan udara antara Malaysia dengan Singapura yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad, sukalah saya menyatakan bahawa memang menjadi kebiasaan bagi negara-negara yang mempunyai perhubungan udara mengadakan perbincangan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan udara mereka dari semasa ke semasa. Ini adalah disebabkan oleh keadaan yang berubah semenjak sesuatu perjanjian udara telah ditandatangani.

Mengikut perjanjian yang ada di antara Malaysia dengan Singapura, Singapura dikehendaki meminta untuk mengadakan perundingan perjanjian perkhidmatan udara dengan tujuan memperbaharui perjanjian yang ada, malangnya sudah 7 kali diadakan rundingan dalam tempoh 2 tahun ini namun persetujuan tidak juga tercapai, terpulanglah kepada Singapura untuk meminta sekiranya mereka berkehendakkan rundingan selanjutnya dijalankan. Tanpa apa-apa perjanjian baru dipersetujui, perjanjian yang ada masih berkuatkuasa dan sekiranya mana-mana pihak hendak memutuskannya maka satu pemberitahu atau notis selama satu tahun adalah dikehendaki mengikut peruntukan perjanjian ini. Pendirian Malaysia dalam perundingan di antara Malaysia/Singapura ini adalah telah jelas yang mana Malaysia telah mengambil langkah-langkah yang constructive dan positive untuk mencapai persetujuan yang memberikan manfaat kepada kedua belah pihak.

Mengenai Lapanganterbang Ipoh yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan S. I. Rajah, suka saya menyatakan iaitu satu kajian akan dijalankan tidak berapa lama lagi untuk membuat perakuan sama ada sebuah lapanganterbang baru perlu dibina atau diperbaiki lapanganterbang yang sedia ada di Ipoh. Oleh kerana Lapanganterbang Ipoh dikelilingi oleh bukit maka dari segi keselamatan adalah tidak sesuai diadakan kemudahan untuk penerbangan di waktu malam, terutamanya dalam keadaan cuaca buruk.

Mengenai mutu makanan yang diberi oleh pesawat-pesawat MAS, sukalah saya menyatakan iaitu makanan yang disediakan oleh MAS mempunyai mutu yang tinggi. MAS mempunyai Bahagian Pengawalan Kualiti untuk mengawasi mutu makanan bagi penumpangnya. Walau bagaimanapun, MAS mengalu-alukan syor-syor daripada penumpang-penumpang untuk menyediakan menu yang lebih baik. Dalam konteks ini MAS akan mengambil perhatian atas syor-syor yang dikemukakan oleh Yang Berhormat itu.

Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Idris telah menyoal sama ada rancangan untuk membina lapanganterbang yang besar di Sibu memandangkan penumpang yang semakin meningkat. Dengan sukacitanya saya ingin umumkan bahawa Kerajaan akan membina satu lapanganterbang baru di Sibu. Lapanganterbang sekarang telah dibina beberapa tahun yang lalu dengan ianya hanya sesuai untuk menerima kapal-kapal udara jenis Fokker 27 sahaja. Landasan lapanganterbang ini tidak boleh dipanjangkan untuk menerima Boeing 737 oleh sebab teknikal. Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan untuk membina sebuah lapanganterbang yang baru di Sibu yang mempunyai landasan sepaniang 7,000 kaki dan boleh menerima kapal-kapal udara, jet termasuklah Airbus 300.

Satu firma juruperunding telahpun dilantik untuk menyediakan satu pelan induk untuk Lapanganterbang Sibu. Kerja-kerja ukur dan rekabentuk peringkat awal ialah dalam perlaksanaan. Lapanganterbang baru di Sibu dijangka siap pada tahun 1984.

Mengenai lapanganterbang kecil di Mukah, Kementerian saya sedar di atas kesulitan yang dihadapi oleh penduduk-penduduk di situ, tetapi malangnya Kementerian Pengangkutan belum mendapati apa-apa peruntukan untuk memperbesarkan lapanganterbang itu.

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah membangkitkan mengenai perkhidmatan keretapi ke Pantai Timur dan meminta diperbaiki tarafnya supaya sama dengan perkhidmatan yang terdapat di Pantai Barat. Untuk menggunakan kuasa locomotive ke paras maksima dan juga untuk memenuhi kehendak-kehendak pelanggan Keretapi Tanah Melayu terpaksa mengadakan perkhidmatan campur iaitu tren-tren yang membawa penumpang dan barang dan ini tidak dapat dielakkan. Kelewatan terhadap perkhidmatan tren campuran adalah disebabkan tren-tren ini perlu dihentikan di tiap-tiap stesyen dan beberapa perhentian bagi memenuhi keperluan penduduk-penduduk di antara Kuala Lipis dan Kuala Kerai di mana mereka tidak mempunyai sistem pengangkutan yang lain. Perhentian tren di antara stesyen-stesyen juga dibuat di atas permintaan Pegawai Daerah, Penghulu dan Kerajaan Negeri di mana pembangunan sedang pesat dijalankan.

Selain dari itu, kelajuan tren-tren adalah dihadkan kepada maksima 35 batu satu jam oleh kerana landasan yang ada sekarang tidak membenarkan kelajuan yang lebih tinggi. Keretapi Tanah Melayu sedang memperbaiki keadaan landasan dan setelah selesai pembaharuan landasan perkhidmatan yang sama tarafnya dengan yang terdapat di Pantai Barat akan dapat dilaksanakan.

Berkenaan dengan tandas dan lampu yang tidak memuaskan, Keretapi Tanah Melayu akan berusaha mengganti koc-koc yang lama sekarang dengan koc-koc yang baru.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.

10.06 mlm.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih di atas teguran beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap Kementerian saya khususnya bersabit dengan perkara jalanraya dan bekalan air. Izinkan saya memberi sedikit ulasan dan penjelasan ke atas teguran-teguran itu.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Hajjah Tom Saodah binti Haji Othman menyentuh tentang masalah bekalan air di negeri Kedah dan kesulitan-kesulitan yang dialami oleh penduduk-penduduk negeri Kedah terutamanya di luar bandar. Di negeri Kedah, Tuan Yang di-Pertua, masalah air terjadi khususnya di bahagian utara terutamanya di musim kemarau apabila punca bekalan menjadi kering. Kawasan-kawasan yang menyediakan air paip seperti Yen, Jitra, Kodiang, Pendang dan Sunglang mengalami kekurangan air. Kerajaan Negeri Kedah akan melaksanakan skim kuasa keempat Alor Setar termasuk memperbaiki sistem pembahagian atau retikulasi yang sekarang kurang memuaskan dan apabila ianya siap dalam tahun 1982 adalah dijangka bekalan air bagi Kedah Utara akan mencukupi sehingga tahun 1985. Sementara itu, kajian-kajian kemungkinan sedang dijalankan untuk mendapatkan bekalan tambahan menerusi skim Sungai Sik supaya bekalan mencukupi sehingga tahun 1992. Kajian sumber air bagi seluruh negeri Kedah baru sahaja siap dijalankan dan satu kajian bekalan air luar bandar akan dijalankan. Dengan adanya kajian-kajian ini maka rancangan bekalan air paip di kawasan-kawasan luar bandar akan dapat diperhebatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak menyatakan tempat takungan air perlu dibaiki supaya perbekalan air tidak terputus. Sebenarnya, tidak ada apa-apa cacatnya ampangan-ampangan yang ada sekarang. Soal keputusan air di kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Kelang telah saya jelaskan dengan panjang lebar semasa menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Alexander Lee pada 7hb April yang lalu di Dewan yang mulia ini. Jawapan yang saya telah berikan ialah ada kemungkinan

yang bekalan air akan mencukupi menjelang tahun 1981 apabila ampangan Sungai Langat berjalan sepenuhnya pada tahun itu.

Rancangan bekalan air yang baru sedang dilaksanakan iaitu Projek Sungai Batu dan Projek Sungai Semenyih yang akan dapat membekalkan 85 juta gelen sehari akan menentukan bahawa dari tahun 1986 bekalan-bekalan air Kuala Lumpur dan Lembah Kelang akan mencukupi. Antara tahun 1981 dan 1985 kedudukan bekalan air yang mencukupi akan bergantung kepada keadaan kemarau iaitu jika berlaku kemarau yang terok bekalan air yang mencukupi akan terjejas.

Yang Berhormat Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain telah menggesa Kementerian saya membina jalan-raya di antara Cameron Highlands dengan Kuala Lipis. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Abdul Latip bin Haji Dris menyentuh tentang jalanraya-jalanraya di kawasan luar bandar negeri Sarawak terutamanya di kawasan Sibu.

Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik menyentuh tentang divider Lebuhraya Kuala Lumpur/Seremban dipenuhi dengan lalang.

Berkenaan dengan cadangan Senator Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain supaya membina jalanraya antara Cameron Highlands dengan Kuala Lipis, Kementerian saya akan menjalankan kajian kemungkinan di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Berkenaan dengan teguran Yang Berhormat Senator Tuan Haji Latip bin Haji Dris mengenai jalan-jalanraya luar bandar di negeri Sarawak, sukacita dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri Sarawak ada rancangan-rancangan tertentu untuk membina dan memperbaiki jalan-jalan luar bandar dengan mengadakan peruntukan yang agak besar pada tiap-tiap Bahagian dalam negeri Sarawak termasuk Sibu sudah ada ditetapkan projek-projek masing-masing.

Adalah menjadi matlamat Kerajaan untuk membina banyak lagi jalan-jalan luar bandar di samping ini akan mengambil masa sedikit kerana lain-lain jalanraya yang lebih penting terutamanya jalan-jalanraya besar terpaksa diutamakan dahulu.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator Raja Datuk Nong Chik bahawa pembahagian jalan (divider) lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban penuh dengan lalang, saya sedar buat masa ini penyelenggaraan lebuhraya ini kurang memuaskan, tetapi adalah dalam rancangan Kementerian saya untuk menaikkan taraf lebuhraya itu termasuk tindakan menanam pokok atas divider itu untuk mengelakkan pelanggaran dan sebagai suatu langkah mencegah kemalangan.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub telah menimbulkan masalah mendapat bahan-bahan binaan yang dihadapi oleh pemborong-pemborong bumiputra. Beliau meminta Kerajaan mengkaji masalah kekurangan bahan-bahan binaan dan mencadangkan Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat dengan projek-projek pembangunan agar menyediakan sendiri bahan-bahan binaan kepada pemborong-pemborong bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun teguran Ahli Yang Berhormat itu meliputi berbagai agensi Kerajaan, tetapi oleh kerana Kementerian saya khususnya Jabatan Kerjaraya merupakan agensi perlaksanaan utama Kerajaan, saya suka membuat sedikit ulasan berkenaan teguran Ahli Yang Berhormat itu. Sebenarnya Kementerian saya sudahpun mengkaji keperluan bahan-bahan binaan untuk projek-projek pembangunan bagi tiga tahun akan datang.

Mengenai cadangan supaya Jabatan-jabatan Kerajaan yang terlibat sendiri menyediakan bahan-bahan pembinaan, pada hemah saya tidaklah diingini mengadakan pihak pembekal yang banyak. Pembekal tunggal Kerajaan pada masa ini ialah PERNAS, semenjak ke belakangan ini PERNAS ialah badan yang membekal besi keluli kepada pemborong-pemborong yang menjalankan projek-projek Kerajaan. Tinjauan sedang dibuat untuk mempastikan kemungkinan PERNAS menjadi pembekal bagi beberapa bahan pembinaan yang lain. Dalam pada itu adalah juga dalam pemikiran saya bagi Bahagian Penyertaan Bumiputra Kementerian saya memainkan peranan yang positif untuk membantu pemborong-pemborong bumiputra dalam hal bahan-bahan binaan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Perusahaan Awam.

10.24 mlm.

Menteri Perusahaan Awam (Dato' Abdul Manan bin Othman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedang akan kesulitan petani-petani hasil dari tradisi yang sudah berakar umbi sekian lama. Di samping menentukan harga minima padi sebanyak $28, $30 dan $32 sepikul menurut mutunya termasuk $2 melalui kupon pada petani-petani, Kerajaan juga memberi subsidi-subsidi lain merupakan baja, bajak, penanaman kontan dan lain-lain.

Walau bagaimanapun di atas perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik harga minima itu akan dikaji dari semasa ke semasa dalam mana harga mengilang, jualan beras kepada pengguna serta bekalan yang teratur akan diambilkira.

Mengenai masalah yang disentuh oleh Yang Berhormat Tuan Haji Fadzil Ahmad di dalam perlaksanaan pembelian padi oleh LPN dengan harga-harga yang minima yang telah ditetapkan itu, kadar potongan dibuat menurut keadaan wap basah padi itu dan ini dibuat mengikut peraturan-peraturan yang tertentu dengan seadil-adilnya.

Usaha-usaha untuk melicinkan pentadbiran serta memperbaiki organisasi Lembaga Padi dan Beras Negara dan juga pengilangan padi seperti yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim akan dikaji dari semasa ke semasa supaya dapat LPN memberikan faedah yang lebih baik kepada petani-petani dan seterusnya menentukan pembekalan beras akan lebih licin dan teratur untuk pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyangkal sama sekali pendapat Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain bahawa demonstrasi di Alor Star pada 23hb Januari, 1980 berbangkit daripada salah faham perlancaran subsidi harga padi melalui kupon. Perkara ini telahpun saya jelaskan di dalam soal lisan tengahari ini dan juga penerangan yang lebih lanjut telah dibuat oleh rakan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri di dalam Dewan yang mulia ini. Oleh yang demikian saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan.

Berhubung dengan syor Yang Berhormat Tuan Abdullah Salleh perlu saya tegaskan di sini bahawa Kerajaan berazam hendak melahirkan dan mempertingkatkan lagi seberapa ramai usahawan di dalam rancangan pembangunan usahawan. Pinjaman merupakan satu daripada komponen Usaha-usaha yang disediakan seperti ruangniaga, latihan dan khidmat nasihat serta susulan juga diperhebatkan. Untuk menghasilkan rancangan-rancangan pembangunan usahawan, sikap mesti diubah dan disiplin mesti ditanam di semua pihak yang berkenaan.

Saya sanjung tinggi ingatan yang diberi oleh Yang Berhormat Puan Hajjah Fatimah binti Haji Salim. Usaha-usaha akan terus dibuat untuk memperkemaskan semua agensi-agensi seperti MARA dan UDA supaya rancangan-rancangan serta program-program akan dapat dilaksanakan dengan sempurnanya seperti yang dikehendaki di bawah Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya pada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran dan pandangan saya mengucapkan berbanyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Penerangan.

10.18 mlm.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya minta izin berucap bagi pihak Yang Berhormat Menteri Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh serba sedikit tentang Kementerian Penerangan.

Mengenai teguran Yang Berhormat Tan Sri Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Husain tentang siaran Warta Berita semasa siaran secara langsung perlawanan bolasepak oleh TV Malaysia sukacita saya menerangkan bahawa dalam usaha-usaha Kerajaan menggunakan TV dan Radio Malaysia sebagai media untuk mencapai objektif negara di samping membina sikap positif di kalangan rakyat terhadap matlamat Dasar Ekonomi Baru dan lain-lain dasar penting negara maka rancangan-rancangan TV dan Radio adalah ditugaskan supaya membantu usaha-usaha Kerajaan mencapai matlamat negara yang

besar itu. Rancangan Berita sama ada di TV atau Radio hendaklah dilihat dari segi tersebut dan tidak dikaitkan kepada rancangan sukaramai semata-mata.

Mengenai teguran Yang Berhormat Tuan Yap Peng tentang sebaran pengambilan oleh Pasukan Polis, sukacita dinyatakan bahawa pengumuman mengenai perkara ini memang pernah dibuat oleh RTM di masa yang lepas. Walau bagaimanapun, RTM hanya mengadakan pengumuman-pengumuman tersebut jika dimohon oleh Jabatan-jabatan yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Kamarul Ariffin telah mengesyorkan supaya Majlis Kewartawanan ditubuhkan untuk mengesan prestasi sibaran am di negara ini. Tentang hal ini sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan memang ingin menggalak perkembangan akhbar yang sihat di negara ini. Usaha penggalakan itu telah disebarkan menerusi Institut Akhbar Malaysia dan perkembangannya ialah Institut tersebut pada tahun 1978 telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk mengkaji kemungkinan mengadakan Majlis Kewartawanan. Satu laporan mengenainya telah disiapkan oleh Institut itu dalam tahun 1979 dan perkara ini sedang giat dipertimbangkan oleh semua pihak yang berkenaan. Adalah diakui bahawa penubuhan ethika kewartawanan untuk para wartawan dan lain-lain yang berkenaan akan menguntungkan pihak-pihak kewartawanan dan masyarakat pembaca amnya. Kerajaan lebih suka melihat perkembangan seperti Majlis Kewartawanan dianjurkan oleh pihak-pihak akhbar dan masyarakat kewartawanan sendiri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kesihatan.

10.21 mlm.

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua. seperti biasa beberapa orang Ahli Yang Berhormat telah menunjukkan minat dalam membahas dan menegur Kementerian ini dan telah banyak juga memberi beberapa cadangan.

Saya bagi pihak Kementerian Kesihatan sukalah mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka dan segala teguran yang telah diutarakan adalah diambil perhatian dan perkara yang baik itu akan kita ambil tindakan di mana yang perlu.

Yang Berhormat Senator Datin Hajjah Mahimon binti Haji Harun yang sedang menunggu dengan tekun dan sabar, Tuan Yang di-Pertua, telah menimbulkan masalah pembinaan Hospital Besar baru di Kuantan Pahang. Untuk makluman Yang Berhormat bahawa memanglah telah begitu lama ada cadangan untuk membina hospital ini akan tetapi kita telah menghadapi beberapa masalah di antara lain ialah masalah kelambahan pengambilan tanah untuk hospital ini.

Sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa sekarang tindakan-tindakan telahpun diambil dan Akitek-akitek yang berkenaan telahpun ditugaskan untuk menyediakan plan-plan dan setakat ini saya telah difahamkan bahawa detailed sketch plan itu sedang dibuat oleh Akitek yang telah ditugaskan. Suka juga saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya tidak ada halangan dari segi perancangan dan perlaksanaan maka hospital baru ini adalah dijangka siap pada tahun 1987.

Suka saya menekankan di sini, Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat kita memberi jaminan bahawa hospital ini akan siap pada tahun 1987. Sebab itulah saya katakan tadi kalau tidak ada halangan daripada segi perancangan dan perlaksanaan terutama sekali halangan-halangan yang di luar daripada kontrol kita, insya Allah hospital itu mengikut plannya akan dapat disiapkan pada tahun yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Latip bin Haji Dris yang telah menyentuh tentang pembinaan sebuah hospital di Sibu. Sukacita saya memaklumkan bahawa dalam Rancangan Malaysia Ketiga peruntukan telah disediakan untuk pembelian tanah dan setakat ini pengambilan tanah itu sebenarnya belum siap lagi sungguhpun pengambilan tanah ini hampir siap tetapi pada akhir-akhirnya satu perkara telah berlaku yang saya sendiri telah menyiasatnya dan insya Allah rancangan ini disambung dalam Rancangan Malaysia Keempat. Kita haraplah bahawa rancangan itu akan dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Keempat ini.

Mengenai teguran Yang Berhormat Senator K. Kumaran tentang perkhidmatan kesihatan di ladang-ladang, sukacita saya memaklumkan bahawa pada masa ini kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan yang diberi kepada penduduk-penduduk ladang adalah diperuntukkan di bawah "Rump Labour Code" dan pengurus-pengurus ladang dikehendaki menuruti undang-undang ini untuk memberikan kemudahan tersebut. Bagi ladang-ladang yang tidak mempunyai pengurusan yang cukup, kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan didapati oleh pekerja-pekerjanya daripada kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan yang berhampiran iaitu seperti Pusat-pusat Kesihatan, hospital-hospital dan lain-lain kemudahan. Di samping itu Pegawai Kesihatan dari Kementerian kita juga memberikan nasihat kepada Pengurus-pengurus ladang tersebut di atas cara-cara pencegahan dan kawalan penyakit-penyakit. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan satu kajian untuk menentukan liputan kesihatan di ladang-ladang dan berharap akan dapat membuat suatu keputusan yang akan memberi faedah kepada penduduk-penduduk ladang yang tidak mendapati kemudahan kesihatan yang mencukupi pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyentuh sedikit tentang beberapa perkara yang telah ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Syed Hassan Aidid yang mempunyai begitu banyak minat dalam masalah Kementerian Kesihatan sama ada di dalam Dewan ataupun di luar Dewan ini. Tentang kekurangan doktor dan pakar-pakar perubatan di Hospital Pulau Pinang, suka saya memaklumkan bahawa memanglah diakui bilangan doktor-doktor di sana tidaklah mencukupi seperti yang dikehendaki iaitu jawatan yang ada disediakan di Hospital Pulau Pinang ataupun di Pulau Pinang ialah 91 dan jawatan yang telah diisi adalah 61 iaitu lebih kurang 65%.

Tentang kedudukan pakar-pakar perubatan pula kita mempunyai 18 jawatan yang mana 15 telahpun diisi. Memang betul ada beberapa Jabatan (Department) yang tertentu, Jabatan Kepakaran seperti Neuro-Surgery, Neurology dan ada satu dua bidang kapakaran lain yang terpaksa ditutup oleh kerana tidak ada pakar-pakar untuk menjalankan tugasnya.

Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya menyatakan di sini bahawa sesuatu perkhidmatan di hospital itu tidaklah akan lumpuh sepertimana yang di sebutkan dalam suratkhabar kelmarin iaitu the hospital service will collapse kerana ada ramai pakar-pakar ini akan berhenti daripada perkhidmatan Kerajaan seperti yang diumumkan oleh President, Malaysian Medical Association.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti menyedari bahawa tulang belakang daripada perkhidmatan di hospital-hospital ini ialah doktor-doktor biasa walaupun kita juga menghendaki perkhidmatan pakar-pakar. Adalah dirasai dengan kedudukan iaitu 15 jawatan yang telah diisi daripada 18 jawatan itu, maka kedudukan di Hospital Pulau Pinang itu tidaklah begitu buruk kalau dibandingkan dengan hopital-hospital lain.

Walau bagaimanapun saya menyedari bahawa Hospital itu bukan hanya memberi perkhidmatan kepada orang-orang Pulau Pinang sahaja bahkan juga ianya merupakan sebuah hospital rujukan daripada negeri-negeri yang berhampiran. Walau bagaimanapun masalah ialah kekurangan doktor-doktor terutama sekali pakar-pakar perubatan dan keadaan ini adalah dihadapi oleh semua negeri dan pihak Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha mencari jalan dan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengatasi masalah ini dengan mengambil doktor-doktor pakar dari luar negeri secara kontrak dan juga menghantar doktor-doktor tempatan berlatih di seberang laut untuk menjalani kursus latihan selepas Ijazah.

Yang Berhormat Datuk Syed Hassan Aidid juga telah menyentuh tentang kesesakan di wad-wad hospital di Pulau Pinang terutama sekali wad kelas tiga. Ini memang betul kerana kalau kita lihat hospital itu merupakan hospital yang telah dibangunkan dalam tahun 1928. Memang ada cadangan daripada pihak Kementerian Kesihatan untuk mendirikan satu apa yang kita sebutkan Central Service Block (Blok Perkhidmatan Pusat) yang baru. Apabila siap kelak Central Service Block ini kita harap bahawa kesesakan ini akan dapat serba sedikit berkurangan.

Selain daripada itu kita juga telah membina beberapa wad untuk mengurangkan kesesakan di wad-wad di hospital tersebut dan cadangan juga telah dibuat mendirikan sebuah

Regional Mental Health Unit yang mempunyai kalau tidak salah saya 104 katil di mana dengan siapnya wad ini nanti kita akan dapat memindahkan pesakit-pesakit dari sana ke tempat itu dan tempat-tempat yang kosong bolehlah digunakan untuk discipline yang lain.

Selain daripada itu suka juga saya menyentuh perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu iaitu mengenai Jabatan Pesakit Luar. Memang benar terdapat 5 orang doktor yang bertugas di Jabatan Pesakit Luar di Hospital Pulau Pinang pada waktu siang hari dan mereka itu memberi segala rawatan kepada bilangan pesakit yang betul ramai tetapi tidaklah beribu dalam sehari. Kalau kita hetong panjang lebih kurang (average) 670 orang pada sehari.

Mengikut makluman yang ada pada saya bahawa perkhidmatan ini diberi adalah baik dan boleh dikatakan memuaskan. Walau bagaimanapun kita sentiasa berusaha untuk memperbaiki lagi mutu perkhidmatan di Jabatan ini dan juga di bahagian-bahagian lain dalam hospital-hospital kita.

Di sebelah malam pula ada dua orang doktor yang bertugas di bahagian kecemasan bagi melayan pesakit-pesakit dan memandangkan bahawa bilangan pesakit-pesakit yang datang pada waktu malam tidaklah begitu banyak pada kebiasaannya maka adalah difikirkan bahawa dua orang doktor itu adalah memadai.

Yang Berhormat juga telah menyentuh tentang "Kempen Jangan Merokok", saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah memberi perhatian dalam masalah ini. Sebenarnya Kementerian ini sedang memperhebatkan (intensify) kempen tersebut terutama di hospital-hospital Kerajaan. Cadangan mengadakan posters dan lain-lain lagi itu merupakan cadangan yang membina dan saya rasa dapat diterima bahkan di Kementerian Kesihatan circular pun telah diberi untuk diedarkan kepada jabatan-jabatan di seluruh negara iaitu di mesyuarat-mesyuarat Kementerian Kesihatan, pegawai-pegawai adalah diminta supaya jangan merokok. Saya menghargai dan berterima kasih di atas cadangan Yang Berhormat ini dan segala rancangan yang kita usahakan dalam kempen itu, saya rasa tidak perlu saya cakapkan lagi oleh kerana saya telah menyuarakan masalah ini dalam ucapan saya waktu pelancaran Hari Kesihatan Sedunia menerusi T.V. dan Radio pada 7-4-1980. Saya berharaplah Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan rakyat kita akan memberi kerjasama bagi menjayakan kempen ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Abdul Razak telah bertanya tentang tindakan yang akan diambil oleh Kementerian Kesihatan terhadap doktor bukan Islam yang telah ditangkap berkhalwat dengan jururawat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, jika sekiranya perbuatan seperti ini melanggar disiplin perkhidmatan maka saya rasa kalau dapat dibuktikan, perkara ini memanglah kita ambil perhatian dan kita akan siasat jikalau didapati perkara ini merupakan satu kesalahan yang melanggar peraturan perkhidmatan, sudah tentu tindakan yang sewajarnya akan diambil.

Begitu juga Yang Berhormat Senator Zawiah telah menimbulkan pertanyaan tentang kelambatan pembinaan hospital Kuala Berang. Hospital ini selalu timbul tiap-tiap kali dalam Dewan ini, saya mengakui memang ada kelambatan dalam mendirikan hospital ini. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa hospital di Kuala Berang ini merupakan salah satu hospital yang telah dirancang supaya di package deal untuk perlaksanaannya. Saya akan mengambil perhatian lagi atas pembinaan hospital ini.

Yang Berhormat Senator Ismail telah menimbulkan perkara kekurangan pakar di Perlis dan minta supaya pakar yang telah bersara atau pindah ke tempat lain digantikan, saya tidak dapat memberi detail atas masalah ini. Walau bagaimanapun saya mengambil perhatian insya Allah kita akan mengambil tindakan yang sewajarnya atas masalah ini.

Itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya sekali lagi menegaskan bahawa Kementerian ini akan terus berusaha sedaya upaya untuk memperbaiki serta meninggikan lagi mutu perkhidmatan perubatan, kesihatan dan pergigian di negara ini. Di samping itu Kementerian Kesihatan berharap semua rakyat akan dapat membentuk satu sikap yang mementingkan kebersihan dan kesihatan

diri sendiri serta keluarga kita dan menjauhkan daripada segala penyakit dan hidup dalam keadaan sihat, aman dan makmur. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kementerian Kewangan.

10.36 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, terutama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja 1980. Saya akan memberi sedikit ulasan tentang beberapa perkara penting yang berkaitan dengan Kementerian saya yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Sebagai permulaan, saya ingin menyentuh tentang pengumuman Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan berkenaan rancangan-rancangan Kerajaan untuk memindah milik Tabung Amanah Bumiputra kepada Bumiputra perseorangan. Sebenarnya pengumuman Yang Berhormat Mulia Menteri Kewangan tersebut ialah mengenai rancangan Kerajaan hendak memindah milik saham-saham Kerajaan dalam syarikat-syarikat yang telah mencapai kadar keuntungan yang tinggi kepada:

(i) Pegawai dan kakitangan syarikat berkenaan termasuk Bumiputra dan bukan Bumiputra.
(ii) Syarikat dan individu Bumiputra termasuk Koperasi-koperasi; dan
(iii) Permodalan Nasional Berhad, sebuah anak syarikat Yayasan Pelaburan Bumiputra.

Permodalan Nasional Berhad pula akan menjual saham-saham amanah (unit trust) kepada Bumiputra dengan menggunakan saham-saham Kerajaan yang dipindah milik kepadanya itu sebagai jaminan.

Walau bagaimanapun, satu Jawatankuasa Pegawai-pegawai Kerajaan telahpun ditubuhkan di bawah Bahagian Penyelarasan Perlaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan diwakili oleh Jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dan tugas Jawatankuasa ini ialah mengemukakan cadangan Butir-butir Dasar dan Peraturan Pemindahan Saham Perbadanan Awam kepada Bumiputra. Jawatankuasa ini telahpun menyiapkan deraf laporannya dan laporan ini akan dikemukakan kelak kepada Kerajaan. Adalah dijangkakan pemindahan saham ini akan bermula pada awal tahun 1981.

Mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ibrahim bin Haji Yaacob berkaitan dengan penyertaan orang-orang yang menyimpan dalam Bank Simpanan Nasional dalam cabutan-cabutan hadiah Skim Sijil Simpanan Premium, sukacitalah saya memaklumkan bahawa tujuan skim ini ialah untuk menggalakkan lagi orang ramai menyimpan dengan Bank Simpanan Nasional di samping menyimpan dalam simpanan-simpanan biasa. Oleh itu, mereka yang menyertai skim ini sahaja yang layak menyertai cabutan-cabutan hadiah itu. Penyertaan cabutan-cabutan hadiah ini adalah terhad kepada pemegang-pemegang Sijil Simpanan Premium sahaja dan tidak termasuk penyimpan-penyimpan biasa Bank Simpanan Nasional oleh kerana penyimpan-penyimpan biasa ini dapat menikmati pembayaran faedah tahunan ke atas simpanan mereka. Walau bagaimanapun, orang ramai termasuk penyimpan-penyimpan biasa Bank Simpanan Nasional digalakkan supaya menyertai cabutan-cabutan hadiah ini dengan membeli Sijil-sijil Simpanan Premium ini.

Berhubung dengan peniaga-peniaga kecil khasnya bumiputra yang masih menghadapi masalah mendapatkan pinjaman-pinjaman daripada bank-bank perdagangan, Kerajaan memang sedar tentang masalah-masalah ini. Di atas kesedaran inilah maka Kerajaan telahpun mengadakan berbagai-bagai kemudahan kewangan yang ditujukan khas kepada masyarakat bumiputra. Kerajaan telahpun mengadakan garis-garis panduan yang mesti dipatuhi oleh bank-bank perdagangan supaya memperuntukkan pinjaman-pinjaman kepada peniaga-peniaga kecil sekurang-kurangnya 20% daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan pada 30-6-1979. Selain daripada ini Kerajaan juga telah menubuhkan syarikat jaminan kredit khas untuk memberi jaminan terhadap pinjaman yang diberikan oleh bank-bank perdagangan kepada peniaga-peniaga kecil. Di bawah skim ini yang kurang daripada $30,000 tidak dikenakan apa-apa cagaran.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: (*Bangun*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri beri jalan?

Tuan Mak Hon Kam: Saya tidak beri jalan. Minta Maaf, sudah lewat.

Dengan adanya kemudahan-kemudahan ini seperti yang dinyatakan di atas, saya tidaklah bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Abdullah bin Salleh untuk menubuhkan Bank Peniaga-peniaga Kecil. Sekiranya Yang Berhormat mengetahui kes-kes sebenar di mana pinjaman oleh peniaga kecil bumiputra ditolak, perkara ini bolehlah dipanjangkan kepada Kementerian Kewangan supaya penyiasatan lanjut dapat diambil.

Mengenai cadangan untuk menurunkan lagi cukai ekspot ke atas getah sebagai langkah untuk membasmikan kemiskinan, suka saya memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini bahawa Kerajaan telahpun mengurangkan duti ekspot ke atas getah dalam Belanjawan bagi tahun 1980. Hasil yang terkorban akibat daripada pengurangan ini adalah dianggarkan sebanyak $206 juta setahun. Suka saya menegaskan di sini bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji cara-cara untuk membantu pekebun-pekebun kecil.

Berhubung dengan cukai yang dikenakan ke atas baja yang diimport, pada masa ini, ianya adalah rendah sahaja dan kebanyakan daripada baja ini tidak dikenakan duti import sama sekali. Duti yang dikena ke atas baja itu ialah bertujuan untuk memberi perlindungan yang minima kepada perusahaan-perusahaan baja tempatan.

Bagi kerja-kerja membina rumah dan lain-lain kemudahan untuk Projek Bintulu, kontraktor-kontraktor bumiputra akan mendapat keutamaan mengikut dasar Kerajaan yang berkuatkuasa pada masa ini, sama seperti di dalam projek-projek yang lain.

Akhir sekali, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menunjukkan minat kepada kegiatan-kegiatan Kementerian saya. Untuk cadangan-cadangan dan teguran-teguran yang lain Kementerian saya akan mengambil perhatian dan tindakan yang selanjutnya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

10.45 mlm.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk mengutarakan beberapa pandangan yang berguna dan teguran-teguran yang membina mengenai dasar luar negeri Malaysia dan Kementerian Luar Negeri.

Daripada perbahasan sidang Titah Ucapan Di Raja ada pandangan-pandangan tentang dasar luar negeri yang telah dibangkitkan dan ini menunjukkan kegigihan minat Ahli-ahli Dewan atas perkara yang begitu penting bagi negara kita ini. Sepertimana yang Ahli-ahli Dewan ini sedia maklum, keutamaan atau prioriti dasar luar mana-mana negara termasuk negara kita, adalah memperjuangkan kedaulatan, keutuhan wilayah serta kemerdekaan negara dan kedua, bagi meningkatkan pembangunan sosio-ekonomi negara. Dalam perkembangan suasana politik ekonomi serantau khususnya dan di dunia amnya masakini yang agak membimbangkan maka peranan dasar luar memperjuangkan kepentingan Malaysia adalah berat dan penting.

Beralih kepada perbahasan sidang Titah Ucapan Di Raja, sukalah saya menyentuh pandangan-pandangan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-ahli Dewan.

Menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Rahmah Othman, saya suka menerangkan negara-negara memang memandang berat perkembangan di Kampuchea dan di Afghanistan dan telah mengambil banyak daya usaha dalam mencari jalan penyelesaian perkembangan tersebut dengan cara damai. Daya-usaha daya-usaha tersebut termasuk langkah dan sikap yang telah diambil oleh negara-negara ASEAN bersama di Bangsa-bangsa Bersatu, di Sidang Kemuncak Negara-negara Berkecuali, di Sidang Tergempar Persidangan Islam, di Sidang Kemuncak ASEAN di Bali, di mesyuarat-mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN dan akhir sekali waktu sidang ASEAN/EEC menandatangani

perjanjian kerjasama. Tidak kurang perkembangan-perkembangan ini kita membangkitkan waktu lawatan-lawatan pemimpin-pemimpin negara asing yang melawat Malaysia serta waktu lawatan pemimpin-pemimpin kita ke luar negeri. Kesimpulannya kita dan negara-negara ASEAN sentiasa mengambil setiap peluang yang terbuka untuk mengulas dan mencari jalan bagi penyelesaian masalah di Kampuchea dan di Afghanistan. Kita memang bimbangkan kalau-kalau perkembangan-perkembangan tersebut terutama yang berlaku di Kampuchea mungkin merebak ke negara-negara ASEAN lain jika tidak diawasi.

Perkembangan-perkembangan di Afghanistan dan di Kampuchea meyakinkan lagi kepada kita perlunya negara-negara kecil menjauhkan diri daripada pergolakan rebutan kuasa dan campurtangan kuasa-kausa besara. Keyakinan itulah yang menyebabkan kita dan negara-negara ASEAN bersatu padu memperjuangkan dasar ZOPFAN yang kita dokong sekarang, iaitu untuk mewujudkan Asia Tenggara sebagai satu Kawasan Awam, Bebas dan Berkecuali jauh daripada persaingan kuasa-kuasa besar. Suka saya menyatakan bahawa kebenaran dasar dan perjuangan kita dan ASEAN itu dibuktikan dengan sokongan antarabangsa yang meluas. Kita yakin bahawa jika dasar dan konsep ZOPFAN ini terlaksana dan diamalkan dengan sepenuhnya oleh semua negara Asia Tenggara dan negara-negara asing terutama kuasa-kuasa besar, matlamat ZOPFAN untuk menjaminkan keamanan, kesetabilan dan keselamatan Asia Tenggara akan tercapai. Oleh itu, kita akan terus memperjuangkan dasar ZOPFAN.

Walau bagaimanapun, kita juga sedar bahawa kita juga perlu mengambil langkah-langkah yang lain yang boleh menjaminkan keselamatan kita dan keselamatan serantau. Ini termasuk usaha kita untuk mengeratkan lagi perpaduan di kalangan rakyat jelata, memperkukuhkan lagi struktur sosio-ekonomi kita dan mengemaskan lagi keupayaan pertahanan negara kita. Semuanya ini bertujuan mengukuhkan lagi ketabahan nasional kita untuk membolehkan kita menghadapi sebarang ancaman. Di peringkat serantau pula, kita bersama-sama negara-negara ASEAN, demikian juga turut sama mengambil langkah-langkah yang sama dan merapatkan lagi kerjasama untuk menguatkan ketabahan serantau ASEAN. Akhir kata, kita yakin bahawa usaha memperjuangkan matlamat ZOPFAN bersama dengan memperjuangkan matlamat mencapai ketabahan ASEAN adalah boleh mencukupi bagi menjaminkan keamanan, kesetabilan dan keselamatan rantau kita ini.

Soal untuk mengambil langkah sekatan ekonomi terhadap Afghanistan dan Vietnam adalah satu soal yang agak di luar keupayaan kita. Lagi pula soal ini bertentangan dengan dasar kita mencari jalan penyelesaian cara aman. Selain daripada itu, langkah sekatan ekonomi ini mungkin merumitkan lagi jalan penyelesaian.

Menyentuh perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator T. S. Gabriel:

(*a*) Syor Ahli Yang Berhormat itu memang sudah menjadi dasar kita dan ASEAN iaitu untuk mengadakan dialog dengan pihak Vietnam dan ini telahpun kita jalankan. Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, untuk menjalankan dasar itulah maka saya telahpun membuat lawatan rasmi ke Hanoi awal tahun ini dan mengadakan perbincangan dengan pemimpin Vietnam. Seterusnya, seperti yang telah dimaklumkan, Menteri Luar Vietnam akan melawat Malaysia tidak lama lagi untuk melanjutkan dialog tersebut untuk mencari penyelesaian masalah di Indochina demi keamanan dan kesetabilan serantau.

(*b*) Ahli Yang Berhormat mengesyorkan supaya keahlian dalam Majlis Keselamatan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu ditambah. Suka saya menyatakan bahawa soal ini termasuk soal-soal yang lain seperti soal veto, soal keanggotaan tetap, memang menjadi soal yang dikajikan oleh salah sebuah jawatankuasa Perhimpunan Agong Bangsa-bangsa Bersatu sekarang ini.

Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Ibrahim bin Abdullah pula, suka saya menyatakan bahawa memang sentiasanya setiap anggota ASEAN secara individu ataupun secara bersama menjalankan usaha-usaha memperkenalkan ASEAN, dasar-dasar dan tujuan-tujuannya. Di setengah-setengah ibukota-ibukota negara-negara yang penting ada pula ditubuhkan jawatankuasa ASEAN untuk menjalankan tujuan-tujuan yang tersebut

serta untuk menyelaraskan kegiatan-kegiatan antara ASEAN dengan negara-negara yang berkenaan itu.

Tentang seruan Ahli Yang Berhormat supaya Kementerian Pertahanan, Kementerian Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Luar Negeri berbincang dengan lebih erat lagi untuk menghadapi cabaran keselamatan negara, sukalah saya menyatakan bahawa ini memang sentiasa diamalkan antara Kementerian-kementerian tersebut dan juga dengan badan-badan Kerajaan yang lain yang berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain telah bertanya mengapa Kerajaan tidak mendapat bantuan daripada badan-badan antarabangsa. Sukacitalah saya menyatakan iaitu perbelanjaan di kemah-kemah pendatang-pendatang haram adalah dibiayai oleh UNACR, hanya Kerajaan kita memberikan bantuan dari segi menjaga keselamatan dan mengkoordinasikan pentadbiran. Pihak Bulan Sabit Merah Malaysia adalah memainkan peranan penting dalam hal ini.

Beliau juga menyentuh Afghanistan dan soal Palestine. Sebagaimana saya sudahpun nyatakan iaitu Malaysia adalah mengambil bahagian sangat aktif di forum antarabangsa demi menjaga kedaulatan dan keutuhan negara Afghanistan sebagai sebuah negara Islam dan juga ahli gerakan non-aligned. Tiap-tiap satu tindakan perlulah kita bincang dengan negara-negara Islam yang lain di dalam Persidangan Negara-negara Islam supaya tindakan kita itu satu tindakan bersama-sama atas nama negara-negara Islam. Begitu juga bersabit dengan masalah Palestine mengambil balik Baitul Muqadis dan tanah-tanah Arab yang lain, janganlah kita berjihad seorang diri sahaja. Tindakan kita berpandukan kepada pandangan-pandangan yang dikeluarkan oleh Persidangan Negara-negara Islam di dalam forum seperti Bangsa-bangsa Bersatu dan juga international forum yang lain.

Akhirnya, suka saya menambah bahawa segala teguran dan pandangan yang telah dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini yang menyentuh Kementerian saya akan diteliti dan diberi perhatian yang sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan yang mana saya tidak berikan ulasan-ulasan selanjut akan diambil perhatian. Sekian, terima kasih.

10.55 mlm.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menggulung jawapan bagi pihak Menteri Kebajikan Am.

Saya mengucapkan terima kasih ke atas teguran yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock pada 8hb April, 1980 di Dewan Mulia ini terhadap Rumah Kebajikan Taman Kemumin, Pengkalan Chepa, Kelantan kerana memasukkan pengemis-pengemis bersama orang-orang tua yang daif dan uzur.

Bagi menjawab kepada teguran Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoon Hock, saya sukacita menjelaskan bahawa Kementerian Kebajikan Am hanya ada sebuah yayasan yang dikhaskan bagi pengemis-pengemis di Mersing. Pusat tersebut tidak mencukupi bagi maksud Akta Orang-orang Papa 1977, oleh itu Kementerian ini terpaksa menggunakan lapan buah Rumah Kebajikan untuk menampung pengemis-pengemis bersama dengan orang-orang tua yang daif dan uzur. Walau bagaimanapun, rancangan sedang dibuat untuk membina sebuah lagi Pusat Pengemis bagi 300 penghuni di bawah Rancangan Malaysia Keempat.

Mengenai kesihatan, tiap-tiap pengemis yang dimasukkan ke Rumah Kebajikan adalah diperiksa dengan rapi oleh seorang Pegawai Perubatan untuk mengelakkan dari apa-apa penyakit yang berjangkit dan semua langkah diambil di Rumah Kebajikan untuk mempastikan kesihatan orang-orang tua dan juga pengemis-pengemis itu. Tambahan pula kerja kes dan counselling sedang dijalankan untuk menolong pengemis-pengemis mengubahsuaikan diri mereka di yayasan ini.

Saya sukacita memberitahu bahawa had maksima penghuni di Rumah Kebajikan Taman Kemumin ialah 250 orang dan kakitangan yang ada sekarang adalah seimbang dengan bilangan penghuni yang dihadkan itu. Walau bagaimanapun Kementerian saya mengkaji dari masa ke semasa terhadap keperluan kakitangan di semua yayasan yang ditadbirnya dan sekiranya perlu tindakan yang sewajar adalah diambil bagi menambah bilangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang akhir, Yang Berhormat Menteri Tak Berpotfolio di Jabatan Perdana Menteri.

10.57 mlm.

Menteri Tak Berpotfolio (Dato Haji Mohamed bin Nasir): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Ahli-ahli Dewan Negara yang telah memberi pandangan dan teguran yang membina terhadap Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan mengenai Titah Ucapan Di Raja 1980. Saya hanya akan menyentuh beberapa perkara yang perlu dijelaskan, sementara lain-lain teguran dan cadangan yang dibangkitkan akan diambil perhatian untuk kajian dan pertimbangan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Rahmah Othman antaranya membangkitkan perkara mengenai Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan. Suka saya terangkan di sini bahawa Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan yang telah dilancarkan pada bulan Jun 1976, adalah merupakan sebuah Majlis Tertinggi Wanita yang telah ditugaskan untuk bertindak sebagai penyelaras, perunding dan penasihat kepada Kerajaan dan antara Kerajaan dengan pertubuhan sukarela wanita dalam semua aspek mengenai integrasi wanita dalam proses pembangunan negara.

Semenjak ia ditubuhkan, beberapa usaha sebenarnya telah dijalankan oleh Majlis ini seperti mengumpul data-data, mengadakan penyelidikan-penyelidikan mengenai wanita, menyediakan filem dokumentasi wanita dan menyediakan rancangan tindakan wanita 10 tahun. Majlis ini juga tidak ketinggalan dalam mengambil bahagian di persidangan-persidangan, seminar dan mesyuarat mengenai wanita di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dari masa ke semasa. Untuk memperkuatkan Majlis ini supaya dapat bertindak dengan lebih berkesan lagi dalam usaha mengembelingkan kegiatan wanita dalam proses pembangunan negara, komposisi keanggotaan Majlis ini telahpun disusun semula dan dengan susunan baru ini adalah diharapkan Majlis ini dapat menjalankan tugasnya dengan lebih berkesan lagi. Begitu juga tugas-tugas Urusetia di Jabatan Perdana Menteri telah dikemaskinikan selaras dengan usaha untuk menggiatkan lagi Majlis tersebut.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad Arshad pula di dalam ucapannya berpendapat bahawa selagi Kerajaan mengamalkan Dasar Ekonomi Bebas (Free Enterprise) selagi itu Dasar Ekonomi Baru (DEB) tidak akan tercapai.

Terlebih dahulu, adalah penting diketahui bahawa Dasar Ekonomi Baru dirangka dan matlamat yang telah ditetapkan itu telah mengambil kira keadaan yang wujud di negara ini, termasuk amalan dasar ekonomi bebas. Atas andaian inilah maka Dasar Ekonomi Baru itu telah dirangka. Adalah menjadi dasar Kerajaan, di mana negara ini mengamalkan prinsip demokrasi yang memelihara dan menggalakkan Sistem Ekonomi Bebas. Kegiatan-kegiatan dalam berbagai bidang ekonomi, terutamanya perdagangan dan perindustrian, adalah dibuka dengan luasnya untuk disertai oleh orang-orang perseorangan dan syarikat-syarikat swasta. Sistem bebas ini telah didapati berkesan untuk memberi keuntungan dan faedah kepada semua pihak. Kemakmuran pada dewasa ini adalah menjadi bukti nyata bahawa sistem bebas ialah yang paling sesuai untuk negara kita Malaysia.

Walau bagaimanapun, kedudukan orang-orang Melayu dan kaum-kaum bumiputra lainnya tidak pernah, dan tetap tidak akan diabaikan. Malah Dasar Ekonomi Baru telah digubal dengan kepentingan bumiputra menjadi salah satu daripada pegangan penting dalam melaksanakan berbagai macam projek pembangunan.

Untuk mempastikan tercapainya matlamat-matlamat murni yang meliputi usaha memajukan kehidupan orang-orang Melayu dan kaum-kaum bumiputra lainnya, Kerajaan telah menubuhkan banyak agensi dan syarikat-syarikat yang menjalan aktiviti-aktiviti ekonomi selaku pemegang amanah, dan yang mana apabila tiba masanya hakmilik akan dipindah kepada bumiputra.

Oleh yang demikian, anggapan bahawa matlamat Dasar Ekonomi Baru tidak akan dapat dicapai selagi negara mengamalkan sistem ekonomi bebas, adalah tidak tepat sama sekali. Ini adalah kerana Dasar

Ekonomi Baru memang telah digubal dan dirangka dengan mengambil kira amalan Dasar Ekonomi Bebas.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh mengenai perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Alexander Lee, Kerajaan memang menyedari bahawa proses pembasmian kemiskinan adalah mengambil masa. Namun demikian, beberapa kejayaan dapat dilihat hasil daripada Rancangan Malaysia Kedua dan Rancangan Malaysia Ketiga. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus melaksanakan program-program yang boleh meninggikan pendapatan keluarga-keluarga miskin melalui rancangan tanah, kawasan pembangunan pertanian di kawasan yang sedia ada dan program-program untuk meninggikan kualiti hidup masyarakat jelata seperti persekolahan, perubatan, perumahan, bekalan air dan elektrik. Di samping itu Kerajaan akan juga memberi subsidi sama ada untuk meninggikan harga keluaran pertanian ataupun mengurangkan kos pengeluaran pertanian. Program-program ini akan diperluaskan dalam Rancangan Malaysia Keempat dan seterusnya.

Tuan Yang di-Pertua, bagai menjelaskan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Ibrahim Yaacob, Kerajaan mengakui bahawa skim Rukun Tetangga perlu dilancarkan ke seluruh negara dan peruntukan undang-undang memang sedia ada untuk tujuan tersebut. Walau bagaimanapun, perlaksanaannya perlu dibuat mengikut keutamaan dan keadaan berasaskan kepada kakitangan, kewangan dan lain-lain faktor termasuk keselamatan. Ini juga selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengukuhkan (consolidate) lagi sektor-sektor yang sedia ada sekarang sebelum membuka sektor-sektor baru. Dengan wujudnya banyak lagi sektor Rukun Tetangga, ia bukan sahaja mengurangkan masalah jenayah bahkan juga mengukuhkan lagi perpaduan di kalangan rakyat yang berbilang kaum.

Selain daripada itu, tindakan yang perlu sedang diambil untuk membolehkan tugas-tugas dijalankan oleh ahli-ahli Rukun Tetangga bukan sahaja pada waktu malam tetapi juga pada waktu siang.

Menyentuh mengenai perkara pembayaran elaun kepada ahli-ahli Rukun Tetangga, ianya tidak dapat dilakukan. Ini adalah kerana tindakan sedemikian adalah bercanggah bukan sahaja dengan konsep Rukun Tetangga itu sendiri tetapi juga dengan peraturan-peraturan berkenaan.

Suka saya mengingatkan di sini bahawa tiap-tiap Ahli Rukun Tetangga hendaklah menganggapkan tugas mereka dalam membuat rondaan atau pengawalan bagi tempoh masa tertentu, adalah merupakan sumbangan dan pengorbanan mereka sebagai mata dan telinga Kerajaan untuk tujuan keselamatan dan keamanan di sektor masing-masing dan juga ianya penting untuk mengerat dan mengukuhkan lagi perhubungan antara kaum.

Bagi menjawab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr Wee Khoon Hock, Kerajaan memang sedar bahawa perpaduan di antara penduduk-penduduk di negara ini walau di mana juga mereka tinggal hendaklah sentiasa dipereratkan lagi, terutama di antara penduduk-penduduk di Sabah, Sarawak dan di Semenanjung. Menyedari hakikat ini, maka semenjak tahun 1969 Lembaga Perpaduan Negara telah menubuhkan Jawatankuasa Muhibbah Negeri, Bahagian dan Daerah di Sarawak serta menjalankan Program Kelas Perpaduan Rakyat di negeri tersebut. Rancangan Perhubungan Masyarakat pula telah dimulakan pada tahun 1975 di Sarawak dan setakat ini rancangan tersebut diperluaskan ke lima buah bandar. Kedua-dua rancangan tersebut juga sedang diperkembangkan di Sabah di mana sebanyak tiga buah bandar telah menubuhkan Majlis Perhubungan Masyarakat dan sebanyak 40 buah Kelas Perpaduan Rakyat diwujudkan.

Sementara itu, Lembaga Perpaduan Negara juga telah mengumpul, mencetak dan menyebarkan buku-buku kecil Resam Muhibbah Masyarakat Malaysia meliputi sebilangan besar kaum-kaum di seluruh Negara.

Kerajaan juga telahpun mengkaji struktur organisasi dan fungsi Lembaga Perpaduan Negara untuk dipergiatkan lagi tugas-tugasnya dengan lebih efektif. Sehingga kini

Kerajaan belum lagi memikirkan perlu untuk menjadikan Lembaga Perpaduan Negara sebagai sebuah Kementerian berasingan oleh kerana pada masa ini didapati bahawa memadai ianya diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan dipertanggungjawabkan kepada seorang Menteri Kabinet di Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Senator Chua Ching Cheng pula menyentuh mengenai pegawai-pegawai yang malas, sombong, tidak cekap dan berkelakuan tidak senonoh di dalam perkhidmatan awam. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Perkhidmatan Awam telah mengambil tindakan dengan memperketatkan disiplin seperti diperuntukan dalam Perintah Am Bab "D" dan juga Seksyen 11, Akta Pencen. Bagi tujuan memperbaiki prestasi pegawai juga, Jawatankuasa Memandu yang ditubuhkan di bawah Ethika Perkhidmatan Cemerlang telah membuat lawatan ke Kementerian-kementerian dan Jabatan-jabatan untuk menentukan supaya pegawai-pegawai dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang, cepat, kemas dan berkesan.

Berkaitan dengan urusan kenaikan pangkat, memang sejak dahulu lagi urusan kenaikan pangkat bukan didasarkan kepada kekananan atau tempoh perkhidmatan tetapi melalui sistem merit. Sistem ini adalah didapati sistem yang paling berkesan untuk mendapatkan hasil dan mutu kerja yang lebih baik dari semua tingkatan pegawai dalam perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh perkara-perkara mengenai pendakwah dan pengembang Ugama Islam yang ada dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator-senator, ingin dijelaskan di sini bahawa pendakwah yang sebenarnya adalah mereka yang menerangkan ajaran Islam mengikut kehendak Al-Quran dan Hadis dan memberi tafsiran yang sebenar mengenai Islam. Oleh itu, pendakwah-pendakwah yang menyeleweng daripada ajaran-ajaran Islam yang sebenarnya itu, ataupun berdakwah untuk kepentingan diri sendiri, bukanlah dinamakan pendakwah tetapi mereka itu adalah pendakyah.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa mengawasi pendakwah atau pengembang Ugama Islam sama ada yang datang dari luar negeri atau dalam negeri agar tidak menyeleweng daripada ajaran Islam yang sebenarnya. Dalam usaha ini, Kerajaan telah menentukan beberapa garis panduan dan syarat-syarat tertentu, antaranya, seperti berikut:

(*a*) Setiap pendakwah dari luar negeri, mereka hendaklah terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Jawatankuasa Penapis Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam, Malaysia. Latarbelakang dan pengetahuan mereka terhadap Ugama Islam sebenarnya adalah dipentingkan. Selain daripada itu, kedatangan mereka ke Malaysia juga hendaklah ada penganjur atau penjamin tempatan.

(*b*) Manakala bagi pendakwah-pendakwah dari dalam negeri pula, mereka juga dikehendaki mendapat kebenaran bertulis (tauliah) daripada Jabatan Ugama Negeri-negeri di mana tempat mereka akan mengadakan syarahan.

(*c*) Ajaran-ajaran yang dijalankan oleh pendakwah-pendakwah hendaklah tidak bercanggah dengan ajaran Ahlil Sunnah Wal-Jamaah.

Dengan adanya garis-garis panduan dan syarat-syarat seperti di atas, serta pengetahuan dan kesedaran sebagai seorang umat Islam, Kerajaan percaya hanya ajaran Islam yang sebenarnya disampaikan melalui kegiatan mengembangkan Ugama Allah.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengambil kesempatan di sini menyentuh apa yang dikatakan oleh Senator Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain yang mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin Islam Barisan Nasional mengatakan ugama-ugama lain adalah lebih baik daripada Islam. Ini adalah satu ucapan fitnah untuk menimbulkan perpecahan di kalangan rakyat negara ini khususnya umat Islam sendiri. Kita semua sedia maklum bahawa pemimpin-pemimpin negara kita ini khususnya dari

golongan Islam telah berjaya meletakkan Ugama Islam di atas satu kedudukan yang tinggi sebagai Ugama Persekutuan yang telah dinyatakan dalam Constitution, Fasal 3, pohon izin, yang berbunyi:

> "3 (1) Islam is the religion of the Federation; but other religions may be practised in peace and harmony in any part of the Federation".

Di sini nyata dan jelas bahawa Ugama Islam yang telah diletakkan atas asas sebagai Ugama Persekutuan itu telah diterima oleh semua kaum dalam negara kita ini dan ugama-ugama lain itu dapatlah dilaksanakan atau dipraktikkan di mana-mana sahaja dengan tidak ada gangguan dan boleh mereka itu menjalankan mengikut kehendak mereka sendiri. Jadi, kalau Ahli Yang Berhormat itu mengatakan bahawa pemimpin-pemimpin Islam telah meletakkan Ugama Islam ini ke bawah daripada ugama lain, maka tidaklah betul, ini adalah fitnah semata-mata dan saya suka mengingatkan dalam Majlis ini, tidak sahaja ini yang dikatakan tetapi di dalam kawasan pilihanraya Bukit Raya saya sendiri telah membaca satu circular yang dikeluarkan oleh parti PAS - ada dua gambar - di atas sekali gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan di bawah sedikit gambar saya sendiri. Mereka membuat fitnah bahawa dengan ucapan-ucapan kami yang telah diputarbelitkan oleh mereka mengatakan bahawa sebilangan besar atau ramai orang-orang Islam telah menjadi murtad-murtad ini bermakna kafirlah. Jadi, tuduhan yang seperti ini adalah satu tuduhan yang sangat dicela oleh Ugama Islam kerana ada satu hadis yang diceritakan oleh Abuazar yang mengatakan bahawa Nabi melarang sesiapa mengatakan fasik kepada saudaranya. Fasik pun tidak boleh, usahkan kafir—fasik pun tidak boleh. Bil fasik atau-pun Bil kufri, dengan kata kafir. Maka sekiranya saudaranya itu tidak kafir, tidak fasik maka perbuatan itu atau perkataan itu akan dikembalikan kepada mereka, yakni segala dosa-dosa yang dilakukan itu adalah dikembalikan kepada mereka semua dan azab mereka itu tidak sahaja di akhirat tetapi dunia juga sebagaimana keterangan yang kita dapat dalam Al-Quran yang bermaksud: "Bahawa orang-orang yang suka membuat fitnah-fitnah di dalam masyarakat orang beriman bagi mereka itu azab yang pedih di dunia dan di akhirat." Ini kenyataan yang jelas yang dinyatakan dalam Al-Quran. Beginilah orang-orang ini suka membuat fitnah, perkara-perkara yang besar tetapi mereka melaung-laungkan bahawa perjuangan mereka dan parti mereka satu parti yang memperjuangkan Islam, maka apa yang dikatakan oleh mereka itu jauh sama sekali, jauh panggang daripada api. Ertinya menyeleweng jauh, tidak betul sebagaimana yang dianggap oleh mereka.

Suka saya menjelaskan kepada Majlis ini sedikit lagi, pohon izin, Tuan Yang di-Pertua, suatu organisasi yang diwujudkan oleh suatu undang-undang tidak boleh kita namakan ugama kerana kalau dikatakan ugama dia mesti dikatakan "din" dan "din" itu, Inna' dina indallahil Islam. Ertinya "din" itu diwujudkan atau bersumber daripada empat sumber. Pertama, daripada Tuhan—Allah s.w.t. yang menciptakan ugama, yang kedua, Gibrel yang membawakan ugama itu dan yang ketiga, Kitab yang dicipta oleh Tuhan sendiri dihantar kepada manusia yang bernama Nabi. Jadi apa ugama-ugama yang dibawa oleh Nabi-nabi yang dahulu semuanya bersumber daripada empat ini, daripada Nabi Noh, a.h. Nabi Musa, a.h. Nabi Isa a.h. sampai kepada Nabi Muhammad s.a.w. Jadi kalau ada apa-apa pertubuhan yang diwujudkan melalui Perlembagaan (Constitution) atau undang-undang yang diciptakan oleh manusia tidak boleh dinamakan ugama. Itu adalah salah dari segi Ugama Islam itu sendiri dan ini boleh mengelirukan orang yang tidak begitu mendalam terutama sekali orang-orang kampung atau orang-orang awam yang tidak begitu mendalam dari segi ugama. Oleh itu, saya memberi pandangan bahawa soal ini adalah amat berat dan tidak patut diambil perhatian yang teliti dan harus dikaji dengan mendalam apakah langkah-langkah yang patut diambil atas mereka yang telah menggunakan Ugama Islam untuk kepentingan keduniaan, bukan kepentingan Allah dan Rasul.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua dan saya harap apa yang saya ucapkan itu akan menjadi suatu ingatan dan pengkajian kemudian daripada ini. (*Tepuk*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Diputuskan,

Bahawa suatu Ucapan yang tidak seperti-nya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyi-nya:

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih Ke bawah Duli kerana Titah Ucapan Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kelima".

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, 11hb April 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 11.20 malam.